



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 35 BILANGAN 27

RABU 4 JULAI, 1990.

رابو 10 ذوالحجة 1410

PERCUMA

Negara Brunei Darussalam sambut Hari Raya Haji hari ini

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Julai. — Umat Islam di Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Raya Aidiladha hari ini bermula dengan sembahyang sunat berjemaah di semua masjid-masjid dan surau-suru seluruh negara yang bermula jam 7.30 pagi tadi.

Penetapan hari raya itu adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah diumumkan oleh Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam pada 27 Jun lepas bahawa Hari Raya Aidiladha tahun ini jatuh pada hari Rabu, 4 Julai bersamaan dengan 10 Zulhijah, 1410.

Penetapan ini dibuat berdasarkan penglihatan anak bulan yang dilakukan oleh kadi-kadi daerah-daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait bersama-sama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur pada petang Sabtu lalu. Hasil penglihatan itu mendapati bahawa anak bulan Zulhijah telah tidak nampak dilihat. Maka bulan Zulhijah 1410 telah digenapkan 30 hari dan 1 Zulhijah telah jatuh pada hari Isnin lalu.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abd Rahman ketika berucap merasmikan persidangan tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.

PENDIDIKAN GEOGRAFI BANTU PEMBANGUNAN

GADONG, 27 Jun. — Pendidikan geografi memberikan sumbangan yang bermakna ke arah mengukuhkan pembangunan ekonomi dalam persekitaran yang mantap dan dapat dipertahankan dengan matlamat asas untuk mencapai kualiti yang bermakna di masa hadapan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata demikian di upacara pembukaan rasmi Persidangan Geografi Antarabangsa di Rantau ASEAN di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah, Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menambah dalam pendidikan,

geografi mestilah dilanjutkan lagi dan bukan hanya menghuraikan perkara-perkara seperti bentuk rupa tanah dan corak penempatan manusia.

"Ianya mestilah memberikan pemahaman yang lebih baik terhadap kesan kegiatan manusia ke atas kemandapan dan ketahanan ekosistem. Proses pendidikan mestilah dipergiatkan dan kesedaran persekitaran ditingkatkan."

tambah Yang Berhormat lagi.

Mengenai perancangan dan analisa projek, kata Yang Berhormat kita tahu bahawa penilaian kesan persekitaran telah pun digunakan selepas kajian ekonomi diselesaikan.

Bagaimanapun terangkan Yang Berhormat lagi, kita tidak akan mencapai pembangunan yang akan dapat dipertahankan jika faktor persekitaran diambil sebagai perkara pilihan untuk diper-

timbangkan hanya jika ianya memudahkan secara ekonomi.

"Dalam hubungan ini penggunaan sains geografi contoh ramalan ekosistem kita mestilah merupakan sebahagian daripada perkakas perancangan tersebut.

Di samping itu tambah Yang Berhormat lagi, keperluan menggabungkan sains geografi dengan ilmu

OLEH DK. SAIDAH POA

Lihat muka 4

Negara kita dianugerahkan dua pingat emas

GADONG, 27 Jun. — Negara Brunei Darussalam telah menerima pengisytiharan antarabangsa mengenai jenis tanaman yang unik yang dipamerkan di Osaka Greenery Exhibition di Jepun.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato

Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman mengumumkan perkara tersebut di upacara Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Geografi Antarabangsa di Rantau ASEAN di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah.

Yang Berhormat berkata, di pameran tersebut Negara Brunei Darussalam telah di-

anugerahkan hadiah terbaik dengan memperolehi dua pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Di negara kita, kata Yang Berhormat 85 peratus kawasanya masih lagi diliputi dengan hutan di mana terdapat tumbuh-tumbuhan dan binatang yang agak banyak.

Lihat muka 3

MANISNYA IMAN

"SESIAPA yang datang membawa amal kebajikan (pada Hari Kiamat), maka baginya balasan yang baik daripadanya; dan sesiapa yang datang membawa amal kejahatan, maka mereka yang melakukan kejahatan tidak dibalas melainkan dengan apa yang mereka kerjakan." (Maksud ayat 84 Surah Al-Qasas).

BERKENAN UTUS TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ramon John Haatyshyn, Gabenor Jeneral dan Yang Amat Berhormat Brian Mulroney, Perdana Menteri Kanada bersempena Hari Kanada hari ini.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam juga menghantar perutusan yang sama kepada Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Luar Kanada, Tuan Yang Terutama Tuan Charles Joseph Clark.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN REPUBLIK MAURITIUS

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Mauritius, dalam hasrat untuk mengeratkan lagi talian persahabatan yang sedia ada, telah menandatangani hubungan diplomatik mulai dari 2 Julai, 1990.

Bekalan air ditutup 18 jam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bekalan air di Daerah Brunei dan Muara termasuk Bandar Seri Begawan akan ditutup selama 18 jam pada 5 Julai, 1990 mulai jam 8.00 pagi.

Menurut jurucakap Jabatan Kerja Raya penutupan itu adalah bagi kerja-kerja pemasangan paip besar yang baru, yang akan membekalkan air ke daerah berkenaan.

PETIKAN TITAH

"DI DALAM bidang ekonomi, kita juga sedikit sebanyak telah mengalami kesan dari kejatuhan harga minyak dunia pada masa ini. Walaupun demikian, keadaan ini tidak menjejaskan pelaksanaan rancangan-rancangan yang telah disusun dalam Rancangan Kemajuan Negara kita, malah telah mengatunkan lagi azam kita untuk mencapai matlamat mempelbagaikan dan mengukuhkan sumber ekonomi negara."

Dititahkan di Istiadat Mengadap bersempena ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-41, di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 15 Julai, 1987.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

4 JULAI, 1990

Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang

KESELAMATAN PERHUBUNGAN DI JALAN RAYA

PERHUBUNGAN Berkesan Mengeratkan Perpaduan telah menjadi slogan utama negara kita tahun ini yang menjadi tema sambutan hari kebangsaan negara kita yang keenam. Kita yakin tema ini masih hangat dalam ingatan setiap rakyat dan penduduk negara tercinta ini, bahkan sewajarnya tema itu dijadikan semangat dan pendorong untuk meningkatkan 'keiskian' kita dalam berbakti kepada bangsa dan negara.

Tema tersebut amat jelas menekankan kepada kita tentang betapa pentingnya perhubungan dalam kehidupan kita setiap hari. Perhubungan itu menjadi penting, kerana ia merupakan laluan atau landasan untuk mencapai berbagai matlamat yang menjadi hasrat kehidupan bermegara.

Perhubungan yang berkesan itu dapatlah difahamkan sebagai cara kita berhubung, berkomunikasi atau melakukan sesuatu tugas dengan pantas, cekap, lancar dan efisien. Apabila tindak-tanduk dan komunikasi kita berjalan seperti yang dikehendaki oleh tema tersebut tentu akan mendatangkan kesan yang baik. Segala pekerjaan atau urusan yang berkesan tidak lain natijahnya adalah kejayaan dan kesejahteraan hidup. Dengan kata lain, perhubungan yang berkesan itu bukan saja akan mengeratkan perpaduan tetapi juga akan menyemarakkan kemajuan serta memantapkan keteguhan bangsa dan negara.

Dalam banyak hal kemandirian sesebuah negara memanglah tuntutannya perpaduan. Perpaduan yang erat dan mesra di kalangan rakyat dengan kerajaan dan di antara rakyat dengan rakyat merupakan syarat utama menjadikan sesebuah negara itu maju jaya, aman damai dan bahagia. Dalam kita 'bakari' untuk mencapai matlamat itu pula kita akan menemui kesannya yang kurang memuaskan kalau tanpa alat-alat tertentu yang dapat membantu kita melaksanakan sesuatu itu dengan lebih berkesan.

Selain dari radio, televisyen, telefon dan seumpamanya, jalan raya juga memainkan peranan penting dalam sistem perhubungan moden. Sukat-sukat apakah yang akan kita gunakan untuk mengukur sejauh mana jalan raya itu berperanan sebagai alat perhubungan yang berkesan. Mungkin ramai orang yang berpendapat dengan adanya jalan raya yang moden, luas dan bersestis. Dalam hubungan ini yang lebih utama bukanlah ciri-ciri jalan raya itu, tetapi adalah keselamatan kepada pengguna-pengguna jalan raya itu sendiri.

Kerana di akhir-akhir ini kemalangan di jalan raya semakin meningkat yang bukan saja melibatkan kerugian harta benda yang bukan sedikit, tetapi juga kehilangan nyawa atau mungkin juga menderita sebarang hayati. Ini namanya 'kesan perhubungan' dan bukannya 'perhubungan yang berkesan'. Dalam perhubungan di jalan raya kenderaan sama ada bermotor atau sebaliknya adalah alat yang digunakan untuk berhubung. Akibat dari penggunaan kenderaan-kenderaan inilah yang banyak membawa kesan buruk kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Puncanya adalah kecuai dan tidak mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang lalu lintas jalan raya yang telah digariskan untuk keselamatan dan kebaikan perhubungan tersebut. Oleh kerana masalah kemalangan jalan raya itu semakin serius, kerajaan telah mengukuhkan beberapa langkah untuk mengurangkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan itu terus berlaku dan demi untuk mengekalkan imej jalan raya sebagai salah satu alat perhubungan yang berkesan.

Antaranya ialah kempen-kempen keselamatan jalan raya yang diadakan dari masa ke semasa oleh pihak polis dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya. Semasa kempen-kempen itu diadakan pihak polis mengadakan sekatan-sekatan jalan raya untuk mengesan pemandu-pemandu dan kenderaan-kenderaan yang mereka pandu tidak mematuhi syarat-syarat keselamatan dan peraturan-peraturan lalu lintas. Mereka yang didapati bersalah biasanya akan dikenakan denda dan tindakan undang-undang mengikut peruntukannya yang telah ditentukan.

Kempen-kempen seperti ini diyakini akan dapat mendidik dan menyedarkan pemandu-pemandu bahawa mengabaikan peraturan-peraturan dan undang-undang lalu lintas adalah juga mengabaikan keselamatan diri sendiri dan juga orang lain. Bila kepentingan yang sedemikian itu diabaikan bererti matlamat untuk menjadikan perhubungan itu sebagai sesuatu yang berkesan adalah sukar untuk dicapai sepenuhnya. Oleh itu sama-samalah kita mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam memelihara keselamatan di jalan raya.

EKONOMI DAN PERSEKITARAN UNTUK KUALITI HIDUP YANG LEBIH BAIK

— Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Bismillahir Rahmanir
Rahim.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh.

SAYA merasa amat dihormati dan amat gembira kerana diundang bagi merasmikan pembukaan Persidangan Geografi Antarabangsa Di Rantau ASEAN pagi ini. Saya harap persidangan ini merupakan satu pertukaran fikiran dan bukan hanya pertukaran kata-kata dari kertas kerja yang disediakan dengan bijaksana. Kita merasa gembira kerana hadir bersama kita di sini pada hari ini para penceramah utama bidang ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Universiti Brunei Darussalam kerana mengadakan pertemuan seperti ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperti yang kita semua ketahui, dunia rasanya semakin kecil, bukan dari segi fizikal tetapi dimaksudkan dari segi adanya kemudahan perhubungan. Kemajuan yang telah kita capai dalam sistem perhubungan telah membolehkan kita tiba ke dunia sebelah sana dalam masa beberapa jam sahaja. Teknologi membolehkan kita mengadakan perbualan dengan rakan-rakan kita di dunia sebelah sana. Peristiwa-peristiwa yang berlaku di dunia sebelah sana, yang disiarkan dari peti televisyen kita, seolah-olahnya berlaku di hadapan rumah kita.

Yang terbaru sekali baru-baru ini, isu-isu semasa seperti hakisian lapisan ozon, hujan asid, pencemaran dan hakisian sumber-sumber asli dunia, jelas menunjukkan bahawa kita berada di dunia yang sama. Kita mula menyedari bahawa kita diam di dunia yang kecil dengan bahan-bahan yang terhad, kita berada dalam persekitaran yang sensitif yang tidak lagi dapat menghadapi penyalahgunaan. Kini kita berada dalam satu era di mana

DALAM dunia hari ini, tanpa disangkal lagi semua negara memberi keutamaan kepada pembangunan ekonomi negara masing-masing dengan matlamat asas iaitu untuk memberikan penghidupan yang lebih baik. Tetapi apakah yang kita maksudkan dengan penghidupan yang lebih baik?



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Upacara Pembukaan Rasmi Persidangan Geografi Antarabangsa Di Rantau ASEAN pada 27 Jun, 1990 di Universiti Brunei Darussalam.

(Terjemahan dari teks asal bahasa Inggeris)

kegiatan manusia mempunyai kesan secara langsung dan segera terhadap keseimbangan ekosistem pada keseluruhannya. Dengan kata lain, kita mungkin memusnahkan bahagian yang amat penting dalam hidup ini dalam kita mengejar kualiti penghidupan yang lebih baik. Kesedaran ini sedang menyerap pemikiran para perancang negara dan pembina negara. Kita sedari bahawa apa yang kita lakukan

pada persekitaran kita di s. u. bahagian dunia mempunyai kesan secara langsung terhadap bahagian dunia sebelahnya.

Dalam dunia hari ini, tanpa disangkal lagi semua negara memberi keutamaan kepada pembangunan ekonomi negara masing-masing dengan matlamat asas iaitu untuk memberikan penghidupan yang lebih baik. Tetapi apakah yang kita maksudkan dengan penghidupan yang lebih baik? Di satu pihak terdapat tanggapan ekonomi dan pihak yang lain, nilai-nilai persekitaran. Konsep ini memberikan kita cara-cara untuk mengukuhkan kedua-dua nilai ekonomi dan persekitaran yang kesudahannya memberikan definisi yang sama iaitu kualiti penghidupan yang lebih baik.

Kita mestilah mengakui kenyataan bahawa sains geografi telah memberikan sumbangan yang besar terhadap kemunculan konsep ini. Kita mestilah mengakui bahawa geografi akan terus menjadi satu cabang ilmu pengetahuan yang akan mengukuhkan lagi bahagian penting kewujudan manusia dan pengertian kualiti penghidupan yang lebih baik bagi manusia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Cabang ilmu pengetahuan awda, sains geografi yang akan memberikan sumbangan yang bermakna ke arah mengukuhkan pembangunan ekonomi dalam persekitaran yang mantap dan dapat diperahankan dengan matlamat asas untuk mencapai kualiti penghidupan yang bermakna di masa hadapan. Kegiatan manusia mempunyai kesan yang mendalam terhadap kejadian bumi dari segi fizikal, cuaca dan kajihiyati. Kita sekarang mempunyai alasan untuk memahami dengan lebih baik persekitaran kita, kita perlu memahami dengan lebih baik lagi bahagian-bahagian penting ekosistem kita. Kita perlu memahami sebab dan kesan perubahan di dalam ekosistem kita. Selanjutnya kita perlu memahami dengan lebih baik hubungan kegiatan manusia dengan persekitaran, ekosistem kita, dengan kegiatan manusia sebagai fakta yang terbeser, merupakan cabang ilmu pengetahuan yang penting yang akan dapat menjamin ketahanan pembangunan kita.

Dalam hubungan ini, terjemahan kata demi kata perkataan-perkataan Greek 'Geo' dan 'Graphos' yang memberi erti 'penghuraian bumi' sekarang mestilah melimpasi penghuraian semata. Ianya kini mestilah termasuk rumusan saintifik contoh ramalan ekosistem kita. Dalam pendidikan, geografi mestilah dilanjutkan lagi dan bukan hanya menghuraikan perkara-perkara seperti bentuk rupa tanah dan corak penempatan manusia. Ianya mestilah memberikan pemahaman yang lebih baik terhadap kesan kegiatan manusia ke atas kemandirian dan ketahanan ekosistem. Proses pendidikan mestilah dipergiatkan dan kesedaran persekitaran ditingkatkan.

Mengenai perancangan dan analisa projek, kita tahu bahawa penilaian kesan persekitaran telah pun digunakan selepas kajian ekonomi diselesaikan. bagaimanapun, kita tidak akan dapat mencapai pembangunan yang akan dapat dipertahankan jika faktor persekitaran diambil sebagai perkara pilihan untuk dipertimbangkan hanya jika ianya memudahkan secara ekonomi. Dalam hubungan ini penggunaan sains geografi, contoh ramalan ekosistem kita mestilah merupakan sebahagian daripada perkakas perancangan tersebut.

LIHAT MUKA 4

CABANG ilmu pengetahuan awda, sains geografi yang akan memberikan sumbangan yang bermakna ke arah mengukuhkan pembangunan ekonomi dalam persekitaran yang mantap dan dapat dipertahankan dengan matlamat asas untuk mencapai kualiti penghidupan yang bermakna di masa hadapan. Kegiatan manusia mempunyai kesan yang mendalam terhadap kejadian bumi dari segi fizikal, cuaca dan kajihiyati.

INSURANS KERETA TIDAK SAH TANPA CUKAI JALAN YANG SAH

TERLEBIH dahulu diucapkan penghargaan atas saranan Awang Ahmad bin Mohd. Sahat yang mencadangkan sistem menunggu yang lebih teratur dan lancar melalui penggunaan nombor (kad) di jabatan ini, khususnya di Bahagian Pembaharuan Cukai Jalan (Road-Tax) dan Tukar Milik.

Dalam hubungan ini, adalah perlu difahami bahawa pada tahun ini (khususnya) jabatan ini mengalami pertambahan permintaan perkhidmatan yang berlipat ganda. Dengan keperluan peraturan semasa yang mana setiap kereta yang berumur tujuh (7) tahun keatas dikehendaki menjalani pemeriksaan, sejumlah kira-kira 8,000 buah kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1983 telah menjadi fleet tambahan di dalam senarai pemeriksaan kenderaan pada tahun ini. Ini bermakna jabatan ini menerima kira-kira 6,500 permohonan perlesenan (termasuk membaharui Cukai Jalan dan lain-lain) dalam sebulan. Dalam keadaan yang sedia ada, tidaklah menghairankan untuk kita mendapati kesesakan di jabatan ini.

Keperluan permohonan yang tidak tepat

Dalam memproses permohonan dari orang ramai penyemakan teliti akan dibuat bagi setiap permohonan ini dalam memastikan mereka menepati keperluan-keperluan yang telah ditetapkan bagi satu permohonan. Misalnya bagi permohonan untuk membaharui Cukai Jalan kenderaan yang didaftarkan dalam tahun 1983, si pemohon dikehendaki untuk:-

- Membawa kereta ke Jabatan Pengangkutan Darat.
- Melengkapkan borang permohonan untuk membaharui Cukai Jalan dengan menyertakan:-
- Kad pendaftaran asal kereta berkenaan.
- Polisi Insurans yang sah,

- Wang \$5.00 untuk bayaran pemeriksaan,

- Wang untuk bayaran Cukai Jalan iaitu \$2.25 bagi setiap 100cc.

Sementara permohonan untuk tukar milik pula si pemohon dikehendaki untuk membawa kenderaan untuk diperiksa dengan melengkapkan borang tukar milik (Schedule A & B) dengan menyertakan:-

- Salinan Kad Pengekalan si penerima.

- Kad pendaftaran asal kereta berkenaan.

- Polisi Insurans yang sah atas nama si penerima.

- Surat penyelesaian pinjaman sama ada dari Pejabat Perbendaharaan ataupun bank dan

- Wang sejumlah \$5.00 untuk bayaran pemeriksaan.

Walaupun keperluan-keperluan ini telah disertakan bersama setiap borang permohonan kerap kali terdapat permohonan yang tidak menepati keperluan-keperluan di atas yang mana permohonan ini tidaklah dapat diproses. Inilah yang selalunya, di antaranya punca kelambatan proses permohonan.

Dalam hubungan ini orang ramai adalah juga dikehendaki untuk beratur menunggu giliran mereka untuk penyemakan dan penerimaan permohonan mereka. Selepas itu mereka akan dipanggil secara bergilir-gilir (yar & duhu akan didahulukan) untuk pemeriksaan kereta masing-masing. Proses ini adalah berbeza dengan proses kerja yang diperlukan di kaunter syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan pendaftaran Pesakit Luar di rumah sakit.

Kaedah bernombor seperti yang dicadangkan oleh Awang Ahmad ini pernah dicuba diadakan di jabatan ini pada beberapa tahun yang lalu yang mana hanya memberikan kesulitan kepada pegawai, kakitangan dan orang ramai. Walau bagaimanapun jabatan ini juga sedang membuat beberapa kajian tentang kemampuannya untuk mengadakan lain-lain kaedah bernombor bagi faedah ini.

SEBAGAIMANA yang kita sudah sedia maklum bahawa Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan adalah di antara jabatan-jabatan kerajaan yang sentiasa dihubungi dan disesaki oleh orang ramai semata-mata untuk membuat urusan berkenaan dengan kenderaan. Sistem yang berjalan pada masa ini ialah sistem berbaris sama ada dalam membaharui road-tax atau lain-lain hal. Untuk melicinkan lagi perjalanan sistem tersebut dengan lebih baik, teratur dan selesa maka saya mencadangkan supaya jabatan berkenaan menggunakan sistem nombor (kad) kepada setiap orang yang berurusan di sana.

Dengan cara ini orang ramai tidak perlu lagi berdiri lama menunggu giliran masing-masing dan juga tidak menghalangi orang ramai yang lalu-lalang. Sistem memakai nombor ini sudahpun dilaksanakan di lain-lain jabatan kerajaan di rumah sakit dan Jabatan Imigresen.

MAD,
Kg. Perpindahan Serasa,
Muara.

napun jabatan ini juga sedang membuat beberapa kajian tentang kemampuannya untuk mengadakan lain-lain kaedah bernombor bagi faedah ini.

Elakkan kesesakan

Memandangkan kesesakan di jabatan ini hanya tertumpu pada penghujung dan awal bulan (dalam musim pembayaran gaji), adalah lebih elok jika orang ramai akan dapat mendapatkan permohonan mereka dengan lebih awal bagi mengelakkan kesesakan yang dimaksudkan dan bukannya menunggu di hari mansuhi Cukai Jalan kereta mereka.

Kesalahan memandu tanpa cukai jalan.

Dalam kesempatan ini, sukacita saya menasihatkan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang beranggapan bahawa pihak-pihak berkuasa memberi mereka satu minggu (grace) untuk membaharui Cukai Jalan, selepas mansuhi Cukai Jalan mereka. Ini adalah anggapan yang salah. Perlu ditekankan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya untuk memandu kereta tanpa Cukai Jalan yang sah dan jika sabit

kesalahan ini seseorang itu boleh didenda sebanyak \$2,000 bagi kesalahan pertama. Insurans kereta adalah juga tidak sah tanpa Cukai Jalan yang sah. Ini bermakna sebarang tuntutan dari kemalangan tidak akan dilayan oleh pihak insurans.

Dalam kesempatan ini, sukacita saya menasihatkan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang beranggapan bahawa pihak-pihak berkuasa memberi mereka satu minggu (grace) untuk membaharui Cukai Jalan, selepas mansuhi Cukai Jalan mereka. Ini adalah anggapan yang salah. Perlu ditekankan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Lalulintas untuk memandu kereta tanpa Cukai Jalan yang sah dan jika sabit kesalahan ini seseorang itu boleh didenda sebanyak \$2,000 bagi kesalahan pertama. Insurans kereta adalah juga tidak sah tanpa Cukai Jalan yang sah. Ini bermakna sebarang tuntutan dari kemalangan tidak akan dilayan oleh pihak insurans.


HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI MOHD. HUSSAIN,
Jabatan Pengangkutan Darat.

Dari muka I

"Dari itu warisan yang unik ini akan terus dipelihara meskipun kita sedang meningkatkan usaha kita ke arah membina ekonomi yang sebagaimana besarnya berasaskan kepada minyak," tambah Yang Berhormat.

Persidangan tersebut dihadiri oleh seratus orang perwakilan dari keenam-enam anggota ASEAN. Sejumlah 32 buah kertas kerja telah dibentangkan sepanjang empat hari persidangan.

Sempena dengan persidangan itu satu pameran telah diadakan di Universiti Brunei Darussalam dan dibuka bagi kunjungan orang ramai dan tema persidangan pada hari itu ialah 'Pendudukan Geografi Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber-sumber Serta Pembangunan Ekonomi dan Sosial.'



Tidak semua percakapan diterjemahkan

PIHAK RTB, JPP besar hati atas sokongan dan cadangan dari Surat Pembaca, Wannie/Ronnie mengenai dengan alihbahasa ke bahasa Melayu rancangan televisyen yang dalam bahasa Inggeris. Ini bertujuan, seperti Dayang telah maklum, untuk memberi kefahaman kepada penonton-penonton kita, khususnya rakyat Brunei, yang kurang memahami bahasa Inggeris supaya mereka dapat mengikuti rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTB.

Dengan kelengkapan dan tenaga kemahiran yang ada, RTB dalam mengalih bahasa ini hanya berkemampuan mengukayahkan dua teknik atau cara iaitu dengan mengalih suara latar (voice-over dubbing) dan mensarikata (subtitling) yang mana keduanya menggunakan cara terjemahan skrip, rakaman dan siaran yang berlainan.

Mengalih suara latar menggunakan skrip yang diterjemah secara 'literal' atau langsung dari perkataan demi perkataan dan suara latar mengikuti skrip bahasa Melayu yang akan dirakam dan disiarkan. Alih suara yang diusahakan pada masa ini terhad kepada filem-filem rencana yang tidak terlalu teknikal dan yang menggunakan satu sualalatar sahaja.

Dalam mensarikatakan rancangan, terjemahan yang

disarikatakan hanyalah ringkas atau 'isi' percakapan atau cerita yang ditunjukkan dalam dua baris perkataan yang ditunjukkan semasa babak-babak tertentu. Tidak semua percakapan dalam babak atau gambar dapat diterjemahkan serentak kerana babak cerita atau percakapan yang terlalu cepat dan jika dibuat akan menjejaskan pemuatan tontonan orang ramai.

Usaha jabatan yang utama dalam perkara ini memanglah ditujukan kepada mengalih-bahasakan semua rancangan-rancangan luar negeri yang difikirkan sesuai ke bahasa Melayu, bahasa rasmi negara. Insya-Allah.

Mengenai dengan pengalihan rancangan Melayu ke bahasa Inggeris, ini hanya akan diungkapkan dengan rancangan yang hendak diadarkan bagi kegunaan antarabangsa atau rancangan-rancangan yang dikehendaki oleh perwakilan-perwakilan negara di luar negeri.

Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Mohammad,
B.p Pengarah Penyiaran dan Penerangan,
Jabatan Penyiaran dan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei,
Darussalam.

SAYA berpuas hati dengan pihak RTB kerana ada smenayangkan beberapa rancangan dalam bahasa Inggeris yang telah dialihbahasakan ke bahasa Melayu yang sebahagiannya berguna kepada para pelajar.

Tapi yang mendukacitakan ialah kadang-kadang RTB tidak ada memberikan ertinya sama sekali. Jadi saya sebagai pelajar ingin mencadangkan supaya RTB memberi etu dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dalam semua rancangan TV Inggeris mahupun Melayu. Supaya para pelajar mengerti apa yang mereka tidak ketahui dalam percakapan Inggeris. Dan orang asing pula akan tahu bahasa kita ini jikalau RTB memindahkan bahasa Melayu ke bahasa Inggeris dalam semua rancangan.

WANNIE/RONNIE 90's
Brunei.



TEMPAT menunggu yang sering penuh sesak dengan orang ramai yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan di Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



LEBIH 30 peserta yang menghadiri Persidangan Geografi Di Rantau ASEAN yang berlangsung selama empat hari di sini telah diraikan dengan jamuan makan malam di Restoran Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada malam Jumaat, lepas.

Pemangku Menteri Pendidikan yang juga menjalankan tugas-tugas khas Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat telah hadir di majlis itu bagi meraikan para peserta berkenaan (gambar atas). — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Sambungan dari muka 1

pengetahuan lain akan memastikan satu masa hadapan yang lebih baik bagi manusia di mana kita memerlukan pentadbir, pengurus, jurutera dan pakar-pakar lain yang mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang betapa pentingnya persekitaran yang mantap dalam konteks pembangunan yang dapat dipertahankan.

Seterusnya Yang Berhormat menambah perhubungan ekosistem di merata dunia memerlukan usaha dengan bekerjasama secara serantau

dan merata dunia agar kita mempunyai tanggapan yang sama terhadap punca dan kesan kegiatan manusia.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan perasaan gembira atas kerjasama yang dijalankan oleh Universiti Brunei Darussalam dengan Jabatan Perhutanan dan Royal Geographical Society, United Kingdom untuk menyokong perkembangan pusat kajian luar Universiti Brunei Darussalam.

Melalui usaha seumpama itu tambah Yang Berhormat

kita akan dapat pemahaman bersama tentang betapa bermaknanya ekosistem yang berhubungan.

Yang Berhormat seterusnya berharap persidangan pada hari itu akan memberi sumbangan yang berguna kepada perkembangan dan seterusnya sebagai perkakas perancangan dan sebagai proses pendidikan dalam mewujudkan kesedaran yang lebih besar terhadap keperluan bagi mendapatkan pembangunan yang dapat dipertahankan.

Sambungan muka 2

Saya gembira menyatakan bahawa persidangan ini dibuka dengan mata pelajaran pendidikan geografi. Justeru itu permustahakannya cabang ilmu pengetahuan ini tidak boleh diberi keutamaan secara berlebihan dalam membentuk pemahaman dan pandangan persekitaran setiap penuntut. Keperluan bagi kesedaran yang lebih besar terhadap peranan persekitaran dan betapa bermaknanya kemantapan dan ketahanannya dalam konteks kualiti penghidupan. Keperluan menggabungkan sains geografi dengan ilmu pengetahuan lain akan memastikan satu masa hadapan yang lebih baik bagi semua manusia. Kita memerlukan pentadbir, pengurus, jurutera dan profesional-profesional lain yang mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang betapa pentingnya persekitaran yang mantap dalam konteks pembangunan yang dapat dipertahankan.

Tuan-tuan dan Puan-puan

Saya merasakan bahawa kita semua berhimpun pada saat yang amat baik di Brunei Darussalam. Kita menitikberatkan nilai memelihara sumber-sumber penghidupan kita serta mengambil berat pandangan mengenai pemeliharaan (conservation). Kita begitu beruntung kerana menghadapi tekanan yang hanya sedikit dalam usaha menggembelng sumber-sumber asli kita yang lain. Kita masih dapat memelihara persekitaran kita jika dibandingkan dengan perkara lain. 85 peratus dari kawasan tanah kita masih lagi kawasan hutan. Dalam lingkungan kawasan yang agak kecil jika dibandingkan dengan tempat lain, kita mempunyai tumbuhan-tumbuhan dan binatang-binatang yang agak banyak. Sumber-sumber ini yang mudah didapati dan sedia ada adalah sesuatu yang unik di Negara Brunei Darussalam. Dalam satu tinjauan yang dijalankan oleh pakar-pakar dari Kew Gardens, England, penemuan jenis tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang baru telah diperolehi. Warisan kita yang unik ini akan terus dipelihara meskipun kita sedang meningkatkan usaha kita ke arah membela bakaikan ekonomi yang sebahagian besarnya berasaskan kepada minyak.

Dalam hubungan ini, saya berbangga mengumumkan bahawa Negara Brunei Darussalam baharu saja menerima pengisytiharan antarabangsa mengenai jenis tanaman yang unik yang dipamerkan di Osaka Greenery Exhibitions, di Jepun. Brunei telah dianugerahkan sebuah hadiah terbaik, dua buah pingat emas, dua buah pingat perak dan tiga buah pingat gangsa bagi beberapa contoh tanaman yang dipamerkan di sana.

KURSUS TEKNIK-TEKNIK PERUNDINGAN

Oleh
Bolhassan HAB

KUMBANG PASANG, 28 Jun. — Seramai 21 orang pegawai kanan dalam bahagian satu dan dua ke atas dari beberapa buah kementerian dan jabatan kerajaan telah menamatkan Kursus Teknik-teknik Perundingan anjuran Unit Latihan Pejabat Perjawatan di sini.

Pengarah Telekom, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar selaku tetamu kehormat di majlis penutupan rasmi telah menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para peserta.

Kursus itu dikendalikan oleh dua orang penceramah, Puan Noorishah binti Ahmad Tajuddin dan Cik Shantana Nagendram dari Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN).

Antara lain kursus yang bermula pada 25 Jun itu diadakan ialah bagi memperkalkan konsep dan prinsip-prinsip mengenai perundingan dan mendedahkan peserta-peserta kepada teknik-teknik perundingan.

Di samping itu ianya juga bertujuan untuk meningkatkan kecekapan peserta-peserta dalam rundingan-rundingan mereka semasa menjalankan tugas-tugas rasmi termasuk di peringkat antarabangsa.



PENGARAH Telekom, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Awang Haji Abu Bakar menyempurnakan sijil kepada salah seorang pegawai yang mengikuti kursus tersebut. — Gambar oleh Amat Moksin.

Penuntut baru Pusat Latihan Pertanian

TUTONG, 26 Jun. — Pusat Latihan Pertanian Sinaut di sini hari ini menerima penuntut-penuntut pengambilan baru bagi sesi 1990-94.

Tiga puluh tiga orang penuntut itu akan mengikuti kursus selama empat tahun bagi Diploma Kebangsaan Pertanian dan Diploma Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian. Mereka adalah pengambil kelima dan kelima.

Pertandingan nyanyian Bintang Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penari Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jawatankuasa Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-44 tahun akan menganjurkan pertandingan nyanyian Bintang Keputeraan 1990.

Ia terbuka kepada mereka yang berumur 15 tahun ke atas. Borang penyertaan boleh diperolehi dari penyambut tetamu di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Jalan Residency, Awang Amedun Haji Mohd. Yassin di Bahagian Latihan Radio Televisyen Brunei, Jalan

Berakas atau dari Ajang Am-dan bin Musa di RTB, Bandar Seri Begawan. Tarikh tutup penyertaan ialah esok.

Sementara itu Majlis Belia Brunei dan Muara juga akan menganjurkan pertandingan yang sama yang akan diadakan pada 24 Julai depan di ibu negara. Ianya dibuka kepada belia-belia berumur 17 dan 35 tahun.

Borang dan keterangan lanjut boleh diperolehi dari Dayang Zainun Haji Abdullah di Pusat Belia, Haji Suhaili Haji Ahmad di Jabatan Perkhidmatan Pos atau dari Haji Murni di Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan. Borang penyertaan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 9 Julai ini.

MELUKIS DENGAN PENCELUP ASID

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Jun. — Guru-guru lukisan di negara ini sedang diperkenalkan dengan cara baru melukis.

Seramai 21 orang guru lukisan dari sekolah-sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara dan Temburong menghadiri bengkel bagaimana menghasilkan lukisan dengan menggunakan pencil asid.

Bengkel itu dikendalikan oleh seorang pelukis dari Brunei.

tain, Dayang Sian Tucker yang diadakan di Sekolah Menengah Kampong Salam-bigar di Jalan Muara.

Pertunjukan yang sama juga akan diperkenalkan kepada 20 orang guru lukisan dari Daerah Belait dan Tutong pada hari berikutnya, di Maktab Anthony Abell di Seria.

Bengkel tersebut dianjurkan bersama oleh Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan dan British Council.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . Siri ke-544

TAREKAT DAN TASAWUF

KEMUDIAN ia sebutkan hadis-hadis Mauquf dan hadis-hadis Maqthu' dan rawi-rawinya sebanyak 47 orang daripada sahabat dan lain-lain orang.

Katanya: Kita ringkaskan daripada hadis-hadis itu akan sifat-sifat dan perihal Al-Mahdi Al-Muntazhar itu:

Namanya: Muhammad bin 'Abdullah.

Kunyahnya: Abu 'Abdillah.

Dia berketurunan daripada keturunan Sayidina Al-Hassan bin 'Ali bin Abi Tha'alib Radiallahuanhum.

Sebab dinamakan dia Al-Mahdi kerana dia dapat mengeluarkan suatu naskhah Taurat yang asal yang tersimpan di satu gunung di Tanah Syam, dengan Taurat itu ia dapat berhujah dengan orang-orang Yahudi dan satu kumpulan orang Yahudi masuk Islam di tangannya.

Sifat badannya dan pakaiannya:

Dia seorang laki-laki yang tinggi warna hitam manis, mukanya seperti bintang berseri dan elok, luas dahinya, tinggi batang hidungnya, matanya hitam dan luas, halus bulu kening dan panjang, dan jauh di antara dua keningnya itu, di atas pipinya sebiji tahi lalat hitam, tebal janggutnya, berseri gigi manisnya, pada satu dari bahunya ada seketul daging hitam dan di atasnya sehelai rambut sebagai rupa cincin, jauh di antara dua pehanya, dia memakai baju selindang warna putih, pendek rambut dan bulunya ('Abaaatun Qatwaaniyatun).

*Tempat beranak dan tempat mengangkat setia:

Dia diperanakkan di Al-Madinah Al-Munawwarah, dan ia besar di sana, sebelum orang-orang mengangkat setia kepadanya, berlaku sesuatu peperangan di antara tentera Assufyani dengan orang-orang penduduk Madinah di suatu tempat bernama Ahjaar Az-Zait, dan penduduk Madinah menerima kekalahan, maka Al-Mahdi lari ke Mekah dengan satu kumpulan, kemudian datang berbagai-bagai bangsa umat Islam mengangkat setia kepadanya, dan membawanya dari rumahnya dan mengangkat setia kepadanya di antara Hajar Al-Aswad dan Makam Ibrahim Alaihissalam dengan ia terpaksa menerima ikatan setia mereka.

Tenteranya dan pasukan-pasukannya dan peperangannya:

Setelah selesai orang-orang dari mengikat setia kepadanya, maka ia berangkat dari Mekah dalam satu angkatan tentera berjumlah 300 beberapa belas orang, menuju kepada tentera

Assufyani yang berada di Syam, kemudian datang pasukan Syu'aib At-Tamiimi dari Negeri Khuraasan, dalam tiga pasukan tiap-tiap pasukan 5,000 orang, kerana menguatkan tentera Al-Mahdi, dan datang pasukan Al-Haasyimi dari Negeri Rai dalam satu kumpulan, dan datang orang-orang dari Negeri Thaliqaan, Kuffah, Yaman dan Tunisia, adapun pasukan Syu'aib dan Al-Haasyimi bertemu di suatu tempat Ishtakhr dan berlaku pertempuran di antara keduanya dengan tentera Assufyani dengan hebat sehingga kuda-kuda mengharung darah dan tentera Assufyani menerima kekalahan, adapun lain-lain pasukan berhubung dengan Al-Mahdi di tempat Thabariyah; dan mereka mengikat setia kepadanya, di sana berlaku pertempuran di antara tentera Al-Mahdi dengan tentera Assufyani dan tentera Assufyani menerima kekalahan dan Al-Mahdi menawan Assufyani dan disembelih akan dia di Tasik Thabariyah berhampiran dengan seponoh kayu, dan Al-Mahdi menawan harta rampasan yang banyak dinamakan dia harta rampasan Kalb kerana Assufyani itu terdiri daripada Kabilah Kalb kemudian Al-Mahdi menghantar tenteranya merata-rata tempat dan dia sendiri pergi di suatu tempat Anthakiyah di Tanah Syam dan dia tinggal di sana seketika lama kerana berehat dari kepenatan perang, kemudian ia menuju ke Sannatunafal dan mengepung bandaraya itu seketika lamanya kemudian dapat ia menawan bandar raya itu, dan mendapat harta-harta rampasan, manakala ia sedang berbagi-bagi harta tawanan itu, tiba-tiba datang perkhbarannya bahawa Dajjal besar bangsa Yahudi itu telah keluar, maka ia dan tenteranya pergi menuju kepada Dajjal dan memerangi Dajjal besar bangsa Yahudi itu, dan Dajjal dapat mengepung tentera Al-Mahdi di Baitul Maqdis, sengkeralah tentera Al-Mahdi ia seketika lamanya sehingga mereka tiada dapat makanan dari kelaparan, dalam keadaan sengsara itu tiba-tiba Nabi Isa Alaihissalam turun ketika orang-orang Islam hendak Sembahyang Subuh, maka dia sembahyang berimamkan Al-Imam Al-Mahdi kemudian dia keluar menuju kepada Dajjal, maka ia dapat membunuh Dajjal dan bertuburanlah pengikut-pengikut Dajjal itu, dan kembali semula kekuatan umat Islam dan Nabi Isa Alaihissalam menjadi khalifah memegang teraju umat Islam.

Lama masa Al-Mahdi menjadi khalifah dan umurnya:

Ketika ia menjadi khalifah bahawa umurnya 40 tahun, dan ia berada sekira-kira 7 atau 8 atau 9 tahun, maka masa pemerintahannya rata-rata kemewahan dan keadilan, dan mewah harta benda, kemudian ia mati dan umurnya tiada lebih

Bahagian yang kedua puluh enam



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

dari 65 tahun dan tiada ada suatu hadis menyatakan waktu matinya itu.

Masa keluar Al-Mahdi dan tanda-tandanya:

Ada beberapa tanda sebab keluar Al-Mahdi dalam hadis sahabat-sahabat Abi Sayy'ed dan Umusalamah dan 'Asyayah dan 'Ummu Habibah dan 'Auf bin Malik dan Hudzaifah dan 'Ali Al-Hilali dan akhir tanda keluarnya ialah berlaku pergaduhan di antara orang-orang haji di Mina Mekah sehingga berlaku tumpahan darah di Jamratul 'Aqabah, maka lepas itu Al-Mahdi terus keluar.

Ada orang suka mentakwilkan hadis-hadis perkara Al-Mahdi itu, dengan ia takwilkan mana-mana orang boleh jadi Al-Mahdi, dan ia menyangka bukan dikehendakkan dengan Al-Mahdi akan seorang yang tertentu, jangan ia main-mainkan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ikut sukanya, bagaimana boleh dikatakan Al-Mahdi itu pada sebarang orang, padahal hadis-hadis menyatakan bahawa Al-Mahdi itu orang tertentu, dan hadis-hadis menisfatkan Al-Mahdi itu dengan sifat-sifat yang memberakkan dia dari yang lain, dengan tiada ragu-ragu padanya.

Menurut kaedah dalam ilmu hadis dan ilmu Ushul Fikah, bahawa takwil itu dipakai apabila tiada dapat dimaknakan atau diertikan sesuatu hadis menurut zahir bunyinya, kerana ia membawa pada suatu perkara yang menyalahi akan perkara sebenarnya atau menyalahi akal atau mustahil pada akal dan bukan mustahil pada adat, atau lain-lain seumpamanya dan kamu apabila kamu perhatikan hadis-hadis perkara Al-Mahdi itu, maka kamu dapati ia suatu perkara yang mungkin bukan mustahil berlakunya pada adat bahkan bukan mustahil pada akal.

WALLAHU A'ALAM (Bersambung)

KORBAN DAN AKIKAH

BINATANG-BINATANG AKIKAH

1. Unta berumur antara 5 - 6 tahun.
2. Kerbau, lembu dan kambing berumur 2 - 3 tahun.
3. Biri-biri berumur 1 tahun.

Binatang-binatang yang hendak dijadikan akikah hendaklah yang sihat dan tidak ada kecacatan atau penyakit padanya.

Bilangan binatang akikah

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kira-kira bermaksud: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh kami melakukan akikah untuk anak lelaki dengan menyembelih dua ekor kambing dan anak perempuan menyembelih seekor kambing."

Dari hadis di atas jelas menerangkan bahawa bilangan akikah kambing untuk anak lelaki sebanyak

Bahagian terakhir

dua ekor dan anak perempuan satu ekor kambing.

Akikah bagi binatang kerbau, lembu dan unta pula ialah 2/7 bahagian bagi anak lelaki dan 1/7 bahagian bagi anak perempuan.

Maka daripada 2/7 bahagian itu ialah satu ekor daripada kerbau, lembu atau unta dibahagi kepada 7 bahagian. Kemudian diambil dua bahagian daripadanya bagi akikah anak lelaki, dengan itu anak lelaki mendapat bahagiannya sebanyak 2/7. Dan satu bahagian lagi diambil bagi anak perempuan dengan itu anak perempuan mendapat bahagian 1/7.

Bagi binatang kerbau, lembu atau unta, sekiranya pembahagian itu melebihi daripada akikah seseorang (anaknya cuma empat

orang perempuan), maka lebih pembahagian itu (3 bahagian) bolehlah berkongsi dengan orang lain.

Sesiapa yang ingin berkongsi itu tidaklah disyaratkan semuanya dari satu keluarga malahan untuk siapa-siapa saja. Dan tidak juga disyaratkan ke tujuh-tujuhnya mesti berniat untuk melakukan akikah. Bahkan boleh juga sebahagian dari tujuh itu berniat untuk melakukan korban jika binatang itu disembelih pada Hari Raya Haji atau sebahagiannya lagi untuk dijual atau untuk dimakan sendiri.

Misalnya seekor (1) dibahagi tujuh. Kemudian 2/7 diniatkan untuk melakukan akikah bagi seorang anak lelaki, dan 1/7 lagi diniatkan untuk akikah seorang anak perempuan dan selebihnya 4/7 lagi boleh dijual atau dimakan.

Kesimpulannya dalam seekor (1) kerbau boleh dijadikan akikah untuk dua orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan atau tiga orang anak lelaki dan seorang anak perempuan dan seterusnya.

Daging akikah

Daging akikah itu sunat dimasak dengan dicampur

Menuju Keredaan Allah

KELOLAAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

sedikit bahan-bahan yang manis seperti madu, tulangnya janganlah dipecah-pecahkan atau dikerat kecil-kecil, hendaklah binatang itu dipotong mengikut sendi-sendi.

Dan sunat pula dimasak dahulu sebelum disedekahkan. Ia sunat disedekahkan sebahagiannya kepada fakir miskin dan sebahagiannya lagi disedekahkan kepada jiran tetangga.

Daging akikah ini, jika ia akikah sunat maka bolehlah dimakan oleh orang-orang yang melakukan akikah itu. Jika ia akikah wajib seperti lanya dinazarkan maka haram bagi yang melakukan akikah itu untuk memakannya, bahkan mesti disedekahkan kepada fakir miskin.

Kedua-dua jenis daging akikah sunat dan wajib, haram diberi kepada orang-orang kafir dan haram juga dijual, sama seperti daging korban.

WALLAHU A'ALAM

TAMAT

Belia perlu asas yang kukuh

BERAKAS, 28 Jun. — Kursus Penerangan Am Anugerah Duke of Edinburgh berlangsung pagi tadi di Stadium Negara Hassanah Bolklah, di sini.

Kira-kira 40 orang termasuk guru-guru sekolah,

pemimpin belia dan ahli-ahli persatuan belia menghadiri.

Tetamu kehormatnya ialah Pegawai Tugasan Tugasan Khas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Beliau berkata negara kita yang mempunyai keramaian penduduk lebih daripada 50 peratus di bawah umur 20 tahun perlu mempunyai asas-asas yang kuat dan kukuh dalam melahirkan dan membentuk golongan belia yang baik, berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap kerajaan, bangsa dan negara khususnya dalam sama-sama memelihara keamanan politik, ekonomi dan budaya yang kita nikmati bersama ketika ini.

16 buah negara telah mengendalikannya rancangan mereka sendiri dan sehingga tahun 1988 telah meningkat kepada 48 buah negara.

Ketika ini, lebih 40 buah negara menyertai skim dan rancangan bagi penganugerahan tersebut.

Skim itu bertujuan untuk membantu menggalak dan menambahkan lagi berbagai kegiatan yang berfaedah yang diijaz oleh pertubuhan sukarela, belia, sekolah-sekolah dan firma-firma perniagaan.

PEPERIKSAAN MUZIK BERTULIS

BANDAR SERI BEGAWAN — Pesediaan-persediaan sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan The Royal School of Music (peperiksaan-peperiksaan bertulis) di Negara Brunei Darussalam dalam bulan November 1990.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam mulai 1 hingga 14 Julai 1990. Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar melalui cek atau bankdraft (matawang Sterling) dan hendaklah dibayar terus kepada The Royal School of Music, London dan bukan kepada Jabatan Peperiksaan, Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari 14 Julai, 1990 tidak akan dilayan.

SIFAT TAMAK DAN RAKUS BANYAK MENDATANGKAN KERUGIAN, BUKAN KEUNTUNGAN

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Sebelum ini kita telah pernah menyentuh sedikit sebanyak perihal kehidupan umat berhubung dengan soal keduniaan dan kesenangan serta usaha-usaha sebahagian daripada umat pada mencapai taraf hidup yang sempurna.

Kita telah katakan bahawa masalah kemiskinan atau kekayaan bukanlah suatu yang menjadi ketakutan kerana menjadi miskin atau menjadi kaya itu hanya adalah cubaan daripada Allah untuk kita bersabar atau berhati-hati supaya tidak lupa kepada cubaan itu.

Ianya juga bukan sesuatu yang biasa kerana orang yang susah kehidupannya ada mempunyai jalan-jalan yang boleh menjamin hidup seperti menerima zakat, sedekah dan lain-lain.

Orang kaya pula digalakkan memanfaatkan harta mereka itu dengan cara-cara yang disuruh oleh agama seperti berzakat, bersedekah dan lain-lain.

Ada banyak penerangan-penerangan mengenai perkara ini disebutkan di dalam Al-Quran dan juga di dalam sunah-sunah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan kita pernah mendengar banyak bukti-bukti yang menunjukkan betapa besar dan banyak faedah yang didapati oleh mereka yang mengeluarkan belanja pada jalan Allah itu dan betapa besar ganjaran pahala pada orang yang tahan bersabar dalam masa susah kehidupannya.

Apakah kita takutkan terjerit dalam masyarakat ialah sifat hidup yang tidak berpadu dengan nikmat yang ada semata-mata hendak bermewah-mewah berlebihan daripada yang sepatutnya ditanggung oleh diri sendiri.

Sifat rakus dan tamak adalah sifat yang menjadi punca kerosakan manusia. Kejahatan sifat rakus dan tamak ini diapikan oleh syaitan iblis sehingga sifat yang buruk itu menjadi elok sempurna.

Pada pandangan manusia sifat-sifat buruk ini ditambah dengan sifat-sifat lain seumpama seperti membazir, suka menunjuk-nunjuk (ria) dan berlawan-lawanan, tidak ikhlas, dengki khianat, tidak sabar, terburu-buru dan lain-lain.

Sebab itu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh kita menjauhi sifat ini dengan berdoa.

Mudah-mudahan doa ini jikalau kita baca dengan bersungguh-sungguh akan menjauhkan kita daripada beberapa penyakit hati di antaranya tamak dan hawa nafsu yang tidak pernah kenyang.

Sememangnya sifat tidak puas dan tidak berpadu dengan nikmat yang diberi oleh Allah adalah sifat semula jadi sebahagian anak Adam. Hanya orang yang ingat kepada Allah dan takutkan seksa-Nya sahaja yang akan dapat menyelamatkan dirinya dari sifat-sifat buruk ini sebagaimana yang diterangkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang artinya:

"Jikalau sekiranya seseorang anak Adam ada mempunyai dua lembah penuh dengan harta nescaya ia akan mencari lagi lembah ketiga (sebagai tambahan kepada kedua lembah yang penuh harta itu). Dan perut anak Adam tidak akan dipenuhi melainkan dengan tanah (ketika ia mati dalam kubur) dan Allah Taala mengumpunkan orang yang bertaubat."

Sifat rakus selalunya menjadikan seseorang itu tidak nampak apa yang lain selain daripada apa yang ditujunya atau dihajati walaupun apa jua akibat yang akan datang.

Sebaliknya inilah pula yang ditolong diperkuatkan oleh syaitan kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa sifat ini ada di dalam hati dan hati itu adalah semulia-mulia bahagian di dalam tubuh manusia.

Jikalau hati itu selamat maka manusia akan selamat, jikalau rosak maka rosaklah manusia. Maka syaitan akan sentiasa berusaha merosakkan bahagian yang paling utama dan berkesan iaitulah hati dan mengapi-apikan sifat yang merosak, yang boleh membawa penyakit kepada hati seperti sifat rakus dan tamak.

Diceritakan bahawa sewaktu berlaku ribut di zaman Nabi Noh, syaitan telah turut sama di dalam kapal yang membawa Nabi Noh, lari dari ribut taufan itu.

Nabi Noh bertanya, mengapa engkau berada di sini? Jawab syaitan, supaya aku dapat mengganggu hati para sahabatmu sehingga mereka itu mengikut aku dan tidak mengikut engkau sekadar badan mereka sahaja.

Nabi Noh pun menghalau syaitan keluar daripada kapal tersebut. Ketika itu syaitan berkata, ada lima perkara yang dengan aku boleh merosakkan manusia. Aku akan sebutkan tiga daripadanya, yang dua lagi tidak akan aku beritahu.

Lalu Allah mewahyukan kepada Nabi Noh supaya bertanya tentang dua perkara itu dan jangan bertanya tentang tiga perkara yang hendak disebutkan oleh syaitan itu.

Maka sabda Nabi Noh, apakah dua itu? Jawab syaitan, keduanya itu tidak pernah mendustakan aku dan tidak pernah menyalahi aku iaitulah rakus dan dengki. Dengan sebab dengki itu, kata syaitan, aku dilaknat dan aku dijadikan syaitan yang disumpah dan dengan sebab rakus itu, aku dapat menyampaikan maksudku menggoda anak Adam kerana syurga dengan segala isinya telah pun dihalalkan kepadanya tetapi Nabi Adam tidak sabar mengenai sebatang pohon.

Sifat tamak atau rakus ini telah banyak menyebabkan kita mendatangkan kerugian kepada orang, bukan keuntungan. Sebab itu tidak hairan kita mendapati berita-berita atau cerita-hatta pada masa ini oleh kerana tamak kepada harta kekayaan atau hendak mendapat kelebihan dan kesenangan dengan sekelop mata seseorang itu umpamanya telah tertipu dengan sanggup membeli sebihi batu permata yang sangat murah harganya yang kononnya akan menjadi berlian yang mahal kalau disimpan di dalam pasu dan diasapkan dengan kemenyan pada tiap-tiap malam Jumaat.

Ada pula seorang yang tamak itu sanggup mengeluarkan wang kepada dukun-dukun yang kononnya akan menjadikan wang mereka itu berganda-ganda banyaknya.

Kita dapati sebahagian orang yang tamak sanggup berhubung mengenai dirinya untuk mendapatkan kesenangan atau sanggup menjatuhkan maruah dirinya semata-mata untuk mencari sedikit kelebihan.


Semua ini tidak mendatangkan keuntungan bahkan kerugian sama ada kerugian harta benda yang hilang sebab ditipu orang ataupun dengan jatuh harga dirinya dan maruah. Inilah yang selalu dikatakan berkali-kali di dalam Al-Quran sebagai 'Addunia' atau Al-hayatiddunia' yang selalunya menyebabkan banyak orang lupa kepada Allah dan hukum Allah terutama di dalam hal hukum halal haram dan dosa pahala.

Allah Taala membuat satu perumpamaan yang baik tentang kehidupan dunia yang sebentar ini dalam Surah Yunus ayat 24 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang kami turunkan dari langit lalu tumbuh-tumbuhan bumi dari benda-benda yang dimakan oleh manusia dan binatang tumbuh subur bercampur-baur berpaut-pautan dari berbagai jenis dengan sebabnya, hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahan dan berhias (dengan berbagai jenis tanam-tanaman serta bunga-bunga yang berwarna-warni) dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat menguasainya (mengambil faedah hasilnya), datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari, lalu Kami menjadikannya dia hancur-lebur seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami satu-persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya)."

Apakah kita sebutkan di sini hanyalah sebagai semata-mata peringatan ikhlas supaya kita umat Islam sedar akan tanggungjawab kita sebagai hamba Allah yang diberi amanah di dunia ini pada menjalankan hukum-hukum pada diri kita, hati kita, perangai kita, nikmat yang dikurniakan-Nya kepada kita malah senang susah yang ditimpakan-Nya kepada kita hendaklah kita beringat-ingat supaya mempunyai pertimbangan yang betul, sentiasa tetap tidak singit apatah lagi tumpah, jangan menurukkan kehendak nafsu semata-mata tetapi gunakanlah akal yang waras berpadu peringatan-peringatan perimbangan diri yang betul ini atau yang dinamakan 'istiqaamah'.

Adalah dituntut bagi kita oleh agama kita iaitu sempurna hidup di dunia dan sempurna hidup akhirat. Kesempurnaan keduanya inilah menjadikan hidup manusia itu rukun damai, tidak takut menghadapi cabaran di dunia kerana seseorang yang demikian faham semuanya itu adalah cubaan Allah dan dihadapinya cubaan Allah dengan cara yang baik lalu ia mendapat keredaan Allah dan diingatinnya akhirat kerana itulah tempat hidup yang kekal



Maka disediakannya segalanya semasa ia masih lagi berada di dunia tempat sementara ini seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahli ayat 30 yang tafsirnya:

"Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertakwa: Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu, mereka menjawab kebaikan orang-orang yang berbuat kebajikan di dunia ini berupa balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi, dan memanglah (negeri akhirat) ialah sebaik negeri bagi orang-orang yang bertakwa."

Sebaliknya kalau semata-mata hendak memenuhi kehendak hidup dunia sahaja dan terlampaui berlebih-lebihan sehingga melimpasi batas-batas yang diperlukan oleh seseorang itu timbul dari sifat tamak, ia akan mendatangkan akibat seperti firman Allah dalam Surah Yunus ayat 7 hingga 8 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang tidak menaruh ingatan akan menemui Kami (pada hari akhirat untuk menerima balasan), dan yang reda (berpuas hati) dengan kehidupan dunia semata-mata serta merasa tenang dan tenteram dengannya, dan orang-orang yang tidak mengindahkan ayat-ayat (keterangan dan tanda-tanda kekuasaan) Kami. Orang-orang yang demikian keadaannya (dunia), tempat kediaman

mereka (di akhirat) ialah neraka, (itu adalah) disebabkan oleh keengaran dan kedherhakaan yang mereka telah lakukan."

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dari Ibnu Masud Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Barangsiapa yang telah menjadi sesi sifat cmtakan dunia pada dirinya maka akan melekat padanya tiga perkara iaitu susah yang sentiasa tidak pernah senang, rakus yang sentiasa tidak pernah merasa puas dan angan-angan yang tidak pernah sampai hujungnya."

Dunia ini penuntut dan dituntut maka barangsiapa yang menuntut dunia, dia akan dituntut oleh akhirat sehingga sampai matinya maka dia akan diambil oleh kematian itu. Dan barangsiapa yang menuntut akhirat dia akan dituntut oleh dunia sehingga ditunaikan rezekinya oleh dunia.

Demikianlah kita sekali lagi sukacita memberi peringatan, agama Islam tidak menghalang seseorang hendak menjadi kaya raya dan tidak pula menyuruh seseorang itu tetap menderita menjadi papa tetapi di dalam keduanya jikalau seorang itu terlarat di dalam satu keadaan hendaklah ia ingat kepada Allah. Kedua-duanya itu boleh dimanfaatkan oleh seseorang itu untuk menuju jalan kebaikan bagi mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu, 4 Julai hingga ke hari Selasa, 10 Julai, 1990 adalah seperti di bawah ini :-

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Julai												
4	12.26	3.51	3.52	6.36	6.37	7.52	7.53	4.48	4.39	4.49	6.11	6.12
5	12.26	3.51	3.52	6.36	6.37	7.52	7.53	4.48	4.39	4.49	6.11	6.12
6	12.27	3.51	3.52	6.36	6.37	7.52	7.53	4.48	4.39	4.49	6.12	6.13
7	12.27	3.51	3.52	6.36	6.37	7.52	7.53	4.48	4.39	4.49	6.12	6.13
8	12.27	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.49	4.40	4.50	6.12	6.13
9	12.27	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.49	4.40	4.50	6.12	6.13
10	12.27	3.51	3.52	6.37	6.38	7.52	7.53	4.49	4.40	4.50	6.12	6.13

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang Fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

SIFAT rakus dan tamak adalah sifat yang menjadi punca kerosakan manusia. Kejahatan sifat rakus dan tamak ini diapikan oleh syaitan iblis sehingga sifat yang buruk itu menjadi elok sempurna.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA

KHUTBAH PERTAMA

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

PADA saat-saat kita umat Islam menyambut Hari Raya Adha atau Hari Raya Korban atau Hari Raya Haji ini, marilah kita suburkan iman dan takwa kita kepada Allah Tabarak Wataala bagi menghadapi kehidupan dunia yang penuh dengan godaan dan cabaran.

Hanya dengan iman dan takwa yang kukuh jualah kita akan dapat menyelamatkan diri kita dari tertewas oleh godaan-godaan syaitan dan ajakan-ajakan hawa nafsu yang tiada mengenal batas.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Pada hari kesepuluh Zulhijjah setiap tahun, beratus-ratus ribu umat Islam dari seluruh pelusuk dunia berhimpun di Tanah Suci Mekah untuk mengerjakan ibadat haji, rukun Islam yang kelima dengan mem-

benamkan segala perbezaan suku bangsa dan warna kulit serta kedudukan masing-masing.

Di sana tidak ada perbezaan antara raja dengan rakyat, antara pembesar dengan orang biasa, antara yang kaya dengan yang miskin, semuanya dengan pakaian yang satu, menger-

IBADAT KORBAN : CONTOH KEIKHLASAN DAN PENGORBANAN

jakan ibadat yang satu, dengan tujuan yang satu iaitu untuk mencari reda Allah Subhanahu Wataala.

Manakala umat-umat Islam yang tiada berada di Tanah Suci Mekah pula, pada hari ini mereka berkumpul beramai-ramai di masjid untuk mengerjakan Sembahyang Sunat Hari Raya Adha dan selesai sembahyang nanti mereka akan menyembelih binatang-binatang seperti kambing, lembu, kerbau atau unta sebagai korban yang mana dagingnya akan dibahagi-bahagikan terutamanya kepada orang-orang fakir dan miskin dan selebihnya di-hadiahkan kepada sahabat handai dan jiran tetangga serta dimakan sendiri.

Ini bererti bahawa di hari raya ini, umat Islam yang ada kemampuan berkorban tidak melupakan penderitaan orang-orang fakir dan miskin yang amat sukar untuk menikmati makanan daging dalam kehidupan mereka sehari-hari. Marilah kita kerjakan suruhan berkorban itu dengan hati yang ikhlas semata-mata kerana Allah.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Di sebelah amalan berkorban itu tersirat suatu sejarah yang selalu kita peringati, satu sejarah yang diteruskan oleh syariat Islam untuk diamalkan oleh umat Islam. Satu sejarah yang sepatutnya dicontohi oleh

setiap generasi umat Islam. Peristiwa sejarah itu tidak lain melainkan satu ujian besar Allah Taala ke atas Nabi Ibrahim Alaihihissalam apabila baginda diperintahkan menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail Alaihihissalam.

Menyembelih anak kesayangannya bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Tidak semua orang akan dapat melakukannya. Hanya orang yang benar-benar beriman dan bersedia berkorban sahajalah yang dapat berbuat demikian.

Usahkan menyembelih anak, perintah sembahyang pun ada orang yang tidak mahu mengerjakannya. Usahkan menyembelih anak, perintah berzakat pun ada orang yang tidak mengeluarkannya. Usahkan menyembelih anak, perintah puasa pun ada orang yang tidak menghiraukannya. Usahkan menyembelih anak, bila ajaran-ajaran Islam hendak diterapkan dalam pentadbiran pun ada orang yang tidak menyokongnya.

Kesediaan Nabi Ibrahim Alaihihissalam melaksanakan titah perintah Allah untuk menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail benar-benar mencerminkan betapa kukuhnya iman dan betapa besarnya jiwa pengorbanan baginda pada menjunjung apa-apa jua titah perintah Allah. Kejujuran dan keikhlasan baginda telah diakui oleh Allah sehingga korban yang akan disembelih itu diutuk kepada sekor kibas.

Selain daripada Nabi Ibrahim Alaihihissalam ada banyak lagi contoh keikhlasan dan pengorbanan nabi-nabi dan rasul-rasul serta orang-orang mukmin yang lain yang dapat kita jadikan teladan pada menjunjung titah perintah Allah dalam menegakkan agama Allah.

Apakah kurangnya pengorbanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam? Apakah kurangnya pengorbanan para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam? Tentulah kita masih ingat bilamana baginda Rasulullah diberi tawaran pangkat atau wanita cantik untuk dijadikan isteri atau harta yang membolehkan baginda hidup mewah.

Tawaran-tawaran kaum Quraisy itu ialah supaya baginda memberhentikan kegiatan menyebarkan agama Islam di kalangan manusia. Tetapi baginda tidak makan pujuk, baginda tetap menolaknya dengan tegas.

"Kalaupun mereka letakkan matahain di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku

supaya aku meninggalkan tugas menyebarkan agama Allah ini, pastilah aku tidak akan meninggalkannya sehingga aku berjaya atau akan mati kerananya."

Demikian maksud baginda menolak tawaran-tawaran itu.

Selain daripada itu, baginda Rasulullah dan para sahabat telah diperintahkan supaya berhijrah atau berpindah dari Mekah ke Madinah. Ini bererti mereka terpaksa meninggalkan kampung halaman untuk selama-lamanya demi untuk menegakkan ajaran-ajaran agama Allah.

Tentulah bukan mudah meninggalkan tanah tumpah darah, 'hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik lagi di negeri sendiri'. Tetapi untuk menjunjung titah perintah Allah mereka tetap berhijrah, mereka tetap bersedia berkorban apa saja biarpun meninggalkan tanah-air untuk selama-lamanya. Perintah Allah tetap mengatasi segala-galanya.

Ini cuma dua contoh pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan satu contoh pengorbanan para sahabat Radiallahuanhum dalam menjunjung titah perintah Allah. Banyak lagi contoh-contoh yang lain yang sukar kita per-katakan dalam masa berkhutbah yang singkat ini.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Sekarang cuba kita tanyakan kepada diri kita sendiri dengan pengorbanan yang jujur dan ikhlas. Sejauh ini apakah pengorbanan yang telah kita lakukan pada menjunjung segala titah perintah Allah dan pada menjaui segala larangan-Nya?

Sudahkah kita benar-benar terlibat di dalam menegakkan ajaran-ajaran Allah pada diri sendiri, pada keluarga dan pada masyarakat? Jika belum, bila lagi?

Marilah kita berusaha memainkan peranan yang berkesan untuk memberikan apa-apa jua pengorbanan dalam usaha menegakkan agama Allah terutama sekali pada diri kita sendiri dan keluarga kita.

Mudah-mudahan dengan adanya orang-orang perseorangan dan keluarga-keluarga yang benar-benar beriman dan bersedia berkorban untuk agama itu akan lahirlah masyarakat Islam yang kuat, bersatu padu, bekerjasama dan sentiasa mendapat keredaan Allah Tabarak Wataala di tanahair kita Negara Brunei Darussalam.

KHUTBAH KEDUA

Alghibah dan annamimah: Dua perangai yang keji

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

DUA penyakit yang selalu menjangkiti masyarakat Islam ialah penyakit yang dinamakan 'alghibah' iaitu mengumpat dan penyakit yang dinamakan 'annamimah' iaitu memburukkan seseorang di kalangan masyarakat.

Adapun alghibah itu ialah perbuatan mengumpat atau memperkatakan hal orang di belakang pengetahuannya yang jika dia mendengar tentu akan menyakitkan hatinya sama ada yang diperkatakan itu tentang pekerjaan atau sifatnya.

Tujuannya tidak lain melainkan untuk memburukkan orang yang diumpatnya itu. Perangai jahat ini biasanya timbul dari perasaan hasad dengki dan tidak senang melihat orang lain itu ada kelebihan-kelebihan tertentu sama ada dari segi harta, pangkat, pengaruh, kemewahan, kemasyhuran dan sebagainya. Dia ingin supaya segala kelebihan orang itu hilang atau binasa.

Tahukah tuan-tuan bahawa orang yang mengumpat itu telah digambarkan oleh Allah Taala dengan seburuk-buruk gambaran yang mana orang itu adalah memakan daging mayat orang yang diumpatnya itu.

Bayangkanlah betapa jahatnya orang yang memotong daging si mati dan memakannya, kalau di masa kita di dunia ini ada orang berbuat demikian sudah tentu kita akan mencegahnya dengan sekeras-kerasnya kerana perbuatannya itu adalah menghina jasad dan kemuliaan si mati.

Pada ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam israk dan mikraj, baginda melihat satu kaum yang mempunyai kuku-kuku dari benda tajam, mereka garu-garukan kuku mereka itu ke muka dan ke dada mereka masing-masing.

Baginda Rasulullah bertanya kepada Jibril Alaihihissalam, siapakah mereka itu? Jawab Jibril Alaihihissalam, mereka itu adalah orang-orang yang memakan daging-daging manusia dan mencemarkan nama baik mereka di dunia. Demikian maksud sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap orang-orang yang mengumpat sesama orang Islam.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Banyak orang yang mengumpat itu apabila ditegur atau dinasihati akan berkata, ini adalah perkara yang benar, bukannya salah dan bukannya saya berbohong.

Tetapi insafilah bahawa mengumpat itu tetap perbuatan yang salah dan besar dosanya di sisi agama sama ada yang diperkatakan itu benar apatah lagi tidak benar. Kalau yang tidak benar pasti menjadi dua kesalahan, pertama mengumpat dan kedua dusta. Kalau benar dia tetap dinamakan mengumpat.

Adapun tentang 'annamimah' iaitu perbuatan memburukkan seseorang dengan cara memindahkan cakap orang lain yang didengarnya terhadap orang itu kepada orang ketiga, keempat, kelima dan seterusnya atau dengan kata-kata yang lain, orang yang melakukan 'annamimah' itu kerjanya menurut kata-kata biasa tidak lain melainkan 'membawa mulut' dengan tujuan memburukkan-burukkan orang yang menjadi sasaran umpat dan keji itu. Dia seronok memindah-mindah cakap orang itu tanpa menghiraukan akibat buruknya.

Perbuatan itu adalah merupakan dosa besar di sisi agama kita. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Tiada masuk syurga orang yang menyebarkan kata-kata bagi memburukkan seseorang."

Adalah menjadi kewajiban bagi sesiapa yang mendengar kata-kata mengumpat atau kata-kata yang bertujuan memburukkan seseorang Islam supaya mengengkingi dan melarangnya daripada perbuatan jahat jika dibiarkan pasti akan memecahbelahkan masyarakat, memutuskan silaturrahim dan berkemungkinan menyebabkan perkelahian apabila orang-orang yang diumpat atau diburukkan itu mendengar atau sampai ke telinganya.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Maka pada Hari Raya Adha ini iaitu hari di mana umat-umat Islam dari seluruh pelusuk dunai berhimpun di Tanah Suci yang mencerminkan perpaduan dan persaudaraan umat Islam, marilah kita menghindarkan diri masing-masing daripada sifat hasad dengki dan perbuatan umpat-mengumpat, fitnah-memfitnah serta memburukkan-burukkan saudara-saudara kita sesama Islam supaya terselamat kita daripada dosa besar dan azab seksa di akhirat serta demi untuk memelihara hubungan persaudaraan dan berbaik-baik di kalangan masyarakat supaya masyarakat kita sentiasa dalam aman, tenteram, bersatu padu dan hormat-menghormati antara satu dengan lain serta sentiasa diredai oleh Allah Subhanahu Wataala.

Sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah

SESSI PERBINCANGAN
SEMPENA HARI ANTARABANGSA
MENENTANG PENYALAHGUNAAN DAN
KEMASUKAN DADAH YANG DIKAWAL
26hb. JUN. 1990



AHLI-AHLI panel yang terdiri daripada Pengarah Penjara, Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab; Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Momin; Penolong Pengarah Biro Itu, Dayang Mastura dan Pegawai Narkotik Kanan, Awang Tiga. Duduk di tengah ialah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad Kadi siapa yang mempengerusikan sesi perbincangan itu.

Bagi membasmi penyalahgunaan dadah: Belia sekarang harus dibekalkan dengan pengetahuan dan kekuatan

BERAKAS, 26 Jun. — Bagi sama-sama membanteras ataupun menentang penyalahgunaan dan kemasukan dadah yang dikawal dari terus berleluasa bermaharajalela di negara kita ini, masyarakat terutama rakyat dan penduduk di negara ini tidak sepatutnya mengharap imbalan ataupun pujian yang meninggi gunung daripada pihak-pihak yang tertentu.

Kerjasama dari semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini sebagaimana yang telah dibuat di masa-masa yang lalu sehinggalah tertangkapnya penagih-penagih dan pengedar-pengedar dadah adalah salah satu sumbangan dan bakti yang tidak ternilai harganya kepada agama, bangsa dan negara kita.

Sumbangan dan bakti mereka dalam sama-sama bertanggungjawab mengambil peranan penting membanteras penyalahgunaan dadah adalah satu sumbangan yang amat besar artinya. Kerana tanpa sokongan dan kerjasama dari orang ramai kejayaan-kejayaan ke atas tertangkapnya siapa yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan meningkatnya penagih dadah terutama di kalangan belia di negara ini tidak akan berhasil.

Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia di negara ini telah difahamkan meningkat. Kebanyakan sebab-sebab utama penyalahgunaan dadah di kalangan mereka ialah di segi sosial.

Dalam hal ini peranan ibu bapa, keluarga, masyarakat sekeliling adalah amat penting dan perlu meningkatkan usaha bagi sama-sama memberikan kesedaran terhadap anak-anak mereka mengenai bahaya dadah.

Usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Pejabat Biro Kawalan Narkotik yang

mana telah mengadakan berbagai aktiviti seperti sesi perbincangan, adalah salah satu usaha mencegah dan mengawal penyalahgunaan dadah.

Apa yang pasti ketika ini ialah masalah dadah yang mempunyai hubungan dengan perubahan sosial. Oleh yang demikian generasi sekarang terutama belia-belia harus dibekalkan dengan berbagai pengetahuan dan kekuatan untuk menghadapi berbagai-bagai perubahan ini.

Kita selaku penghuni bumi Darussalam, tidak sepatutnya menganggap ringan sahaja terhadap gejala-gejala yang menimpa belia-belia kita kerana teresat menjadi penagih dadah, dan masyarakat seharusnya terus-menerus menyertai secara menyeluruh terhadap kempen-kempen mencegah penyalahgunaan dadah yang dianjurkan oleh kerajaan.

Kerajaan sendiri memang telah dan terus mengambil berat terhadap penyalahgunaan dadah, di samping memberikan perhatian dan sokongan kepada penagih dadah yang kebanyakannya di kalangan belia dengan memberikan rawatan khas di Rumah Al-Islah, iaitu sebuah pusat pemulihan yang dibuka oleh kerajaan yang terletak di Muara. Pusat ini ditubuhkan adalah dengan tujuan bagi membantu penagih dadah yang terdiri dari rakyat negara ini mendapat rawatan dan pemulihan dengan lebih teratur dan sempurna, agar dengan demikian setelah mereka pulih seperti sediakala, mereka akan dapat menjalankan kehidupan, bergaul dengan masyarakat dan sebagainya dengan penuh yakin dan tidak terumbang-ambing.

Dalam hal ini, kerajaan telah membelanjakan wang yang bukan sedikit dan jika kita fikirkan sekiranya gejala penyalahgunaan dadah dan penagihan dadah di kalangan belia terus berleluasa sudah tentu negara akan mengalami kerugian ekonomi negara dan kita akan kehilangan belia-belia yang menjadi harapan dan bakal pembimbing di masa akan datang.

Dari itu sama-samalah kita membasmi penyalahgunaan dan kemasukan dadah yang dikawal di negara ini. Tidak perlu 'saghati' ataupun pujian kalau kita benar-benar ingin berakut kepada agama bangsa dan negara kita yang tercinta ini.



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai kerajaan, belia-belia dan ketua-ketua kampung serta para penuntut yang memenuhi ruang duduk Dewan Kuliah Negara Hassanal Bolkiah dalam sesi perbincangan sempena dengan 'Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Kemasukan Dadah Yang Dikawal' yang ditetapkan pada tarikh 26 Jun.



KETUA Kampung Kilanas, Awang Haji Mohd. Yusoff bin Matamit ketika mengemukakan soalan di dalam sesi perbincangan tersebut.

Oleh Zubaidah HS
Gambar-Gambar oleh
Pg. Haji Yaakub PMHH

Sesi perbincangan mendapat sambutan

BERAKAS, 26 Jun. — Hari ini telah dipilih dan diisytiharkan sebagai "Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Kemasukan Dadah Yang Dikawal". Ianya dipilih pada bulan Oktober 1987 di satu persidangan antarabangsa.

Bersempena dengan itu, Negara Brunei Darussalam selaku ahli dalam konvensyen tersebut iaitu Pejabat Biro Kawalan Narkotik telah mengadakan berbagai aktiviti

aktiviti khusus memperingati dan sebagai salah satu usaha ke arah menentang penyalahgunaan dan kemasukan dadah dari berleluasa di negara ini.

Salah satu aktiviti tersebut ialah sesi perbincangan bersama dengan berbagai peringkat masyarakat yang berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini. Sesi perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi.

Ahli-ahli panelnya adalah terdiri daripada Pengarah Penjara, Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said, yang menerangkan mengenai pentadbiran Rumah Al-Islah, Awang Momin bin Haji Shawal, Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik; Dayang Mastura binti Haji Mohsin, Penolong Pengarah Biro Kawalan Narkotik dan Awang Tiga bin Anam, Pegawai Narkotik Kanan.

Sesi perbincangan itu telah mendapat sambutan di luar dugaan daripada berbagai lapisan masyarakat iaitu yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dari berbagai kementerian, ketua-ketua kampung, belia-belia dari berbagai persatuan, pegawai-pegawai beruniform dan penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah menengah.

Mereka telah memberikan berbagai pandangan dan mengemukakan soalan-soalan yang bernas dan berguna bagi sama-sama membanteras dan menentang penyalahgunaan dadah dari terus membebaskan negara.

Hal ini memberikan gambaran kepada kita bahawa masyarakat di negara kita ini memang mengelinga dan memberikan perhatian yang serius terhadap gejala-gejala penyalahgunaan dadah yang telah menjadi beban kepada seluruh dunia.

Penyalahgunaan dadah adalah satu topik yang sering diperbincangkan oleh masyarakat ketika ini tidak terkecuali di negara kita, kerana penyalahgunaan dan kemasukan dadah yang dikawal adalah satu gejala yang serius ketika ini dan telah banyak menandatangani kerugian dan membebaskan negara sama ada dari segi tenaga, hartabenda, keselamatan dan sebagainya.

KEMAT BERKORBAN



ANTARA YANG MENARIK

- Cerpen: Selipar-selipar Tarawih — muka 4 & 5
- Puisi — muka 5
- Esei: Drama TV Brunei: Satu Retrospektif — muka 6
- Mustika Silam: Bujang Lapok — muka 10
- Warisan: Adat Temarok — muka 10
- Rancangan Radio & TV — muka 8, 9 & 10

IBADAT korban bukan saja tingginya nilainya di sisi Allah Subhanahu Wataala, tetapi juga mempunyai berbagai hikmat dan pengajaran. Sebab itulah sempena aidiladha ini umat Islam yang mampu digalakkan menuaikan korban dengan menyembelih binatang yang telah ditentukan oleh syarak. Matlamat hidup di dalam Islam adalah sudah jelas, iaitu untuk mencari keredaan Allah yang antaranya dapat dicapai melalui kebendaan. Islam memang menggalakkan umatnya mencari kebendaan, tetapi jangan sampai dijadikan matlamat hidup. Harta benda, kekayaan, pangkat, kedudukan, kesihatan dan sebagainya adalah amanah dari Allah yang mesti dipelihara dengan sebaik-baiknya dan dijadikan sebagai alat untuk kita berbakti kepada Allah.

RENCANA LANJUT
DI MUKA 2 & 3

Rencana

IKTIBAR DARI PERISTIWA KORBAN

OLEH TIMBANG BAKAR

ALHAMDULILLAH, sekali lagi kita dapat bersama-sama menyambut dan merayakan aaidladha yang sangat mulia itu. Kemuliaannya bukan setakat kata-kata yang bermain di bibir saja, tetapi pengakuan dari Allah Subhanahu Wataala di dalam kitab-Nya yang maha suci Al-Quran Al-Karim. Bukti kemuliaan aaidladha itu telah direntangkan di dalam Al-Quran dengan membawa contoh-contoh, iktibar dan pengajaran tentang nilai hidup, nilai kemanusiaan dan yang paling menonjol iaitu nilai iman dan ketakwaan insan yang sanggup berkorban apa saja kepada Khaliknya yang sentiasa berlandaskan keikhlasan.

Sebab itulah peristiwa yang aneh tetapi amat benar itu dinamakan juga Hari Raya Korban di samping namanya yang popular di kalangan orang Melayu sebagai Hari Raya Haji.

Aidladha mempunyai sejarahnya yang cukup menarik untuk dirista, direnung, diambil iktibar dan pengajaran bahkan juga untuk sumber inspirasi atau semangat bagi kita mengukuhkan keimanan, ketakwaan dan menyingkirkan habis-habisan perasaan angkuh dan sombong kepada sesama manusia apatah lagi kepada Tuhan Rabbul Alamin. Peristiwa besar itu tidak hanya teruntuk kepada pelaku-pelaku yang terlibat di dalamnya, tetapi untuk semua individu dan umat Islam seluruhnya.

TIGA PERIBADI AGUNG

Di dalam sejarah aaidladha ada tiga peribadi agung telah terlibat secara langsung dengannya. Mereka itu tidak lain dan tidak bukan ialah Nabi Ibrahim Alaihissalam iaitu seorang bapa, Siti Hajar, seorang ibu dan Nabi Ismail Alaihissalam anak kepada keduanya. Masing-masing mereka telah dapat menunjukkan peribadi yang tinggi dalam sejarah keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala. Mereka bertiga bukan calang-calang orang, kerana mereka telah lulus dari ujian yang amat berat dengan mendapat 'keunggulan'.

Pada mulanya mereka adalah terdiri dari sebuah keluarga yang kemudiannya berjaya meneroka bumi Mekah yang menjadi kesayangan umat Islam itu sehingga ianya menjadi sebuah kota yang penting hingga ke hari ini dan hari kandi.

Menurut sejarahnya, keluarga Nabi Ibrahim Alaihissalam tidak putus-

putus menerima ujian dari Allah Taala. Setelah Nabi Ibrahim Alaihissalam dikurniakan seorang putera dari isteri mudanya bernama Siti Hajar, maka isterinya yang pertama iaitu Sarah yang belum beroleh anak daripadanya pada waktu itu merasa tidak tenteram hatinya. Timbulah kebenciannya terhadap Siti Hajar dan puteranya Ismail itu, padahal perkahwinan suaminya dengan Siti Hajar itu telah mendapat restu darinya. Barangkali inilah iktibar kepada orang yang berpoligami — ada manisnya dan tidak pula kurang pahitnya.

MENINGGALKAN BUMI PALESTIN

Suatu hari Sarah meminta kepada suaminya Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam supaya membawa Siti Hajar dan puteranya Ismail ke suatu tempat yang jauh, kerana Sarah tidak lagi sanggup melihat wajah kedua beranak itu. Maka Allah pun mewahyukan kepada Nabi Ibrahim Alaihissalam supaya permintaan Sarah itu tidak ditolak.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, Nabi Ibrahim Alaihissalam pun mem-

bawa isteri dan anaknya meninggalkan bumi Palestin ke suatu arah yang ia sendiri tidak tahu menuju. Baginda hanya berserah kepada Allah untuk memberi arah kepada unta yang dinaikinya menuju tempat yang baik.

Berjalanlah unta yang dinaiki oleh tiga beranak itu meredah lautan padang pasir yang luas. Bayangkanlah perjalanan di padang pasir yang luas pada waktu itu apa akan terjadi? Berbagai kesulitan dan kesusahan adalah asam garamnya. Demikianlah yang telah ditempuh oleh baginda bersama

isteri dan anaknya Ismail. Waktu siang mereka terdedah kepada panas terik matahari, manakala pada waktu malamnya pula mereka bergelut dengan cuaca dingin yang menusuk sampai ke tulang.

DIBAKAR HIDUP-HIDUP

Tetapi sebenarnya bagi Nabi Ibrahim, itu adalah sudah membuat perkara biasa, kerana baginda sudah lali dengan keadaan kesusahan dan kesulitan yang sering dialaminya sebelum ini di tanahairnya Babilon. Baginda menghadapi seribu satu macam dugaan. Ayah baginda yang bernama Azar adalah seorang pembuat patung-patung berhala yang mentah-mentah bertentangan dengan keimanan yang ada pada baginda. Baginda juga merupakan musuh nombor satu kepada Raja Namrud di mana akhirnya raja itu membakar baginda hidup-hidup. Tetapi bagi Allah Taala menyelamatkan hamba-Nya yang beriman dari sebarang aniaya hanyalah suatu perkara yang amat mudah.

Lalu Nabi Ibrahim mengembara dan berhijrah ke beberapa tempat seperti Mesir, Palestin dan lain-lain lagi untuk mengembangkan dakwah Islamiah yang diamanahkan oleh Allah Taala kepadanya.

Setelah sekian lama dalam perjalanan, Nabi Ibrahim bersama isteri dan puteranya pun sampai di Kota Suci Mekah. Di sinilah baginda meninggalkan isterinya Siti Hajar dan puteranya Ismail yang

SUATU hari Sarah meminta kepada suaminya Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam supaya membawa Siti Hajar dan puteranya Ismail ke suatu tempat yang jauh, kerana Sarah tidak lagi sanggup melihat wajah kedua beranak itu. Maka Allah pun mewahyukan kepada Nabi Ibrahim Alaihissalam supaya permintaan Sarah itu tidak ditolak.



BINATANG korban dibersihkan terlebih dahulu sebelum disembelih.

masih belum mengenal apa erti kehidupan yang sebenarnya. Setelah diberitahu bahawa segala apa yang akan berlaku ke atas mereka adalah dengan kuasa Allah, bukan dibuat-buat atau diadakan oleh Nabi Ibrahim, maka Siti Hajar bersama puteranya dengan penuh pergi dari Kota Mekah yang waktu itu hanyalah kawasan padang pasir yang tandus dan tidak berpenghuni, tanpa air, tanpa tumbuh-tumbuhan yang ada hanyalah batu dan pasir yang kering-kontang.

Sebelum meninggalkan isteri dan anaknya, baginda berdoa kepada Allah supaya mereka sentiasa dalam jagaan daneliharaan Allah dan hidup dengan iman dan takwa. Rakaman peristiwa itu ada dijelaskan oleh Allah melalui firman-Nya dalam Surah Ibrahim ayat 35-37.

Sepeninggalan Nabi Ibrahim Alaihissalam, ternyata Siti Hajar dan puteranya Ismail, benar-benar dalameliharaan Allah. Mekah yang asalnya tidak mempunyai air, kini Allah telah menerbitkan mata air yang tidak putus-putus airnya dan akhirnya menjadi sebuah telaga yang hingga kini terkenal dengan nama 'Telaga Zamzam'.

Setelah wujudnya telaga yang amat penting itu orang datang berduyun-duyun ke sana membuka Mekah menjadi sebuah kampung. Dari setahun ke setahun penduduk Mekah pun semakin bertambah ramai.

BERSAMBUNG KE MUKA 3

WAJAH-WAJAH yang riang kerana mendapat bahagian daging-daging korban.

Rencana

RAHSIA kejayaan bagi membina sebuah keluarga yang bahagia mestilah diasaskan atas dasar iman dan takwa kepada Allah Taala. Demikian juga dalam usaha membangun masyarakat dan ummah, jaminan kejayaannya adalah kekuatan iman dan takwa. Dengan iman dan takwa itulah ketiga manusia dalam peristiwa ini iaitu Nabi Ibrahim Alaihissalam, isterinya Siti Hajar dan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam berjaya menghadapi segala ujian dan kesulitan hidup dengan sifat-sifat yang unggul iaitu iman dan takwa.

DARI MUKA 2

MENYEMBELIH ANAK

Beberapa tahun kemudian Nabi Ibrahim pun datang semula ke Mekah untuk menziarahi isteri dan puteranya yang telah sekian lama dirindunya. Pada waktu itulah datang ujian yang amat berat kepada baginda. Baginda mendapat mimpi, dan mimpi seorang nabi itu adalah merupakan salah satu wahyu daripada Allah Taala. Dalam mimpinya itu baginda diperintah supaya menyembelih puteranya Ismail.

Adakah wajar tindakan Nabi Ibrahim melakukan penyembelihan ke atas anaknya itu. Sedangkan baginda berusia sekian lama untuk mendapatkan seorang anak, dan kini anak yang satu-satunya menjadi puncak kebahagiaan rumahtangga baginda itu mahu disembelih? Jawapannya sudah nyata memang wajar. Kerana yang hendak melakukan perbuatan nekad itu adalah seorang nabi, seorang nabi tidak gila untuk dituduh begitu bakhil setiap nabi dan rasul adalah manusia pilihan yang sentiasa dipelihara oleh Allah dari segala sifat-sifat keji dan terkutuk. Apatah lagi kalau perintah itu datang dari Allah Subhanahu Wataala tidak ada pilihan melainkan melaksanakan perintah itu dengan rasa keimanan dan ketakwaan yang semakin mendalam.

Bagaimana pula dengan anaknya Ismail? Juga sangat aneh, kerana apa yang berlaku ke atasnya adalah di luar dugaan. Sebagaimana yang diriwayatkan, tidak ada tanda-tanda yang beliau itu gentar atau takut menghadapi mati. Bahkan sentiasa akur dan penuh kerelaan bila mengetahui yang perintah itu datang dari Allah Subhanahu Wataala.

Ada juga disebutkan di dalam riwayat, ketika Nabi Ismail hendak disembelih beliau meminta kepada ayahnya supaya badannya diikat kuat-kuat. Dengan tujuan mengelakkan daripada banyak bergerak dan memudahkan ayahnya

melaksanakan penyembelihan itu. Di samping itu ia minta ditanggalkan pakaiannya supaya tidak terkena darah, yang mana keadaan itu akan mengharukan ibunya ketika melihatnya nanti. Pisau pula diasah dengan tajam supaya penyembelihan mudah dan tidak terasa kesakitan.

Semua permintaan Nabi Ismail itu dilaksanakan oleh ayahnya. Kemudian penyembelihan pun bermula. Nabi Ibrahim memejamkan matanya sambil meletakkan mata pisau di leher puteranya. Tetapi pisau yang tadinya begitu tajam menjadi tumpul di leher Nabi Ismail. Namun demikian Allah sudah menerima korban Nabi Ibrahim Alaihissalam yang dengan kekuasaannya kemudiannya menggantikan Nabi Ismail dengan seekor kambing dan Nabi Ibrahim berjaya menyembelihnya. Maka terselamatlah puteranya dari menjadi korban. Walau bagaimanapun Nabi Ibrahim telah berjaya menjalani ujian yang maha hebat itu.

MEMBINA KAABAH

Dalam perkembangan kemudiannya, Nabi Ibrahim bersama puteranya yang kini juga menjadi seorang nabi telah membina semula Kaabah iaitu Baitullah yang ada di Mekah yang menjadi tumpuan umat Islam beribadat menunaikan fardu haji.

Demikianlah secebis kisah sebuah keluarga, Nabi Ibrahim Alaihissalam, isterinya Siti Hajar dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam yang jelas menunjukkan betapa mereka telah berjaya menghadapi ujian yang begitu berat. Bagi kita kisah ini hendaknya dijadikan suatu model, iaitu model ketaatan dan keimanan yang tulen seorang hamba kepada Khaliknya yang satu-satunya hanya layak untuk disembah dan mengabdikan diri kepadanya. Di samping itu kisah ini memaparkan kepada kita beberapa iktibar dalam beberapa hal kehidupan kita.

Pertama: Rahsia kejayaan bagi membina sebuah keluarga yang bahagia mestilah diasaskan atas



KONSEP kerjasama atau gotong-royong jelas kelihatan di dalam masyarakat kita semasa majlis-majlis korban diadakan.



DAGING-DAGING korban dipotong untuk dibahagi-bahagikan.

dasar iman dan takwa kepada Allah Taala. Demikian juga dalam usaha membangun masyarakat dan ummah, jaminan kejayaannya adalah kekuatan iman dan takwa. Dengan iman dan takwa itulah ketiga manusia dalam peristiwa ini, iaitu Nabi Ibrahim Alaihissalam, isterinya Siti Hajar dan anaknya Nabi Ismail Alaihissalam berjaya menghadapi segala ujian dan kesulitan hidup dengan sifat-sifat yang unggul iaitu iman dan takwa.

Kita telah dipertunjukkan dalam peristiwa tersebut, hidup tidak perlu mengeluh dan berduka-cita meskipun mengalami kesulitan. Dan jangan sekali-kali berputus asa, sebaliknya kita hendaklah berjiwa besar, sentiasa mempunyai cita-cita dan harapan, sentiasa berusaha dan bekerja keras di samping tidak putus-putus bertawakal dan menyandarkan diri kepada rahmat Allah.

JALAN KELUAR

Demikianlah juga dalam kita menghadapi zaman

pancaroba yang penuh dengan pelbagai masalah yang rumit sama ada dalam masalah rumahtangga, masyarakat dan negara. Maka ubatnya hanya dengan kembali kepada Allah Subhanahu Wataala secara penuh mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sebagaimana firman-Nya dalam surah At-Talak ayat 2 yang kira-kira bermaksud:

"Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah menjadikan untuknya jalan keluar."

Kedua: Sesebuah keluarga atau masyarakat dan juga institusi yang lebih besar daripada itu, yang ingin mendapat kejayaan dan kemajuan, maka mestilah setiap anggotanya memainkan peranan menaati tugas dan tanggungjawab masing-masing sesuai dengan bakat dan kebolehannya. Di samping itu tidak pernah lupa bertawakal kepada Allah.

Ketiga: Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam telah mengasaskan pembinaan tamadun umat manusia meliputi aspek rohani dan jasmani, pembinaan akal, budi dan ibadat yang hanya semata-mata kerana Allah. Di samping itu juga pembinaan negara mestilah berasaskan nilai-nilai Ilahi.

Segala usaha Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam itu benar-benar telah mendapat restu daripada Allah Subhanahu Wataala. Mekah Al-Mukaramah telah menjadi tempat yang suci di mana Kaabah dan Masjidil Haram yang dibina telah dimulakan oleh Allah dan menjadi kiblat umat Islam seluruh dunia dalam bersembahyang. Denganya umat Islam bersatu — satu kiblat, satu matlamat, satu agama. Setiap tahun mereka berkumpul di sini menunaikan ibadat haji di samping menjalin hubungan silaturrahim, bertukar-tukar pendapat untuk memajukan tamadun umat dan meninggikan kalimah Allah.




MENYEMBELIH binatang korban yang diadakan di Pusat Penyembelihan Mulaul.

MALAM ini, seperti malam-malam sebelumnya di bulan Ramadan ini, Lamat sembahyang tarawih seperti biasa. Entah ikut-ikutan atau sudah bosan duduk berborak-borak tiap-tiap malam dengan teman-temannya. Atau barangkali sengaja datang bersembahyang tarawih hanya untuk mendapat makanan percuma yang lazimnya dihidangkan kepada para jemaah setelah selesai sembahyang. Hanya Tuhan sajalah yang tahu apa yang terkandung dalam hati Lamat. Namun yang pasti di bulan yang suci ini, Lamat sering kelihatan di surau kampungnya, meskipun cuma berani duduk di barisan paling belakang. Mungkin Lamat menyedari dirinya masih kotor dan belum layak duduk di saf paling depan. Memang kalau difikir-fikir lebih baik Lamat menyedari akan kekotoran jiwanya dengan duduk di barisan belakang daripada orang yang tidak sedarkan diri, sepertimana orang yang jarang ke surau, tapi bila sembahyang hari raya, paling dahululah memakai kupiah dan baju Melayu datang ke surau, itupun cuma setahun sekali.

Namun sejak akhir-akhir ini yang menjadi punca kemarahan dan kebencian di hati Lamat sewaktu pergi bersembahyang tarawih ialah masalah selipar. Sejak malam pertama sembahyang tarawih hinggalah sampai sekarang masuk minggu yang keempat di bulan Ramadan ini, sudah tiga kali Lamat kehilangan selipar. Kali pertama, selipar kulitnya dari modal termahal yang dibelinya di Yaohan, lenyap ditukar dengan selipar buruk yang berlainan warna dan saiznya. Kali kedua, Lamat sengaja membeli selipar Jepun yang jauh lebih murah jika dibandingkan dengan seliparnya yang pertama, agar masalah kehilangan selipar tidak terulang lagi. Namun memang sudah ditakdirkan sial, baru beberapa kali dipakai pergi sembahyang tarawih, dicuri orang lagi.

"Sial! ... Orang kalau pergi sembahyang tarawih untuk mencari pahala, tapi ini datang sembahyang tarawih cuma untuk mencuri selipar orang," kata Lamat melepaskan geram sambil meyakinkan tujuannya sebenar datang ke surau.

"Kalau aku tahu orangnya, aku patah-patahkan tangannya," kata Lamat lagi lalu melangkah pulang dengan berkaki



ayam. Surau kampung itu memanglah tidak jauh dari rumah Lamat, ia tidak perlu menggunakan kereta-nya.

Pada malam berikutnya, sengahaja Lamat memakai selipar jenis kayu iaitu selipar 'terompak' buatan Cina yang dibeli di kedai kampungnya. Dalam hati Lamat siapalah yang hendakkan selipar jenis kayu sekarang ini. Setelah berwuduk, seliparnya diletak seperti biasa di tempat penyimpanan selipar di surau itu. Tapi ... lagi-lagi Lamat bernasib sial. Malam itu pulang lagi ke rumah dengan berkaki ayam kerana terompaknya juga hilang.

"Kurang ajar! ... Manusia tak berhati perut. Sial! ...!" Kata Lamat menyumpah-nyumpah. Anak muda yang mulai berjinak-jinak dengan surau itu, tiba-tiba berfikir lain. Sekarang timbul niat buruknya. Sejenak ia menoleh ke kiri, ke kanan dan kemudian ke belakang. Para jemaah masih



SELIPAR-SELIPAR TARAWIH

OLEH
BAYAN BUDIMAN

lagi duduk berbual dan ada yang masih lagi membaca Al-Quran.

"Daripada aku balik dengan berkaki ayam, sekali-sekali lebih baik aku cuba pakai selipar orang," kata Lamat sambil tangannya bergerak pantas menyambar selipar dari modal termahal di atas tangga surau tersebut. Dengan tergesa-gesa Lamat meninggalkan surau itu pulang ke rumahnya. Walaupun Lamat pernah juga mencuri, namun dalam hatinya ada juga rasa takut. Takut kedapatan mencuri selipar orang, apa lagi mencurinya di surau pula.

Pada malam berikutnya, Lamat sengaja meminjam selipar kakaknya iaitu selipar Jepun yang dipotong sedikit hujungnya sebagai tanda. Lamat belum berani memakai selipar curiannya semalam, takut kalau-kalau tuan empunya mengenalinya dan ini bermakna ia akan mendapat malu besar. Memang baik nasib selipar kakaknya itu, tidak ada tangan-tangan jahil yang

menyentuhnya. Ia selamat kembali ke tempat asalnya.

"Lamat! ... Emak minta tolong engkau hantar kan kuih ini ke rumah Mak Limah," kakaknya memanggil dari dapur. Lamat yang baru saja duduk di ruang tamu menonton televisyen ketika itu, bagaikan orang yang mengantuk disurungkan bantal, bergegas pergi ke dapur. Memang ia tahu bahawa Mak Limah, jiran sebelah rumahnya yang baru sahaja pindah ke kampungnya itu ada menyimpan sekuntum bunga yang sedang mekar. Lamat ingin berkenalan dengan Milah, anak Mak Limah, namun belum mempunyai kesempatan. Dengan kesempatan seperti inilah Lamat tanpa membuang peluang tersebut menyenggupi perintah emaknya. Sebelum melangkah pergi, Lamat tidak lupa memakai selipar modal termahal hasil curiannya malam kelmarin.

ANAK muda yang mulai berjinak-jinak dengan surau itu, tiba-tiba berfikir lain. Sekarang timbul niat buruknya. Sejenak ia menoleh ke kiri, ke kanan dan kemudian ke belakang. Para jemaah masih lagi duduk berbual-bual dan ada yang masih lagi membaca Al-Quran.

"Malu aku nanti kalau Milah nampak aku memakai selipar kakak," bisik hati Lamat sambil memandang sinis selipar Jepun kakaknya yang pernah dipinjamnya.

Lamat tiba di rumah Milah dan kebetulan Pak Muntol, ayah Milah serta adik-adiknya duduk di ruang tamu menonton televisyen. Mak Limah tidak kelihatan ketika itu mungkin berada di dapur barangkali, fikir Lamat. Milah sedang duduk dengan adik bungsunya, asyik menonton televisyen. Sementara Pak Muntol duduk di kerusi malasnya.

"Assalamualaikum!" Kata Lamat di ambang pintu yang terbuka. Selipar hasil curiannya itu sengaja diletak di anak tangga teratas, supaya mudah kelihatan. Maklum, selipar dari modal termahal, ada kelas.

"Waalaikumussalam!" Sambut yang di dalam rumah. Yang lebih dahulu menoleh adalah Milah. Agak terkejut juga gadis itu melihat kedatangan Lamat. Ia tidak menyangka sama sekali bahawa anak muda yang setengah kakak itu sudi berkunjung ke rumahnya.

"Masuklah," kata Milah menyambutnya dengan senyuman manis sambil memanggil ayahnya yang rupa-rupanya tertidur di kerusi malasnya. Pak Muntol terbangun.

LIHAT MUKA 5

DARI MUKA 4

Oh! Kau nak Lamat, bila kau sampai?" tanya Pak Muntol sambil mengosok-gosok kelopak matanya dan membetulkan letak duduknya.

"Baru saja Pakcik," kata Lamat lalu menghulurkan tangannya bersalaman dengan Pak Muntol lalu duduk di kerusi yang kebetulan kosong dekat dengan orang tua itu tanpa disuruh.

Tanpa banyak bicara Lamat menyampaikan maksud kedatangannya pada Pak Muntol, dan menyerahkan bungkusan kuih yang dibawanya kepada Milah. "Terima kasih," kata Milah sambil memberikan senyuman manis yang menderikan jantung Lamat. "Mama ke rumah kakak, sekejap lagi dia pulang," kata Milah menyambung

bil tersenyum. Pak Muntol dan Milah juga tersenyum.

"Di bulan Ramadan ini ada juga yang suka mencuri di surau," Pak Muntol meluahkan perasaannya kepada Lamat. "Sudah dua kali selipar Pakcik hilang. Malam kelmarin selipar pemberian anak Pakcik yang belajar di England itu hilang. Hah.... kalau Pakcik tahu siapa yang mengambilnya, tidak kira bulan puasa, Pakcik akan ajar," kata Pak Muntol dengan geram.

"Saya sendiri juga sudah tiga kali kehilangan selipar Pakcik," kata Lamat meneghikah, "Memang pencuri itu harus diberi pelajaran cukup-cukup," kata Lamat menyetujui kata-kata Pak Muntol. Ia sama sekali lupa bahawa ia sendiri sempat menyambar selipar orang kerana dendam atas kehilangan selipar-seliparnya.

BELUM pun sempat Lamat menyanggupi permintaan Pak Muntol, tiba-tiba Mak Limah sampai ke rumah. Dia terkejut sekali melihat selipar suaminya yang hilang terletak di atas tangga rumah mereka. Sambil membawa selipar itu masuk Mak Limah berkata, "Ini bukannya selipar abang yang hilang itu?" tanya Mak Limah dan memperlihatkannya kepada suaminya.

lalu bangun dari duduk dan melangkah menuju ke dapur.

Suasana agak kaku. Lamat hanya mampu diam dan sekali sekala melirik ke kaca Televisyen. Tetapi setelah Pak Muntol mengajaknya berbincang-bincang dengan sikap ramah, barulah suasana menjadi hangat. "Silakanlah minum Lamat," kata Milah memcahkan suasana, sambil meletakkan minuman itu di atas meja di hadapannya. "Minumlah nak Lamat," kata Pak Muntol mengulangi kata-kata anaknya. "Cerita punya cerita nak Lamat ni sembahyang tarawihnya di mana?" tanya Pak Muntol mengalihkan percakapan mereka. Lamat melirik Milah seketika. "Di surau kampung ini juga Pakcik," jawab Lamat tegas. "Jarang Pakcik nampak awak Lamat. Pakcik ni selalu balik lewat. Mungkin nak Lamat suka balik awal barangkali?" tanya Pak Muntol meneka, membuat Lamat tertunduk malu sam-

"Kalau begitu tolonglah nak Lamat, kalau-kalau melihat selipar Pakcik yang berwarna hitam, masih baru lagi. Selipar itu ada Pakcik tulis 'TOL', nama singkatan tersebut, serupa benar dengan singkatan nama tanah pinjaman kerajaan iaitu 'Temporary Own Land' atau 'Tanah Lesen Tumpang Semen-tara.'"

"Patutlah..." kata Lamat dalam hati. Orang mahu menumpang memakai selipar Pak Muntol," bisik hati Lamat sambil menahan tawanya yang hampir hampir meletup. Tapi... tiba-tiba jantung Lamat berdegup kencang. Teringat ia akan selipar hasil curiannya malam kelmarin, serupa benar seperti apa yang dinyatakan oleh Pak Muntol. Selipar itu memang ada tertulis 'TOL', berwarna hitam dan masih baru lagi. Fikiran Lamat mulai kacau. Jangan-jangan..... wah! Malulah aku kali ini, bisik hati Lamat mulai gelisah

dan ketakutan sambil melirik Milah dan Pak Muntol.

Belum pun sempat Lamat menyanggupi permintaan Pak Muntol, tiba-tiba Mak Limah sampai ke rumah. Dia terkejut sekali melihat selipar suaminya yang hilang terletak di atas tangga rumah mereka. Sambil membawa selipar itu masuk Mak Limah berkata, "Ini bukannya selipar abang yang hilang itu?" Tanya Mak Limah dan memperlihatkannya kepada suaminya. Mak Limah sempat juga menatap Lamat dengan senyum keibuannya.

"Ini memang seliparku. Siapa yang menghantarnya ke sini?, tiba-tiba saja berada di rumah. Tadi sebelum nak Lamat ke sini, selipar ini belum ada," ucap Pak Muntol hairan sambil mengamat-amati seliparnya takut-takut salah lihat. Lamat bertambah gelisah. Peluh dingin mula mengucur kerana ketakutan. Takut ketahuan bahawa dialah yang membawa selipar tersebut. Wah!... Celakalah aku kali ini. Malulah aku nanti pada Milah, bisik hati Lamat dengan wajah pucat dan ketakutan.

Bunyi jam dinding rumah Pak Muntol kedengaran menunjukkan sudah jam sebelas malam, bersamaan dengan bunyi jam tersebut Lamat berkata, "Sa....sa.... saya nak balik dululah Pakcik, Makcik, Milah. Sudah jauh malam," kata Lamat agak terserak dan tertahan-tahan, sambil bangkit dari duduk dan bersiap-siap untuk melangkah pulang.

"Cepat benar kau nak balik Lamat?" kata Mak Limah. Milah cuma tersenyum sambil menatap mata pemuda yang menjadi impiannya selama ini dan berharap agar Lamat lebih lama lagi di rumahnya. "Sudah jauh malam Makcik, lain kali sajalah saya kesini," kata Lamat sambil tersenyum yang dipaksakan. Tanpa sempat menghulur tangan bersalaman dengan Pak Muntol, Lamat langsung melangkah pulang. Dengan langkah setengah berlari Lamat menuruni anak tangga rumah Pak Muntol, takut kalau-kalau Milah, Mak Limah, terutama sekali Pak Muntol menghantarnya ke muka pintu dan melihat ia pulang dengan berkaki ayam.

PUISI

ESOKNYA DI KAMPONG AYER

Ooiii... ke mana biskita tuuu... Berombak, mengalun nada suara Mendayu menegur saja Apakah masih ada? Esok mesti kita cuba Tidak mahu empat mata tanpa bicara walhal rumah bersebelahan saja di mana budaya kita?

Uang... Dang... singgah tah dulu Dari mana biskita ani? Inda ku tadangar lagi cakap macam atu Budi bahasa, tegur sapa hanya setakat kisah silam Esok harap-harap kisah silam itu akan dimainkan kembali.

Ooiii... orang rumah Lauk... gulaian... Halus suara menyusuri tiang-tiang rumah Berpayungkan sirau lebar menyusur perlahan-lahan Kasihan, rezeki cuma cukup makan Esok yang pasti suara padian tiada lagi Hanya tinggal dalam memori.

Nggiiinnng... suara sudah berganti Padian tenggelam, mutu tambang timbul sendiri Luncur sana, luncur sini Namun keistimewaan kedua-duanya untuk mencari rezeki

Sudah terbilang di luar negeri Nama Inggerisnya Water Taxi Esok harap-harap akan kekal abadi.

Bejalan kami di pali panjang Mengkagumkan Paip air, wayar elektrik, telefon mereka punya kemudahan

Terasa macam mimpi kisah 1,001 malam Alamak! Aku terbangun Tahi kucing dua tiga tompok Adul! Kaki pula tapaliticuk, lantai jambatan inda balantak

Wow... bendera di sana sini, besidai di tepi jambatan

Seperti menyambut para jemputan Ada yang berlegan, berkaki, macam kaca mata besar pun ada kelihatan Esok harap-harap semuanya tiada lagi basangkayutan

Pandai-pandai lah mengguna kemudahan Agar selesa semua penglihatan.

Penyapu, vacuum serupa juga Membersihkan

Ah... lagi senang buang ke bawah Hanyut... rileks Kebiasaan lebih kuat dari teguran

Esok harap-harap kebiasaan akan dapat diubahkan Sama-sama menjaga kebersihan.

Dang batikus, Naindung, Indung anak Kata bersusun dilagukan indah Separuh lagu anak terlelap sudah Suara ibu sebagai juadah Dari Tamoi ke Saba Laut Lagu asli di mulut-mulut Esoknya tiada lagi melodi barmaruah Hi-Fi, Karaoke sebagai pemusnah.

Kelmarin Bapa ngalih Tiang rumah diganti Mumut, bakapang, bagalugut.

Antadi Siap diganti tiang simen Bulat, kukuh, tahan Gerenti punya

Esok Harap-harap tiada yang menambah di bawah Macam rumah darat menjadi dua tingkat Biar wajahmu macam dulu Walau dimekap dan digincu.

KAMAR D51

Sastera dan Budaya

DRAMA TV BRUNEI: SATU RETROSPEKTIF

TELEVISYEN sebagai salah satu daripada media komunikasi telah banyak mewarnakan kehidupan manusia. Televisyen yang diibaratkan 'jendela tambahan di dalam bilik tamu kita' mempunyai pengaruh terhadap persekitaran hidup kita. Dan dengan tertubuhnya RTB pada tahun 1975, masyarakat Brunei telah dapat meninjau dan memerhatikan dunia luar melalui jendela berkenaan.

Perkembangan RTB sendiri telah banyak membawa perubahan sekaligus merencanakan tumbesaran Seksyen Drama TV sebagai antara seksyen penting yang menyedutkan urat nadi RTB. Sepanjang 15 tahun (1975-1990), Seksyen Drama TV telah menghasilkan pelbagai produk atau rancangan yang merentang mengikut paluan irama yang dimainkan oleh pasukan tukang gendang yang masih perlu banyak pendedahan dan pembelajaran.

Dalam jangkamasa tersebut RTB dapat berbangga kerana Seksyen Drama TV masih terus bernaif dengan bekalan udara yang sedikit dalam kekalutan atmosfera yang melemaskan dan begitu kronik keadaannya. Keghairahan penerbitan rancangan drama di peringkat awal menjanjikan satu perkembangan yang baik dan menarik hinggalah keadaannya memuncak pada tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985.

Kerancangan dan peningkatan ini ada kaitannya dengan era kemerdekaan zaman merdeka yang diperoleh Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984. Ia didukung pula oleh ramainya tukang palu pada masa itu kerana masing-masing ingin menyumbangkan sedikit keringat untuk diabadikan dalam kenangan merdeka.

Kemerdekaan yang mengukir keghairahan penerbitan drama TV mula dirasakan kurang hangatnya pada tahun 1987. Seksyen Drama TV tiba-tiba terkena kejutan saran yang membahayakan dan perlu rawatan rapi. Ibarat seorang pesakit yang kronik dimasukkan dalam ICU (intensive care unit) atau unit penjagaan rapi maka Seksyen Drama TV pun cuba mencari ubat penyembuh.

Bengel Penulisan Skrip Drama TV dan Seni Lakon pada tahun 1987 dan Projek Penerbitan dari Persatuan-persatuan Belia pada tahun 1988 nampaknya tidak membuahkan hasil. Benih yang disemai makin hari makin susut lalu layu dan mati. Pembentukan panel skrip yang diura-urakan pula seperti sebuah sampan tanpa pendayung di tengah lautan. Dan akhirnya pada tahun 1988 memperlihatkan sakit Seksyen Drama TV sudah benar-benar kronik.

Tapi Seksyen Drama TV Brunei tidak harus mati di meja

bedah atau katil pesakit. Datangkan pakar bedah atau pakar rawat dan dapatkan mereka yang sanggup bekerja dengan pakar itu untuk menyelamatkan nyawanya. Pastinya ia masih dapat hidup walaupun dengan keadaan lumpuh sebelah badan.

Tukang-tukang palu dalam RTB harus memikirkan secara ke depan dan menegak. Mereka harus melihat persaingan agar audien tidak akan terus memilih dua saluran alternatif lain iaitu 'saluran tutup' dan 'saluran tukar'. Shaun Sutton, bekas ketua drama televisyen BBC pernah berkata:

Tembok masalah ini harus dipisahkan dahulu. Kalau tidak dengan sekap terajang, gunakan jentolak atau bom! Pengerjaan seni sering diperkatakan memerlukan pengorbanan. Itulah yang dicari selama ini. Tetapi inilah fenomena yang membezakan perkembangan seni di Brunei. Rata-rata menyifatkannya se-

rubah diri sendiri. Kita tidak akan berubah selagi kita tidak mahu berubah. Baik berubah secara paksa atau tidak, persoalannya cuma satu iaitu menyelamatkan Seksyen Drama TV yang suatu ketika dulu pernah memberi nafas kehidupan dan nafkah kepada ramai karyawan.

Drama televisyen sebagai

Inilah yang menjadi landasan hidupnya. Tanpa landasan ia akan terpesong.

Pemerhatian ke depan dan menegak memerlukan penilaian dan tolehan kembali ke belakang. Ke belakang bukan saja bermaksud lintasan sejarah kehidupan yang telah dilalui tetapi juga pemikiran terhadap tukang-tukang yang menulang-belakangi Seksyen Drama TV. Memikirkan mereka juga memikirkan kehidupan.

Seksyen Drama TV terus dan harus hidup walau hanya dengan gempal hati, sedentut nadi dan sesedut nafas. Pun begitu tidak patut diibaratkannya sebagai patung bernyawa yang menyakitkan. Ia perlu dirawat segera. Jangan biarkan sakitnya berterusan.

Era tahun 90-an pasti melukiskan suasana yang berlainan. Dimensi hidup begitu mencabar sekarang. Cabaran harus dihadapi dengan keyakinan. Pernyataan tertangguh harus dilunaskan segera. Penghantaran 9 buah drama TV Brunei ke pihak Perbadanan Penyiaran Singapura (SCB) sudah patut menjadi dorongan walaupun maklumbalasnya kurang memberangsangkan.

Saya tidak akan memenuhi pembicaraan ini dengan tajuk rayu bahasa melankolik. Untuk bertegas cuma akan memerahkan telinga. Apa yang diperkatakan sebenarnya kembali

kepada pernyataan realiti. Bukan hanya imaginasi semata. Kita tidak harus menipu diri sendiri. Bahananya kembali kepada kita. Ruginya kembali kepada kita. Cukuplah dengan pembicaraan sekali lalu secara awangan. Yang terbias dan terkias tentu tidak akan berdiam diri. Itulah yang dimahukan.

Kelemahan yang diterakan harus diperbaiki. Kita akan terasa kuat jika saling membantu, bergantung harap dan hidup damai antara satu sama lain. Sesuatu itu tidak akan dikatakan naik selagi tiada orang memburukkannya. Sesuatu yang buruk tidak akan terus buruk selagi tiada orang mempertemukan jalan pembalaikannya. Sesuatu itu tidak mencapai sasarnya selagi tiada orang membicarakannya.

Kesekian kalinya kita harus kembali ke dalam diri sendiri melihat pernyataan yang tersirat dalam sebuah arca atau gambar atau refleksi bayang diri sendiri. Satu gambar mencatatkan sejuta cerita. Itulah televisyen. Dan begitulah drama. Setiap gambaran punya pernyataan. Permaknaannya bergantung kepada kreativiti mental individu sebagai seorang penilai kehidupan. Kepada teman yang berada di lorong ini selamat memamatkan diri; selamat hari jadi yang ke-15 tahun RTB.

OLEH
ZEFRIARIFF BRUNEI

MALANGNYA kita tidak punya ramai tukang palu yang sanggup mati bersama irama gendang miliknya. Kita masih belum mencapai taraf profesional mahupun semi-pro. Pengerjaan drama masih dihantui semangat dan pemikiran yang tipis. Dengan penulis asal ada cerita, dengan pelakon asal bergaya, dengan petugas asal cukup jam dan dengan penerbit asal boleh siap, Seksyen Drama TV tidak akan menunjukkan perkembangan yang dinamik dan memberangsangkan.

"Televisyen invade man's privacy to an extent he would not tolerate from friend or neighbour. Drama, traditionally the host of evening's entertainment, is now the guest in the house. As such, it should assume the graces and responsibilities of a guest."

Siaran-siaran melalui dua rangkaian utama Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang jelas dapat ditonton di Brunei telah mengatunkan selera dan pandangan audien untuk mengikuti dan menonton persembahan drama di rangkaian-rangkaian tersebut. Paling hebat dirasakan jika siaran Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) atau TV3 dapat diterima sepenuhnya di Brunei. Jadinya RTB pasti bersaing dengan 3 saluran ini. RTB jadinya tersepit. Seksyen Drama TV akan kelemasan.

Jadinya, sebelum tersepit dan kelemasan, ia perlu bergerak dan membuat pertahanan diri. Seksyen Drama TV perlu pengemasan kembali baik dari segi organisasi mahupun penyelenggaraannya.

Malangnya kita tidak punya ramai tukang palu yang sanggup mati bersama irama gendang miliknya. Kita masih belum mencapai taraf profesional mahupun semi-pro. Pengerjaan drama masih dihantui semangat dan pemikiran yang tipis. Dengan penulis asal ada cerita, dengan pelakon asal bergaya, dengan petugas asal cukup jam dan dengan penerbit asal boleh siap, Seksyen Drama TV tidak akan menunjukkan perkembangan yang dinamik dan memberangsangkan.

bagai pengerjaan waktu lapang atau sebagai hobi masa terluang lantas mereka menghasilkan kerja yang tidak bersungguh-sungguh dan kurang bertanggungjawab. Antara emosi dan minda itu patut digabungkan menjadi satu kesatuan yang padu dalam setiap pengerjaan seni. Seni tanpa akal adalah sesuatu yang sia-sia. Seni tanpa emosi adalah sesuatu yang hambar.

Selanjutnya kita perlu me-

satu ejen penyalur maklumat terasa banyak manfaatnya. Sayang sekali jika ia tidak dibelai dan diberi perhatian secukupnya. RTB masih muda dan baru memasuki usia ke-15 tahun. Masih remaja katakan. Drama televisyen juga masih muda. Tuanya nanti memperlihatkan kematangan. Mudanya dulu melihatkan peningkatan dan janji-janji yang memberangsangkan. Zaman keanekarannya sudah berlalu.

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Basah dipinta menegakkan benang,
entahkan cinta laila bernang,
laila hasrat tabah dan tenang,
di situ cadangan laila berlinang.

Isnin sembilang hari bulan rajangnya,
di waktu Maghrib bulan mengimbang,
laila tepat ikrar maknanya,
laila patuh jadikan lambang.

Patuh kepada undang-undang negara,
ikhlas dan jujur laila ditara,
tabah, berkebaikan laila mesra,
laila sumapai pantai sugara.

Kemujut kepala rempah,
batangnya laila bersuli,
kalam sujud berdatang sembah,
dakwat merampai menjunjung duli.

Menjunjung duli madah dihurai,
sedaya upaya madah diburai,
laila terbuka lipatan mutrai,
hubungan yang bersih tak dapat diceral.

Kalau berdatang meninggalkan pesan,
laila berkebaikan meninggalkan kesan,
laila mengamatinnya janglahan bosan,
wahai juita laila ihsan.

Ambil yang baik sekira berguna,
janglahan dipakai kalau tak kena,
contoh teladan di sini sana,
silalah tegur wahai mengerna.

Dari Tutong ke Binturan,
Murut berjalan dengan Bisaya,
kalam bertiti ketelanjangan,
hendak dihapus tiada upaya.

Rajang Selasa bulannya sepuluh,
bulan diapit bintang ketujuh,
payah menyukat titikan peluh,
baru tengadah setelah terjuhu.

Burung dudi burung angkasa,
merpati terbang berkawan,
lupakan budi, lupakan jasa,
jangan dilupakan masa mengawan.



SEKITAR RTB

Apa Pendapat Awda: "Masak-masakan Brunei Patut diketengahkan"

MENERUSI tajuk "MASAK-MASAKAN BRUNEI PATUT DIKETENGahkan" banyak penyertaan dari para peminat rancangan ini diterima. Setelah dibaca dan dinilai pendapat-pendapat yang dikirimkan itu hanya seorang daripada peserta rancangan ini yang mengemukakan buah fikiran yang dirasakan agak memuaskan hati serta menepati kehendak yang dimaksudkan. Peserta yang dimaksudkan tersebut ialah: RAZALI BIN IBRAHIM, P.O.Box 176, Gadong 3101, Negara Brunei Darussalam. Pendapat yang dikirimkan oleh RAZALI bin Ibrahim adalah merupakan pendapat 'terbaik pertama' dengan mengendol hadiah sebanyak \$20.00.

Sementara itu, dua peserta lagi kami fikirkan layak untuk memenangi hadiah penghargaan 'sagu hati' dan menerima hadiah sebanyak \$20.00 setiap seorang. Peserta-peserta tersebut ialah, JAMILAH YUSOF, No. 13, Simpang 69, Kampong Kiarong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan HAJJAH NOOR FATIMAWATI HAJI ABDUL HAMID, No. 288A, Kampong Kota Batu, Simpang 290, Bandar Seri Begawan 2280, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk seterusnya untuk difikirkan bersama ialah, "SUMBANGAN MEDIA PENYIARAN TELEVISYEN NEGARA KITA SEPANJANG 15 TAHUN LALU".

Hantarkanlah pendapat-pendapat yang bernas dan bermutu kepada rancangan Apa Pendapat Awda, Bahagian Melayu Radio Televisyen Brunei. Pendapat-pendapat yang terbaik akan disiarkan pada hari Jumaat, 13 Julai, 1990 kira-kira jam 10.10 pagi. Kirimkanlah pendapat-pendapat awda sebelum hari Khamis, 12 Julai, 1990 jam 12.00 tengah hari.

DISAMPING bahasa, seni dan budaya, masak-masakan juga merupakan satu identiti bangsa Melayu Brunei. Sememangnya jika kita membuat perbandingan masak-masakan Brunei memang ada kelainannya dengan masak-masakan negara luar dari rasa, masam-masennya, pedasnya mahupun hiasannya.

Dari keunikan masak-masakan Brunei inilah dengan sedikit kreativiti dari segi penyajiannya adalah tidak mustahil jika masak-masakan ini boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa seperti juga popularnya 'fish and chips' atau 'burgers' dari

Barat di nusantara ini.

Bertolak dari sini apa yang penting ialah adanya usaha dari berbagai pihak ke arah ini. Percetakan resipi masak-masakan Brunei di akhbar PELITA BRUNEI dan Borneo Bulletin misalnya memang sepatutnya diterbitkan dan dikembangkan lagi. Begitu juga dengan adanya pameran, jualan buku-buku dan pertandingan masakan memang sudah selajaknya diperagakan di berbagai acara misalnya di Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Hari Kebangsaan dan sebagainya. Demikian juga Radio Televisyen Brunei selaku wadah ke arah aspirasi ini sudah sepatutnya menyajikan rancangan masak-masakan Brunei sahaja khusus setiap minggu, selain dari rancangan Mari Memasak yang ada sekarang.

Para usahawan yang bergiat aktif di arena perniagaan pula sudah sepatutnya mengambil inisiatif untuk menyajikan masak-masakan Brunei sebagai menu utama di restoran mereka, walaupun masak-masakan dari luar negeri adalah diakui lebih popular akan tetapi masak-masakan Brunei juga boleh dipopularkan dengan adanya daya kreativiti tinggi dan promosi yang bersesuaian.

Pendek kata, masak-masakan Brunei adalah melambangkan identiti bangsa Melayu Brunei dan jika masak-masakan ini dapat diketengahkan di peringkat antarabangsa maka sudah barang tentu bangsa dan Negara Brunei Darussalam sendiri telah diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Razali bin Ibrahim
P.O. Box 176,
Gadong 3101

(Pemenang terbaik pertama)

NYA NINI...

Obat Penyakit Itam

ANAK-ANAK yang suka mengamuk dan menangis atau lebih biasa kita panggil penyakit hitam, jangan rasa berputus asa untuk menghadapinya. Ambil bawang putih kemudian semburkan (dipaukan) pada muka anak itu, sebanyak tiga kali, kemudian mandi dan bersihkan seperti biasanya atau satu lagi cara menghadapi kanak-kanak berpenyakit hitam ini ialah dengan daun pisang penawar yang kering dibakar, ambil asapnya lalu tangasilah muka anak itu, itulah cara orang-orang tua dulunya menghadapi masalah ini.



TAHUN 1975 telah mencipta satu sejarah baru dalam perkembangan penyiaran di Negara Brunei Darussalam. Televisyen mula diperkenalkan di negara ini dalam erti kata siaran televisyen dipancarkan dari dalam negeri sendiri, kerana sebelum itu rakyat dan penduduk negara ini berpeluang menonton siaran televisyen negara jiran. Kedatangan perkhidmatan televisyen telah menambahkan lagi sumber media di negara ini. Sebelum itu cuma ada siaran radio sahaja yang telah pun memulakan siarannya dalam bulan Mei 1957.

Dengan adanya siaran televisyen, rakyat dan penduduk negara ini berpeluang menikmati rancangan-rancangan dengan mutu yang lebih baik. Kita beruntung kerana siaran televisyen kita bermula dengan perkhidmatan berwarna sepenuhnya, negara pertama di Asia Tenggara memulakan siaran televisyen berwarna sepenuhnya.

Sejarah penubuhan televisyen di negara kita mengambil masa yang

15 TAHUN TELEVISYEN

agak cepat. Perancangannya bermula dalam tahun 1974 dan mulai 1 Mac, 1975, siaran ujian telah dimulakan pada 9 Julai, 1975, siaran biasa telah dirasmikan pelancarannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Siaran dipancarkan melalui dua saluran, 5 dan 8. Walaupun menggunakan dua saluran tetapi pada hakikatnya menyiarkan rancangan yang sama.

Siaran Televisyen Brunei telah dipancarkan melalui Stesen Pemancaran Bukit Subuk di Daerah Brunei dan Muara, dan di Andalau dalam Daerah Belait. Pada peringkat permulaannya, cuma ada sebuah studio televisyen sahaja untuk menampung semua keperluan penerbitan rancangan televisyen tempatan. Sebahagian besar daripada pegawai dan kakitangan yang bertugas di televisyen didatangkan dari luar negeri kerana kurangnya pegawai tempatan yang berpengalaman dalam pengendalian televisyen. Bagaimanapun, usaha telah segera diambil bagi memilih anak-anak tempatan yang berpotensi untuk memasuki perkhidmatan televisyen. Selain daripada pengambilan kakitangan baru, tenaga-tenaga daripada radio juga turut dipilih untuk memasuki bidang kerjaya baru ini. Mereka telah dihantar untuk menjalani latihan di luar negeri. Sehingga kini, latihan kakitangan menjadi salah satu keutamaan jabatan ini.

Pada peringkat awal siaran televisyen, sebahagian besar daripada rancangan-rancangan adalah daripada luar negeri yang merupakan siri-siri yang popular pada ketika itu. Ini tidaklah hairan kerana pada masa itu masih lagi kekurangan kemudahan-kemudahan seperti studio dan kakitangan yang berpengalaman. Namun begitu Televisyen Brunei sudahpun berkemampuan

menerbitkan siaran beritanya sendiri di samping beberapa rancangan tempatan.

Kini sesudah lima belas tahun siarannya, Televisyen Brunei telah dapat menerbitkan 40 peratus rancangannya sendiri dan bakinya adalah rancangan luar negeri. Kakitangan Radio Televisyen Brunei juga sekarang telah melebihi seribu orang dan hampir semua jawatan-jawatan penting telah pun diisi oleh anak-anak tempatan. Selain daripada itu, dalam tempoh lima belas tahun kewujudannya, beberapa perkembangan penting juga telah dicapai seperti menyiarkan secara langsung beberapa rancangan tempatan dan luar negeri dan juga pengenalan seksyen perdagangan. RTB kini telah mempunyai tiga buah studio televisyen dan sebuah dewan raya untuk televisyen serta tiga buah unit siaran luar televisyen.

Radio Televisyen Brunei juga mewakili negara dalam pertubuhan-pertubuhan media atau penyiaran antarabangsa seperti Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU), Asia-Pacific Institute for Broadcasting Development (AIBD), Commonwealth Broadcasting Association (CBA) dan Asian Mass Communication Research and Information Centre (AMIC).

Salah satu perancangan jangka panjang RTB ialah berusaha untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang terbaik untuk semua peringkat/lapisan masyarakat tanpa menghadkan kepada golongan remaja atau muda atau tua sahaja. Dalam hal ini tentunya kita tidak dapat memenuhi kehendak semua golongan namun demikian RTB tidaklah berniat sama sekali untuk menyiarkan rancangan-rancangan 'idiotic' sifatnya seperti yang didakwa oleh golongan tertentu.

RTB insya-Allah akan terus berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan siarannya dari masa ke semasa.

PUDING SERI KAYA

Bahan-bahannya:

- 570 gram agar-agar
- 2 cawan gula
- 5 biji telur
- 10 cawan air
- 2 keping gula melaka
- 1 tin susu cair
- 1 tin buah-buahan koktail


Cara menyediakannya:

Agar-agar dimasak dengan


gula sehingga hancur. Masukkan gula melaka dan susu cair.

Telur dipukul berasingan hingga kembang.

Tutupkan api, masukkan telur yang dipukul tadi. Kemudian masak semua agar-agar tadi. Sediakan acuan dan taburkan buah-buahan koktail ke dalam agar-agar tadi dan kemudian sejukkan.



Resipi





SUSUNAN • RANCANGAN TV

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

SIRI PILIHAN

BIMBINGAN ISLAM 'Sebab-sebab Kita Diwajibkan Bertakwa' Bhg.1 dan 2

(4 dan 5 Julai, jam 6.50 petang)

TIGA sebab mengapa manusia diwajibkan bertakwa kepada Allah, antaranya ialah: 1) Kerana manusia sudah berjanji dengan perjanjian ketuhanan kepada Allah sebelum dilahirkan ke dunia ini lagi. 2) Kerana manusia bertugas sebagai khalifah Allah di bumi ini. 3) Kerana manusia memang diperintahkan oleh Allah untuk bertakwa kepada-Nya.

(6 Julai, jam 6.50 petang)

DALAM tajuk 'Takwa Merupakan Syarat Di Dalam Islam', tiga perkara pula akan kita peroleh, iaitu: 1) Kebahagiaan hidup di dunia. 2) Amal ibadat kita diterima oleh Allah Subhanahu Wataala. 3) Insya-Allah kita dimasukkan ke dalam syurga.

(7 Julai, jam 6.50 petang)

DI BAWAH tajuk 'Akibat-akibat Tidak Takwa', ada tiga perkara akan menjadi akibatnya, iaitu: 1) Menyebabkan jatuhnya martabat manusia. 2) Menyebabkan keresahan dalam hidup dan krisis penghidupan. 3) Menyebabkan manusia serta penghidupannya dikuasai oleh syaitan.

SERBA BOLEH 'Nelayan'

(6 Julai, jam 5.15 petang)

SIRI kedua rancangan 'SERBA BOLEH' mengenalkan apakah pekerjaan nelayan, iaitu perlunya pekerjaan nelayan sebagai suatu punca rezeki dengan menangkap ikan.

TOUCH THE SUN 'Top Enders'

(8 Julai, jam 12.55 tengah hari)

SETELAH beberapa tahun mengembara, ayah Alice kembali ke pangkuan keluarga mereka, Alice tidak menghiraukan malah menghinanya lalu ia melarikan diri dari rumah dan bertemu dengan kawannya Frank yang tidak suka untuk pergi ke sekolah. Ayah Alice berhajat untuk membawanya pulang tetapi mengalami kemalangan yang hampir meragut nyawanya dan menemui anak-anaknya yang dalam kesesahan lalu menyelamatkannya. Alice dan Frank memulakan sekolah kembali setelah memperoleh pengajarannya.

RAMPAI PAGI

(8 Julai, jam 9.00 pagi)

9 JULAI, 1990 adalah hari bersejarah bagi Perkhidmatan Televisyen Brunei. Apakah yang terdapat pada tarikh tersebut. Untuk mengetahuinya, ikutlah rancangan tersebut.

RABU 4 JULAI

Hari Kelepasan Awam
Hari Raya Aidiladha

PAGI

- 6.45 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 6.47 AL-QURAN
- 6.57 SUSUNAN RANCANGAN SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG HARI RAYA AIDILADHA DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB
- 8.30 TAKBIR HARI RAYA
- 9.00 NADASARI
- 10.00 TAYANGAN GAMBAR ANIMASI 'Katy The Caterpillar'
- 11.20 DOCUMENTARY 'Processions Of Light' (Bhg. 2)
- 12.26 AZAN ZUHUR
- 12.31 DOCUMENTARY — Sambungan
- 12.40 TAYANGAN GAMBAR ARAB

PETANG

- 2.10 PAUL DANIEL'S MAGIC SHOW 1986
- 3.00 DOCUMENTARY: 'Water, Shaper Of Culture'
- 3.52 AZAN ASAR
- 3.57 DOCUMENTARY — Sambungan
- 4.50 MAGIC OF DOCTOR SNUGGLES
- 5.00 DRAMA 'Bunga Pak Mar'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DRAMA — Sambungan
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.50 BIMBINGAN ISLAM 'Sebab-sebab Kita Diwajibkan Bertakwa' (Bhg. 1)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 DRAMA TEMPATAN 'Burung Pikat Tidak Melekat'
- 7.53 AZAN ISYAK
- 7.58 DRAMA TEMPATAN — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 SUDUT PELITA
- 9.10 LAPORAN DARI TANAH SUCI MEKAH
- 9.20 LIPUTAN SEMASA TAYANGAN GAMBAR MELAYU 'Tiga Abdul'
- 9.50 NO PLACE LIKE HOME TAYANGAN GAMBAR 'Zone Troopers'
- 11.20
- 11.55

PAGI

- 1.25 WORLD CUP HALL OF FAME
- 1.40 STUDIO PRESENTATION
- 1.50 BOLASEPAK PIALA DUNIA 1990 — Peringkat Separuh Akhir (Siaran Langsung Dari Turin, Itali)
- 5.10 DOA
- 5.20 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 5 JULAI

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 SESAME STREET
- 5.10 SPACE KNIGHTS
- 5.35 STARTING FROM SCRATCH
- 'Helen The Receptionist'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 STARTING FROM SCRATCH — Sambungan

- 6.05 THE LAST FRONTIER 'The Poisoned Cup'
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.50 BIMBINGAN ISLAM 'Sebab-sebab Kita Diwajibkan Bertakwa' (Bhg. 2)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 HIDAYAT
- 7.53 AZAN ISYAK
- 7.58 HIDAYAT — Sambungan
- 8.00 SURAH YAA SIN
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 PERTANDINGAN KUIZ HIJRAH — Suku Akhir Ketiga
- 9.35 DUNIA MINGGU INI
- 10.05 THE EQUALIZER 'Night Space'
- 10.55 TAYANGAN GAMBAR 'Electric Horseman'
- 12.25 DOA
- 12.35 SIARAN TAMAT.

JUMAAT 6 JULAI

PAGI

- 11.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 11.02 AL-QURAN
- 11.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 11.15 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
- 12.00 AMIGO AND FRIENDS
- 12.15 BIMBINGAN ISLAM — Ulangan
- 12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB (Siaran Langsung)

PETANG

- 1.30 HIDAYAT — Ulangan
- 2.00 SPORT
- 3.00 TEENAGE MUTANT NINJA TURTLES
- 3.25 POLICE ACADEMY 'Space Out Space Cadets'
- 3.52 AZAN ASAR
- 3.57 POLICE ACADEMY — Sambungan
- 4.00 FLYING SQUAD
- 'Operation Admiral'
- 4.25 SONNY SPOON 'The Final Exam' (Siri Terakhir)
- 5.15 SERBA BOLEH
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MARI BELAJAR MENGAJI — Ulangan
- 6.05 HOMEROOM
- 'He's Not Heavy'
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.50 BIMBINGAN ISLAM 'Takwa Merupakan Syarat Di Dalam Islam'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SELINGAN
- 7.30 DRAMA 'Bunga-bunga Tersayang' Bahagian VII
- 7.53 AZAN ISYAK
- 7.58 DRAMA — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 LIPUTAN SEMASA
- 9.35 RENCANA TEMPATAN: WARISAN 'Tamarok' (Ulangan)
- 10.05 PARADISE 'Matter Of Honor'
- 10.55 THE PEOPLE NEXT DOOR 'A Jealous Story'
- 11.20 HOTHOUSE 'Good Family'
- 12.10 DOA
- 12.20 SIARAN TAMAT

SABTU 7 JULAI

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 SESAME STREET
- 5.10 PUDDLE LANE
- 5.40 FAMILY TIES 'Walking On Air'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 FAMILY TIES — Sambungan
- 6.10 POLE POSITION
- 'The Secret'
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.42 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.50 BIMBINGAN ISLAM

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 BELIA
- 7.53 AZAN ISYAK
- 8.00 MUSTIKA SILAM
- 'Bujang Lapok'
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 MUSTIKA SILAM — Sambungan
- 10.00 SORRY 'Curse Of The Mummy' (Siri Terakhir)
- 10.25 WAR AND REMEMBRANCE
- 11.15 ALFRED HITCHCOCK 'Final Twist'
- 11.40 SPORTS: 'Embassy World Snooker 89'
- 12.30 TAYANGAN GAMBAR INGGERIS 'Tears In The Rain'

PAGI

- 1.40 BOLASEPAK PIALA DUNIA 1990 — Perlawanan Tempat Ketiga & Keempat (Siaran Langsung Dari Bari, Itali)
- 5.10 DOA
- 5.20 SIARAN TAMAT.

AHAD 8 JULAI

PAGI

- 8.30 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 8.32 AL-QURAN
- 8.42 SUSUNAN RANCANGAN
- 8.45 FINDING OUR WAY 'Reading Maps' (Siri Terakhir)
- 9.00 RAMPAI PAGI (Siaran Langsung Dari Studio Dua)
- 10.00 KARATE KID 'The Home Coming'
- 10.30 ANIMALS IN ACTION 'Skeletons'
- 11.10 TAYANGAN GAMBAR 'Student Exchange'

TENGAH HARI

- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 TAYANGAN GAMBAR — Sambungan
- 12.27 AZAN ZUHUR
- 12.32 TAYANGAN GAMBAR — Sambungan
- 12.50 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.55 TOUCH THE SUN 'Top Enders' — Bhg. 1

PETANG

- 1.45 INCREDIBLE SUNDAY
- 2.35 TAYANGAN GAMBAR 'Parent Trap III'
- 3.52 AZAN ASAR
- 3.57 TAYANGAN GAMBAR — Sambungan
- 4.10 MAYA THE BEE
- 'A Windy Adventure'
- 4.35 DOGIE HOWSER, M. D
- 5.10 FASTER, HIGHER, STRONGER
- 5.35 THE COSBY SHOW
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW — Sambungan
- 6.05 THE BEACHCOMBERS 'Alekos'
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.43 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.50 BIMBINGAN ISLAM

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 MARI MEMASAK 'Puding Seri Kaya'
- 7.53 AZAN ISYAK
- 8.00 TAYANGAN GAMBAR MELAYU 'Anak'
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 TAYANGAN GAMBAR MELAYU — Sambungan
- 10.00 SUDUT ASIA
- 10.20 DI SEBALIK KACA TV
- 11.10 HUNTER 'City Under Siege' (Siri 3)
- 12.00 PASSION AND PARADISE
- 12.50 DOCUMENTARY: COROCOL 'The Lost Maya City'

PAGI

- 1.50 UPACARA PENUTUP BOLASEPAK PIALA DUNIA 1990 — Peringkat Akhir (Siaran Langsung Dari Rome, Itali)
- 4.50 AZAN SUBUH
- 4.55 BOLASEPAK PIALA DUNIA 1990 — Sambungan
- 5.10 DOA
- 5.20 SIARAN TAMAT

ISNIN 9 JULAI

(Siaran Khas Sempena 15 Tahun RTB)

PETANG

- 12.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 RTB TELETON
- 12.27 AZAN ZUHUR
- 12.32 RTB TELETON — Sambungan
- 3.52 AZAN ASAR
- 3.57 RTB TELETON — Sambungan
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 RTB TELETON — Sambungan
- 6.30 BIMBINGAN ISLAM
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.43 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.55 BIMBINGAN ISLAM

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 RTB TELETON — Sambungan
- 7.53 AZAN ISYAK
- 7.58 RTB TELETON — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 LIPUTAN SEMASA
- 9.35 RTB TELETON — Sambungan
- 12.00 DOA
- 12.10 SIARAN TAMAT.

SELASA 10 JULAI

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 CHIP 'N' DALE RESCUE RANGERS
- 5.10 WITNESS TO SURVIVAL (Siri Baru)
- 5.40 TUGS 'Tugs Up'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TUGS — Sambungan
- 6.05 DUMBO'S CIRCUS
- 6.38 AZAN MAGHRIB
- 6.43 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.55 BIMBINGAN ISLAM

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SELINGAN
- 7.30 ALIEN'S NATION 'Fifteen With Wanda'
- 7.53 AZAN ISYAK
- 7.58 ALIEN'S NATION — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 REKASENI 'Selipar Dari Lipatan Kain'
- 9.35 ARENA SUKAN
- 10.35 ASEAN DOCUMENTARIES 'Philippines Musical Instruments'
- 11.00 THE HITCHHIKER 'In Living Color'
- 11.25 SPORTS
- 11.55 DOA
- 12.05 SIARAN TAMAT.



SUSUNAN RANCANGAN RADIO

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

BAHAGIAN MELAYU

4 JULAI

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Julai, 1990.

Bilangan Pendaftaran : 26/1990 (E/368/86).



JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara, di Tingkat Empat, Bangunan, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam.

Bil. Tawaran

Tajuk

- JP BIL. 44/1990 : KERJA-KERJA MENINGKATKAN TARAF JALAN DI STESEN SEMAIA RIMBA (501/15).
- JP BIL. 45/1990 : MEMAJUKAN DAN MEMELIHARA 4 HA TANAMAN DURIAN DAN 4 HA TANAMAN TARAP DI STESEN PENYELIDIKAN PERTANIAN BIRAU SECARA TURNKEY (501/15).

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 9 Julai, 1990.

Cagaran tawaran : \$500.00 (wang tunai).

Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil, di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

- JP BIL. 32/1990 : MEMBEKAL ALAT-ALAT BAGI CLASS MERCATOR MODEL 75R COMBINE HARVESTER (S. 39/46).
- JP BIL. 33/1990 : MEMBEKAL SPECTROPHOTOMETER (501/8A).
- JP BIL. 34/1990 : MEMBEKAL BENCH CENTRIFUGE (501/8A).
- JP BIL. 35/1990 : MEMBEKAL INCUBATOR (501/8A).
- JP BIL. 36/1990 : MEMBEKAL MICROTOME (SLIDGE TYPE) (501/8A).
- JP BIL. 37/1990 : MEMBEKAL MICROTOME (ROTARY TYPE) (501/8A).
- JP BIL. 38/1990 : MEMBEKAL STEREOSCOPE ZOOM MICROSCOPE (501/8A).
- JP BIL. 39/1990 : MEMBEKAL RESEARCH MICROSCOPE (501/8A).
- JP BIL. 40/1990 : MEMBEKAL ANALYTICAL BALANCE (501/8A).
- JP BIL. 41/1990 : MEMBEKAL 3000 BIJI BENIH BUAH KELAPA PANDAN WANGI (S. 39/17).
- JP BIL. 42/1990 : MEMBEKAL DRYING OVEN/MICROSCOPE, BALANCE DAN WARING BLENDER (501/8A).
- JP BIL. 43/1990 : KERJA-KERJA SISTEM PENYELIDIKAN PERTANIAN BIRAU (501/12A).

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Rabu 11 Julai, 1990.

Cagaran tawaran : \$100.00 (wang tunai).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penegerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Kewangan) Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tajuk tawaran dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Iklan-iklan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU TINGKAT KHAS :

(Bilangan Kod : 105 98 - 502)
(Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri).
Tanggungaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Mempunyai pengalaman sebagai Pemandu tidak kurang dari 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat Satu.
- Mempunyai lesen memandu sama ada Kelas 3 atau Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. PENJAGA BANGUNAN :

(Bilangan Kod : 105 55 - 151)
(Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri).
Tanggungaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 25 hingga 45 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei.
ATAU
ii) 5 tahun pengalaman sebagai Penjaga dan tahu menulis dan membaca.
- Berbadan sihat dan tegap.
- Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

3. TUKANG KAYU :

(Bilangan Kod : 104 95 - 413)
(Di Kementerian Pertahanan).
Tanggungaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Umur tidak kurang dari 20 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman dalam kerja-kerja Pertukangan Kayu tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 5 tahun.
- Kecekapan dalam menggunakan perkakas tukang kayu dan alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik serta mengetahui jenis-jenis kayu dan tahu membuat perkiraan mengenainya adalah merupakan satu kelebihan.

4. PEMANDU TINGKAT I :

(Bilangan Kod : 004 98 - 503)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama).
Tanggungaji : F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-\$790 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Mempunyai lesen memandu sama ada Kelas 3 atau Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5. JURUMESIN :

(Bilangan Kod : 009 84 - 330)
(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri).
Tanggungaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515 - \$875 sebulan.

Kelayakan :

- i) City & Guilds Trade Certificate dalam kejuruteraan 'automotive' (tahun kedua) dan berpengalaman sebagai mekanik kenderaan.
ATAU
ii) 3 tahun pengalaman yang bersesuaian dalam pemeliharaan kedua-dua kenderaan berat dan ringan.
- Mempunyai rekod kecekapan bekerja yang baik disahkan oleh majikan sekarang atau yang lama adalah penting.
- Kejayaan dalam ujian kemahiran secara praktikal (practical trade test) adalah menjadi syarat untuk lantikan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertanggungjawab kepada Jurumisin Tingkat Khas untuk membantu kerja-kerja pemeliharaan biasa dan membaiki semua kenderaan-kenderaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan (RTB). Ditempatkan di Bengkel Jalan Dato Ahmad, calon-calon yang berjaya juga akan ditugaskan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di tempat luar atau tempat penyiaran luar.

6. KEKANIK KENDERAAN :

(Bilangan Kod : 024 84 - 352)
(Di Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri).



Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

Kelayakan :

- Berumur tidak kurang dari 20 tahun.
- i) Sijil City & Guilds Intermediate Bahagian Mekanikal Kenderaan.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan atau Swasta sebagai pekerja dalam bidang kerja mekanik membaiki kenderaan tidak kurang dari 5 tahun. Boleh menulis dan membuat laporan kerosakan dan mendapatkan alat ganti.
- Mestilah boleh membaiki kerosakan kenderaan-kenderaan jenis Trak, 4WD, Bus, Pick-up termasuk enjin-enjin mesin rumput dan kenderaan-kenderaan yang berat seperti Caterpillar, Grader, Roller, Wheel Loader.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab memelihara/memastikan bahawa kenderaan-kenderaan kepunyaan jabatan dan kerosakan kenderaan yang telah dibaiki adalah dalam keadaan selamat untuk digunakan.
- Menghadapkan laporan-laporan kerja dan kerosakan kenderaan kepada Ketua Bahagiannya.

7. BURUH :

(Bilangan Kod : 955 99 - 910)
(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama).
Tanggungaji : F. 1-2 EB. 3 — \$445 - \$590 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
- Berbadan sihat serta berpengalaman dalam kerja-kerja hutan adalah satu kelebihan.

8. PENJAGA MALAM :

(Bilangan Kod : 030 58 941)
(Di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan).
Tanggungaji : F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
- Berbadan sihat dan telah mempunyai pengalaman sebagai Penjaga.
- Tinggal di kawasan Bandar Seri Begawan/Kuala Belait/Tutong/Temburong yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

9. PEMBERI ISYARAT TINGKAT I :

(Bilangan Kod : 060 98 - 946)
(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan).
Tanggungaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei.
- Keutamaan akan diberi bagi mereka-mereka yang boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Memberikan perkhidmatan perhubungan secara penglihatan dan pendengaran di antara kapal-kapal yang menggunakan pelabuhan atau yang melalui perairan Brunei dan Stesen Isyarat.

10. PENGAWAS SHELDUCK :

(Bilangan Kod : 104 59 - 993)
(Di Kementerian Pertahanan).
Tanggungaji : E. 3 EB. 4 — \$660-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 18 hingga 45 tahun.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Mempunyai pengetahuan dalam penggunaan alat-alat mekanikal/elektrik.
- Mempunyai lesen memandu jentera berat serta pernah menjalani latihan pengawasan shelduck adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu Ketua Pelancar dalam pengarah sistem sasaran 'Shelduck' (shelduck target system). Ini termasuk pemeriksaan awal sebelum terbang, menghidupkan enjin dan memulihkan sasaran.
- Membantu dalam pemeliharaan dan rawatan kesemua kenderaan dan peralatan sasaran.
- Memandu dan mengendalikan kenderaan HIAB berat 4 ton dan 'Landrover'.
- Mengemaskan payung terjun.

11. ATENDAN MAKMAL :

(Bilangan Kod : 113 05 - 443)
(Di Kementerian Kesihatan).
Tanggungaji : F. 2-3-4-5 EB. 6 — \$495-\$790 sebulan.

Kelayakan :

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding serta berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Mestilah boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Menerima, mendaftar dan melumurkan darah.
- Mencuci dan memelihara peralatan dan makmal dalam keadaan baik.
- Mencuci dan membersihkan 'slide' yang telah digunakan dan 'slide' baru dan sentiasa menyediakannya untuk bekalan kepada pengumpul 'slide' darah.

12. OPERATOR CONSOLE :

(Bilangan Kod : 104 34 - 133)
(Di Kementerian Pertahanan).
Tanggungaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Lelaki yang berumur antara 18 hingga 40 tahun.
- Brunei Junior Certificate of Education atau yang sebanding dengannya dan mempunyai pengetahuan asas kegunaan alat-alat elektrik.
- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas tetapi mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman menjalankan kerja-kerja Operator Console dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan juga dipertimbangkan.

13. OPERATOR TELEFON :

(Bilangan Kod : 030 38 - 024)
(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan).
Tanggungaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding.
ATAU
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan serta berpengalaman sebagai Penyambut Tetamu/Telefon Operator tidak kurang dari 3 tahun.
- Dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris adalah diutamakan.

Tugas-tugas :

Selain daripada menjadi Telefon Operator/Penyambut Tetamu, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa di cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannyanya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat ajuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1990.

Bilangan Pendaftaran : 25/90 (E/642/85).



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

1.0 Nama projek :

CADANGAN GERAJ DI KAMPONG PERPINDAHAN SERASA, MUARA.

Bilangan tawaran : JKP/14/1990.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari :

Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

Mulai hari Rabu 4 Julai, 1990 hingga hari Selasa 24 Julai, 1990.

3.0 Kelayakan pemborong :

Kelas "AX" Yang Berdaftar, di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagar tawaran :

B\$500.0 + B\$100.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup :

Hari Rabu 25 Julai, 1990, jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

JAMUAN MAKAN MALAM UNTUK PESERTA

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Jun. — Para peserta Kejohanan Pingpong Sekolah ASEAN Kali Ke-4 malam tadi diraikan di satu majlis jamuan makan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Sekolah Menengah Lambak Kanan di Berakas.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi, Datin Hajjah Norsiah yang juga menyampaikan cenderamata kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dan diikuti dengan pertukaran cenderamata. Majlis diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan oleh Kementerian Pendidikan.

Kejohanan tersebut berakhir petang kelmarin di mana Indonesia dan Malaysia menjadi juara bersama. Ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kejohanan anjuran majlis sukan sekolah-sekolah ASEAN itu.

Lumba perahu di Sungai Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN — Perlumbaan perahu sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-44 tahun dijangka akan diadakan pada hari Ahad 29 Julai, 1990 di Sungai Brunei.

Borang penyertaan boleh diperolehi dari Setiausaha Perlumbaan di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Tingkat 4, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 18 Julai, 1990.



YANG Mulia Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Selamat memukul gong bagi tanda perasmian Kejohanan Pingpong Sekolah-sekolah ASEAN. — Gambar oleh Amat Moxin.

Kejohanan Pingpong Sekolah-sekolah ASEAN: TANAM PERSEFAHAMAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Jun. — Kejohanan Pingpong Sekolah-sekolah ASEAN kali ke-4 adalah suatu wadah yang baik bagi mempertemukan belia-belia ASEAN melalui bidang sukan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Selamat bin Haji Munap berkata demikian semasa merasmikan Kejohanan Pingpong Sekolah-sekolah ASEAN kali ke-4 yang berlangsung di Pusat Belia di sini.

Menurut beliau, usaha-usaha positif seperti ini masa hadapan ASEAN akan lebih cerah kerana pertemuan-pertemuan belia seperti ini dapat menanamkan benih-benih persefahaman dan kerjasama yang erat di antara mereka dan merapatkan lagi jurang perbezaan pemikiran dan kebudayaan masing-masing.

"Semua ini akan dapat menguatkan lagi kedudukan ASEAN sebagai sebuah rantau yang aman damai dan makmur," ujar beliau.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat seterusnya menyeru para peserta supaya bertanding dalam semangat kesukanan yang tulen dan tinggi.

"Dengan kedudukan yang demikian, awang-awang dan dayang-dayang akan dapat mewakili negara dalam pasukan kebangsaan masing-masing untuk kejohanan-kejohanan sukan yang lebih mencabar dan bertaraf antarabangsa," ujar beliau.

Kejohanan itu bermula hari ini yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN dengan Kementerian Pendidikan sebagai tuan rumah bagi kali pertama.

Kejohanan selama tiga hari itu disertai oleh semua negara-negara ASEAN kecuali Filipina yang terbahagi kepada lima bahagian, bergu lelaki, bergu perempuan, bergu campuran, perseorangan lelaki dan perseorangan perempuan.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh 12 orang pemain iaitu 6 pemain lelaki dan 6 pe-

main wanita yang telah terpilih dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria, Sekolah Misi St. Johns dan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

KELOLAAN ABDUL KARIM HAJI ABU BAKAR



PASUKAN Malaysia, juara berpasukan lelaki Kejohanan Pingpong Sekolah-sekolah ASEAN kali ke-IV menerima piala dari Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad. — Gambar oleh Ak. Raffee PDPHM.

INDONESIA RAIH 4 PINGAT EMAS

PASUKAN Indonesia yang teratas dalam Kejohanan Pingpong Sekolah-Sekolah ASEAN kali ke-IV meraih sepuluh butir dari 26 pingat yang dipertandingkan di kejohanan itu.

Empat pingat emas diperolehi melalui perseorangan lelaki, perseorangan perempuan, bergu campuran, dan bergu campuran.

Manakala dua pingat perak diperolehi melalui berpasukan perempuan dan perseorangan perempuan. Sementara empat pingat gangsa diperolehi dari acara berpasukan lelaki, perseorangan lelaki, bergu lelaki dan bergu campuran.

Malaysia yang berada di tempat kedua, memperolehi tiga pingat emas dari acara berpasukan lelaki, berpasu-

kan perempuan dan bergu lelaki.

Sebutir pingat perak pula diperolehi melalui bergu campuran dan pingat gangsa pula diperolehi melalui perseorangan lelaki, perseorangan perempuan dan bergu perempuan.

Pasukan Thailand pula memperolehi tiga pingat perak dan empat butir pingat gangsa. Negara Singapura hanya memperolehi dua butir pingat perak.

Negara Brunei Darussalam yang menjadi tuan rumah buat kali pertama berada di tangga terendah gagal meraih sebarang pingat.

Kejohanan itu berlangsung selama tiga hari dari 24 hingga 26 Jun lepas di Pusat Belia dan Sekolah Menengah Lambak, Berakas.

PEMAIN Indonesia, Deddy Da Costa menjuarai bahagian perseorangan lelaki Kejohanan Pingpong Sekolah-Sekolah ASEAN kali ke-IV di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan setelah menewaskan pemain Thailand Vorich Chantaka 3-1 dengan kedudukan mata 21-16, 25-23, 13-21 dan 21-17.


Tempat ketiga masing-masing disandang oleh pemain Indonesia, Yopie Warsono dan Yong Hong Cheh dari Malaysia.

Dalam perseorangan perempuan pula, Ester Megasari dari Indonesia yang bertarung dengan rakan senegarannya, Dian Yuliawati memperolehi pingat emas setelah memenangi perlawanan dengan kedudukan mata 21-19, 21-13 dan 21-19.

Pingat gangsa dalam acara ini diperolehi oleh pemain Thailand, Anissara Muangsuk dan Lai Sui Fong dari Malaysia.

Kedua perlawanan peringkat itu berlangsung sejurus upacara penutup rasmi kejohanan berkenaan pada 26 Jun lepas.

Majlis disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad.



PEMAIN Indonesia, Dian Yuliawati (kanan) gagal menyalngi ketangkasan rakan senegarannya, Ester Megasari di perlawanan akhir perseorangan perempuan. — Gambar oleh Mesmah HMA.

BOLASEPAK 7 ORANG SEPASUKAN

BADAN Kebajikan dan Sukan Pejabat Perjawatan (BERKESAN) akan menganjurkan perlawanan bolasepak tujuh orang sepasukan buat kali kedua. Perlawanan ini terbuka kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan seluruh negeri kecuali Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei.

Perlawanan tersebut dijangka akan diadakan pada bulan Ogos depan.

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut berhubung dengan perlawanan ini boleh diperolehi daripada penyambut tetamu Pejabat Perjawatan, Tingkat Empat, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas semasa waktu-waktu bekerja.

Semua borang penyertaan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 28 Julai, 1990.

PERANAN SEKTOR SWASTA PENTING

BERAKAS, 26 Jun. — Sektor-sektor swasta boleh memainkan peranan yang penting berusaha dengan pihak kerajaan dalam membangkitkan kesedaran tentang akibat buruk dari penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat kita di negara ini.

Penglibatan mereka ini sangat-sangat dihargai dan mudah-mudahan penglibatan tersebut akan berterusan dan dapat dipertingkatkan lagi.

Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Momin bin Haji Shawal berkata demikian selaku Pengerusi Majlis Penyampaian Hadiah bagi pemenang-pemenang Peraduan Melukis Poster sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Kemasukan Dadah Yang Dikawal yang mana telah berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini kelmarin.

Di samping itu beliau juga menyampaikan ucapan peng-

Peraduan Kanak-kanak Sihat

BANDAR SERI BEGAWAN — Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Peraduan Kanak-kanak Sihat sempena perayaan tersebut.

Peraduan yang akan diadakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam itu akan diadakan pada 20 Julai, 1990 di Dewan Pusat Belia di Ibu Negara bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

OLEH ZUBAIDAH HS


hargaan kepada syarikat-syarikat swasta yang telah menaja dan menyediakan hadiah-hadiah bagi pemenang-pemenang melukis poster.

Menurut beliau Peraduan Melukis Poster dianjurkan adalah dengan tujuan bagi menggalakkan orang ramai bersama-sama mengambil bahagian dalam usaha-usaha ke arah menyebarkan akibat-akibat dari penyalahgunaan dadah yang sudah tentu tidak baik dan tidak sihat.


Beliau percaya tanpa adanya usaha-usaha kita di nega-

ra ini untuk menjauhkan ancaman penyalahgunaan dadah dari kalangan masyarakat kita akan sia-sia dan tidak akan mencapai kejayaan tanpa adanya kesedaran dan usahasama dari golongan orang ramai.

Lukisan-lukisan poster yang dipertandingkan sempena dengan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Kemasukan Dadah Yang Dikawal itu dipamerkan dan dibuka untuk kunjungan orang ramai selama tiga hari bermula kelmarin hingga hari Khamis 28 Jun, 1990.



POSTER terbaik keseluruhan kategori yang dilukis oleh Awangku Zainin bin Pengiran Haji Manshor. — Gambar oleh Halim HS.



SEBAHAGIAN daripada poster-poster yang dilukis oleh peserta-peserta Peraduan Melukis Poster anjuran Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri. — Gambar oleh Halim HS.



AWANGKU Zainin bin Pengiran Haji Manshor Pemenang Peraduan Melukis Poster ketika menerima tiket penerbangan pergi balik ke Jakarta, Indonesia yang disumbangkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dari Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar. — Gambar oleh Halim HS.

Peraduan Melukis Poster dapat sambutan

BERAKAS, 26 Jun. — Peraduan Melukis Poster yang dianjurkan oleh Pejabat Biro Kawalan Narkotik Jabatan Perdana Menteri telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan masyarakat umum dan para penuntut di negara ini, di mana hampir 300 orang telah menyertai peraduan tersebut dari empat kategori yang disediakan oleh pihak penanjur.

Peraduan yang diadakan sempena dengan 'Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Kemasukan Dadah yang Dikawal' itu telah memilih seorang peserta terbaik keseluruhan di mana telah menerima tiket pergi balik ke Jakarta, Indonesia yang disumbangkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah dimenangi oleh Awangku Zainin Pengiran Haji Manshor dari Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di samping itu, beliau juga adalah pemenang pertama Peraduan Melukis Poster dalam kategori keempat iaitu bagi peserta-peserta dari kalangan orang ramai yang berumur 15 tahun ke atas.

Tiket pergi balik sumbangan RBA itu telah disampaikan penyampaiannya oleh tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah dan Periboi Pameran Anti Dadah serta Poster-poster Peraduan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apeng, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri. Majlis tersebut telah berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Peraduan Melukis Poster dalam kategori pertama iaitu bagi penuntut-penuntut sekolah menengah bawah, tem-

pat pertama telah dimenangi oleh Awang Asar bin Haji Ahmad dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong. Beliau menerima hadiah yang berupa sebuah piala dan wang \$300 dalam buku simpanan. Hadiah kedua dimenangi oleh Awangku Haji Mohd. Abu Bakar bin Pengiran Tajuddin dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam menerima sebuah piala dan wang simpanan sebanyak \$200; tempat ketiga pula telah dimenangi oleh Awang Ramlan bin Bakar dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin juga menerima hadiah yang berupa sebuah piala dan wang simpanan \$100. Di samping itu lima lagi peserta dalam kategori ini masing-masing menerima wang suguhati sebanyak \$50. Semua hadiah dalam kategori ini telah disumbangkan oleh Citi Bank.

Sementara dalam kategori kedua iaitu bagi penuntut-penuntut sekolah menengah atas, tempat pertama telah dimenangi oleh Awangku Kamarulzaman bin Pengiran Haji Tajuddin dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Tempat kedua dimenangi oleh Awang Haji Nurhasmali bin Haji Adam dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah dan tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Norashimah binti Haji Mohd. Salleh dari Sekolah Menengah Sultan Jamalul Alam.

Pemenang-pemenang dalam kategori tersebut telah menerima wang simpanan \$300 pemenang pertama dan sebuah piala, \$200 wang simpanan dan piala bagi pemenang kedua dan \$100 wang simpanan dan piala kepada pemenang ketiga serta wang

suguhati kepada lima lagi peserta yang menyertai dalam kategori ini. Semua hadiah-hadiah adalah sumbangan Bank Hongkong dan Shanghai.

Pemenang bagi kategori ketiga iaitu bagi penuntut-penuntut di institut pengajian tinggi telah menerima hadiah sumbangan dari Bank Antarabangsa Brunei (IBB) yang berupa wang simpanan sebanyak \$300, \$200 dan \$100 serta piala kepada pemenang pertama hingga ketiga dan lima hadiah suguhati dengan wang tunai \$50.

Pemenang dalam kategori ini ialah Norasnan bin Ahmad, Musa bin Diris dan Haji Zaini bin Haji Mohamad semuanya dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Manakala dalam kategori keempat iaitu bagi peserta dari orang ramai yang berumur 15 tahun ke atas juga menerima hadiah yang berupa wang simpanan dan moneylink serta piala kepada tiga pemenang. Hadiah ini disumbangkan oleh Bank Standard Chartered. Pemenang-pemenang tersebut ialah Awangku Zinin bin Pengiran Haji Mansor dari Dewan Bahasa dan Pustaka, pemenang kedua Zakaria bin Omar dari Daerah Tutong dan pemenang ketiga Awang Abd. Rahman bin Ahmad juga dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain dari itu lima peserta lagi juga telah menerima hadiah wang tunai sebanyak \$50 seorang.

Di samping itu, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei juga telah menyumbangkan cenderamata yang berupa sebuah beg kepada pemenang pertama, kedua dan ketiga dalam tiap-tiap kategori.

ANTARA KEPENTINGAN ALAM SEKITAR DENGAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN

PERLU PENYELESAIAN DAN KERJASAMA YANG MENYELURUH

MALAYSIA telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME) Keempat yang dilangsungkan di Subang, Selangor Darul Ehsan pada 18-19 Jun 1990. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Amar Stephen K.T. Yong, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam; Yang Amat Berhormat Profesor Dr. Emil Salim, Menteri Negara Penduduk dan Lingkungan, Republik Indonesia; Yang Amat Berhormat Datuk Amar Stephen K.T. Yong, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia; Yang Amat Berhormat Dr. Celso Roque, Penolong Setiausaha Alam Sekitar dan Sumber-Sumber Semula Jadi, Republik Filipina; Yang Amat Berhormat Dr. Ahmad Mattar, Menteri Alam Sekitar, Republik Singapura dan Yang Amat Berhormat Prachuab Chaiyasarn, Menteri Sains, Teknologi dan Tenaga, Kerajaan Thailand. Theng Chye Yam, Pengarah Biro III, Sekretariat ASEAN turut hadir sebagai wakil Setiausaha Agung.

Di antara keputusan-keputusan penting AMME Keempat adalah pelancaran pegawai-pegawai kanan ASEAN mengenai alam sekitar (ASOEN), pengambilan persetujuan Kuala Lumpur mengenai alam sekitar dan pembangunan, dan pengambilan pendirian bersama ASEAN ke atas isu-isu alam sekitar sedunia bagi persediaan untuk penyertaan ASEAN di mesyuarat-mesyuarat menteri masa depan seperti persidangan pada peringkat menteri mengenai alam sekitar untuk Asia dan Pasifik dan persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai alam sekitar dan pembangunan.

Penubuhan ASOEN membuktikan perhatian ASEAN terhadap kepentingan-kepentingan alam persekitaran dan juga bagi meningkatkan peranan ASEAN ke arah menyelesaikan masalah alam sekitar sedunia. Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah alam persekitaran di peringkat antarabangsa ASOEN akan mengukuhkan dan meningkatkan kerjasama ASEAN di dalam bidang pertukaran maklumat, teknologi, sumber-sumber dan tenaga manusia. ASOEN juga telah diberikan mandat untuk memastikan penyerapan dimensi-dimensi alam persekitaran dalam setiap keputusan-keputusan jawatankuasa-jawatankuasa ASEAN yang lain.

MASALAH alam sekitar adalah isu yang tidak putus-putus menjadi perbincangan di seluruh dunia. Baru-baru ini Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN telah mengadakan mesyuaratnya yang keempat di Kuala Lumpur bagi membincangkan tindakan-tindakan wajar dengan kerjasama antarabangsa mengenainya. Rombongan dari Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit. Berikut ini kita siarkan di antara keputusan-keputusan yang telah dicapai dalam persidangan tersebut dengan kerjasama Kementerian Pembangunan. — PENYUNTING.

GAMBAR-GAMBAR HIASAN
OLEH TIMBANG BAKAR



PERWAKILAN dari Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail ketika menghadiri mesyuarat tersebut. — Gambar Ihsan Kementerian Pembangunan.

Enam kumpulan kerja yang dipengerusikan oleh perwakilan negara-negara ahli ASEAN telah ditubuhkan seperti berikut:

- i. ASEAN Working Group on Nature Conservation (ANC);
- ii. ASEAN Working Group on ASEAN Seas and Marine Environment;
- iii. ASEAN Working Group on Transboundary Pollution;
- iv. ASEAN Working Group on Environmental Management;
- v. ASEAN Working Group on Environmental Economics; and
- vi. ASEAN Working Group on Environmental Information, Public Awareness and Education.

Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN menekankan bahawa hubungan antara kepentingan alam sekitar dengan keperluan pembangunan negara tidak boleh diketepikan. Demi untuk mempertahankan alam persekitaran serantau, tanggungjawab bersama terhadap masa depan manusia sejagat memerlukan tindakan-tindakan usahasama yang efektif. Tindakan-tindakan yang sedemikian hendaklah didasarkan kepada pembahagian tanggungjawab-tanggungjawab secara

“ Menteri-menteri Alam Sekitar Asean menekankan bahawa hubungan antara kepentingan alam sekitar dengan keperluan-keperluan pembangunan negara tidak boleh diketepikan. Demi untuk mempertahankan alam persekitaran serantau, tanggungjawab bersama terhadap masa depan manusia sejagat memerlukan tindakan-tindakan usahasama yang efektif. ”

BERSAMBUNG KE MUKA 11



TAMAN-TAMAN rekreasi seperti ini juga penting dalam kehidupan sosial.



HUTAN merupakan satu khazanah alam yang sangat berharga dalam kehidupan manusia. Ketidakecakapan mengurus dan memelihara warisan ini yang rugi dan menanggung akibatnya adalah manusia sendiri.

LELAKI CACAT ANGGOTA DIBERIKAN KERUSI RODA

BANGAR, 27 Jun. — Penderitaan seorang cacat anggota Awang Harun bin Untong 67, yang cacat anggota bahagian kakinya kini mendapat perhatian berat dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Oleh
Haniza Abdullah

Di mana Awang Harun hari ini telah menerima kerusi rodanya yang disumbangkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan yang berlangsung di rumah kediamannya di Kampong Labu Piasau-Piasau di sini.

Kerusi roda yang bernilai \$500.00 itu adalah sumbangan derma daripada orang ramai yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Penyerahan kerusi roda tersebut disampaikan oleh Pegawai Daerah Tem-

burong, Awang Haji Ali-akbar bin Abu Bakar dan disaksikan oleh para pegawai dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Dengan adanya kerusi roda ini kata Pegawai Daerah Temburong, akan dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh Awang Harun selama ini dan membolehkan beliau bergerak dengan menggunakan kerusi roda tersebut.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Aliakbar bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan kerusi roda kepada Awang Harun bin Untong dengan disaksikan oleh para pegawai dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di rumah Awang Harun. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

MINGGU KERJA PENGAKAP

BANDAR SERI BEGAWAN — Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara akan mengadakan projek tahunan Minggu Kerja Pengakap 1990 selama seminggu mulai 6 Julai ini.

Majlis pelancaran projek tersebut akan diadakan pada 6 Julai di Pusat Belia di sini.

HARGA BARANG- BARANG KEPERLUAN

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Harga barang-barang berikut ini bermula pada 28 Jun, 1990.

Jenama barang	Harga	Nama Kedai
Tepung makan prima 1 kilogram	\$1.00	Liong Chuan, 6, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
	\$1.00	Chop Tong Huat, No.17, Jalan Enche Awang, Tutong.
	\$1.00	Koh Kee, 60, Jalan Pretty, Kuala Belait.
Susu Manis F&N setin	\$1.00	Foo Hap Shing, 20, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
	\$0.95	Kim Seng Choon, 6, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
	\$1.00	Chop Hoe Hing, 4, Jalan Enche Awang, Tutong.
Tong Chai sebungkus	\$1.00	Chin Fatt, 60B, Jalan Pretty, Kuala Belait.
	\$0.95	Haji C.A. Mohammad 51, Jalan Bunga Kuning, Seria.
	\$0.70	Leong Soom Huat, 1 Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
	\$0.70	Chop Hoe Hing, 4, Jalan Enche Awang, Tutong.
	\$0.80	Eng Soon Seng, 58, Jalan Pretty Kuala Belait.
	\$0.70	Chop Siong Yick, 54, Jalan Bunga Kuning, Seria.

SAMBUNGAN DARI MUKA 10

saksama dengan mengambil kira perbezaan di antara negara-negara maju dan yang kurang maju.

Persetujuan Kuala Lumpur mengukuhkan komitmen ASEAN terhadap usaha untuk mencapai pembangunan secara berterusan. Ianya juga menekankan keperluan untuk mengadakan kerjasama yang lebih erat di antara negara-negara ahli, khususnya ASEAN dan kerjasama sedunia amnya di dalam usaha untuk mencapai pembangunan secara berterusan. Persetujuan ini menyediakan asas persediaan ASEAN bagi Mesyuarat Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada tahun 1992.

Dalam usaha ke arah pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan yang berterusan, negara yang sedang membangun bukan saja memerlukan tenaga manusia dan sumber-sumber ekonomi yang banyak, bahkan ianya akan melibatkan kehilangan peluang-peluang ekonomi dan pembangunan. Oleh yang demikian, negara-negara yang sudah membangun perlu memberi perhatian yang penuh terhadap keperluan-keperluan negara-negara membangun melalui bantuan dalam bentuk pemindahan teknologi-teknologi yang bersesuaian dari segi alam sekitar, dan sumbangan terhadap pembentukan mekanisme kewangan-kewangan bagi membantu negara-negara membangun yang memerlukan.

AMME Keempat menyedari akan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara yang membangun dengan konvensi-perundingan-perundingan yang berhubung dengan konvensi-konvensi alam sekitar di peringkat antarabangsa. Memanfaatkan kepada penglibatan ahli-ahli negara ASEAN dalam konvensi-konvensi ini, AMME Keempat telah menegaskan supaya negara-negara ahli ASEAN mengambil peranan yang utama di dalam pembentukan konvensi-konvensi antarabangsa ini melalui perundingan-perundingan dan usaha-usaha yang selaras.

Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN bersetuju dengan pendirian ASEAN secara bersama mengenai dengan isu-isu alam sekitar seperti berikut:

— Protokol Montreal ke atas benda-benda yang mengurangkan lapisan ozon;

Keperluan untuk, dan komitmen negara-negara membangun bagi pemindahan teknologi dan penyediaan bantuan kewangan harus menjadi perkara utama dalam perundingan mengenai dengan cadangan perubahan-perubahan ke atas Protokol Montreal.

— Konvensi Basel ke atas kawalan pergerakan-pergerakan antara sempadan bahan-bahan berbahaya dan pembuangannya;

Penekanan yang lebih tinggi harus diberikan terhadap isu-isu mengenai tanggungjawab-tanggungjawab negara-negara pengeksport untuk mengimport semula sisa-sisa ini, dan mengenai liabiliti dan ganti rugi terhadap kerosakan yang diakibatkan oleh pergerakan-pergerakan antara sempadan dan pembuangan sisa-sisa berbahaya ini.

— Cadangan konvensi ke atas perubahan cuaca;

Pembentukan satu kumpulan kerja adalah disyorkan bagi menilai kesan-kesan pemanasan bumi dari segi ekologi dan sosio-ekonomi, dan juga implikasi-implikasi cadangan konvensi ini terhadap rantau ASEAN.

— Kepelbagaian biologi—

Cadangan "International Legal Instrument on the Conservation of Biological Diversity of the Planet" hendaklah menitikberatkan kepada persoalan kepentingan isu kemiskinan dan pembangunan serta mengambil kira peruntukan ganti rugi.

Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN juga berpendapat bahawa resolusi-resolusi dan deklarasi-deklarasi ASEAN mengenai alam sekitar yang telah dikeluarkan pada mesyuarat-mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN yang lalu, dan juga Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar merupakan dokumen-dokumen penting, dan segala unsur-unsurnya harus diketengahkan di dalam Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai dengan Alam Sekitar dan Pembangunan — 1992.

Maklumat tambahan

1. AMME Keempat telah didahului dengan beberapa mesyuarat-mesyuarat di peringkat pegawai seperti berikut:

i) 8th ASEAN Meeting on Nature Conservation (ANC), 11 - 12 Jun, 1990 — dihadiri oleh Timbalan Pengarah Pertanian.

ii) 13th ASEAN Experts Group on the Environment (AEGE) Meeting, 13 - 15 Jun, 1990.

— Delegasi Negara Brunei Darussalam terdiri dari Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa (selaku ketua), Timbalan Pengarah Pertanian dan seorang pegawai dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

2. Berhubung dengan AEGE, mesyuarat yang ke-13 ini merupakan mesyuarat yang terakhir. Ini disebabkan peningkatan status kumpulan ini kepada 'ASEAN Senior Officials On The Environment (ASOEN)' yang mempunyai status yang sama dengan komiti-komiti ASEAN seperti COST, COCI dan lain-lain. Mesyuarat pertama bagi ASOEN telah dilangsungkan pada 19 Jun 1990 di tempat yang sama. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa (selaku ketua), Timbalan Pengarah Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan seorang pegawai dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

PEPERIKSAAN LONDON CHAMBER OF COMMERCE AND INDUSTRY

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Peperiksaan Kementerian Pendidikan mengumumkan yang persediaan-persediaan sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan yang tersebut di atas bagi Private Secretary's Certificate Examination pada Disember, 1990.

Perkara-perkara peperiksaan tersebut ialah: Structure of Business, Communication - Use of English; Communication - Shorthand Typewriting Duties, Office Organisation

and Secretarial Procedures and Communication - Audio Typewriting Duties.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Jabatan Peperiksaan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam mulai dari 1 Julai hingga 21 Julai ini.

Bayaran peperiksaan hendaklah dibuat secara tunai. Borang-borang hendaklah dikembalikan dengan bayaran kepada jabatan tersebut tidak lewat daripada 21 Julai ini.

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

SAMBUNGAN MINGGU LALU

Fahaman orientalisme dan sekularisme

KAJIAN-KAJIAN ilmiah dari sebahagian orientalis telah meracuni kebenaran-kebenaran Islam dengan tipu daya penulisan dan memutarbelitkan kenyataan yang sebenarnya mengenai tamadun Islam dan Islam itu sendiri.

Pengaruh orientalisme telah berhasil dalam menimbulkan keraguan-keraguan terhadap Islam di kalangan orang Muslim sendiri, bahkan ada juga yang sudah tergelincir ke dalamnya. Fahaman orientalis, bukan hanya sekadar pandangan yang keliru sebagai akibat salah pengertian terhadap Islam, tetapi juga merupakan perpaduan antara sikap anti Islam dan takut terhadap Islam yang kesemua ini dituangkan dalam langkah-langkah yang sudah direncanakan.

Kajian-kajian ilmiah dari sebahagian orientalis dalam bidang akidah, fikah, syariah, sejarah, politik, imamah, falsafah dan kemasyarakatan selalu berisi kesalahan-kesalahan yang menyesatkan dan bahayanya, benih-benih kesesatan ini terus menyebar dengan digunakannya bahan-bahan tersebut sebagai referensi yang sambung-menyambung. Kajian ilmiah dari sebahagian orientalis yang tidak benar itu telah mendapat kepercayaan ramai dari kalangan cendekiawan Muslim sendiri. Kajian orientalis yang telah mengubah kebenaran-kebenaran Islam telah dapat menipu para cendekiawan dan telah dapat diterima umum oleh kerana:

- 1) Penyusunan karangan cukup menarik untuk dijadikan contoh;
- 2) Pengaruh penjajahan dan penanaman fahaman bahawa tamadun Barat adalah tamadun yang terbaik lebih-lebih dalam bidang pendidikan;
- 3) Kerana kekosongan yang berlaku dalam penulisan tentang Timur dan Islam dan terdapatnya jurang yang luas antara buku-buku lama dan tuntutan penulisan buku-buku baru.

Tulisan-tulisan dan ajaran dari sebahagian orientalis telah banyak meracuni penuntut-penuntut di bawah asuhan mereka di universiti-universiti di Eropah dan Amerika Syarikat. Para orientalis telah berjaya menimbulkan keraguan-keraguan terhadap Al-Quran, terhadap Rasul Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan terhadap Islam dan terhadap kebudayaan Islam. Sejarah Islam dirubah oleh sebahagian orientalis, diberikan andaian-andaian yang tidak tepat terhadap Islam dan digunakan riwayat-riwayat palsu. Modal utama orientalis dalam karyanya adalah menerbitkan keraguan-keraguan dan membiarkan keraguan-keraguan ini mencekam jiwa sarjana-sarjana Muslim. Supaya penuntut-penuntut di bawah asuhan orientalis ini dapat berhasil menyelesaikan studinya, penuntut-penuntut dipaksa menerima keraguan-

KERTAS kerja ditulis oleh Dr. Haji Moehammad Nazir dalam Kursus Intensif Konsep MIB, anjuran Universiti Brunei Darussalam pada 16 — 21 Disember, 1989.

keraguan tersebut dan membuat kesimpulan-kesimpulan yang salah sesuai dengan bimbingannya. Karya-karya penuntut yang salah tersebut akan dibaca pula oleh penuntut-penuntut lain sehingga tersebar lagi benih-benih keraguan ini.

Gerakan Orientalisme yang sudah mulai tumbuh dalam kurun ke-14 Hijrah selepas kejatuhan khalifah. Semakin mencengkam kukunya di alam Melayu. Gerakan Orientalisme ini digunakan oleh Barat untuk memijak Islam ke atas pemikiran Islam. sejarah Islam melalui berbagai institusi dan cendekiawan. Al-Quran menurut sebahagian orientalis adalah khayalan Nabi Muhammad dan tak ada hubungannya dengan wahyu. Pada orientalis dalam kalangan Islam sendiri pun sudah mulai menyebarkan fahaman-fahaman yang meragukan dan buku-buku orientalis dari kalangan Islam ini sangat dialu-alukan oleh Barat dan telah memperdaya banyak cendekiawan di alam Melayu.

Golongan Orientalis cuba menimbulkan keraguan umat Islam mengenai kebenaran hadis. Mereka mengatakan bahawa hadis telah direpasi oleh unsur luar apabila hadis diriwayatkan oleh banyak perawi. Golongan Orientalis juga menyamakan pemerintahan Islam dengan pemerintahan Eropah di zaman Pertengahan. Golongan orientalis mencemari keunggulan wahyu dengan mengatakan bahawa manusia itu mesti mengalami perubahan. Menurut orientalis, konsep Hari Kiamat adalah karut semata-mata.

Orientalis dengan bertopengkan ilmu pengetahuan telah mendukung penyebaran sekularisme dan mendukung slogan pemisahan agama dan pemerintahan. Slogan-slogan ini, kemudian diulang-ulang, dikutip, disebarkan oleh cendekiawan-cendekiawan di negara Islam. Walaupun cara orientalis menyebarkan fahamannya berlainan, ada yang kasar dan kotor dan ada pula yang lemah lembut tanpa menjejaskan perasaan umat Islam, tetapi orientalis ini tetap sepakat dalam merosakkan Islam dan kebudayaan Islam dan mengisir Islam dalam kehidupan umat. Bahkan natijah-natijah yang dibawa para orientalis telah memecah-belahkan negara-negara Islam dengan aliran fikiran yang berbeza-beza.

Kebanyakan dari orientalis telah menggunakan perselisihan antara Mazhab bagi gerakan perang kebudayaan dan pembaratan terhadap Islam. Golongan orientalis amat bernaifu untuk menyemarakkan perselisihan di antara golongan-golongan dalam Islam supaya Islam menjadi berpecah belah. Golongan orientalis amat suka membangkitkan:

MUKADIMAH

DALAM siri yang lalu, Dr. Haji Mohammad Nazi telah membincangkan tentang beberapa kepercayaan kebatinan yang sama sekali menyalahi dan bertentangan dengan agama Islam dan amat dikhuatiri ia boleh merosakkan akidah Islam serta boleh pula mengancam ketenteraman masyarakat dan negara.

Dua lagi fahaman yang patut sentiasa diawasi agar umat Islam tidak terpengaruh dengannya ialah fahaman orientalisme dan sekularisme. Fahaman-fahaman ini telah berusaha dengan gigih untuk menimbulkan keraguan dan kekeliruan di kalangan orang-orang Islam terhadap hukum-hukum dan syariat Islam itu sendiri.

Penganjur fahaman ini berusaha menabur benih-benih kesesatan itu melalui berbagai sudut dan aspek kehidupan kita. Dalam siri ini usaha-usaha musuh-musuh Islam dan identiti kita itu dibincangkan secara meluas untuk renungan kita bersama — PENYUNTING.

- 1) Perselisihan antara Ahlus-sunnah dengan Syiah;
- 2) Perselisihan antara Ahlussunnah dengan Wahabi.

Para orientalis sangat tertarik mempelajari mazhab-mazhab yang bermacam-macam dalam Islam kecuali Mazhab Sunnah. Pembahasan mengenai Syiah sangat terperinci bahkan orientalis-orientalis yang sangat benci kepada Islam mencampuradukkan Mazhab Syiah Ithna Asyriah dan Syiah Zaidah dengan mazhab-mazhab yang dibawa oleh Agha Khan, fahaman hulul dengan tujuan untuk menimbulkan keributan dan perselisihan di kalangan umat Islam.

Bangsa Melayu Brunei perlu selalu awas dan waspada terhadap fahaman orientalisme ini kerana sebahagian dari penulis orientalis ini memang berhasrat untuk melancarkan pengacauan kebudayaan dan pembaratan dengan cara memupuk pertentangan golongan, menciptakan kekeliruan akidah dalam upaya mencabik-cabik kesatuan Melayu. Mereka berusaha memecah belah bangsa Melayu dengan menggunakan percanggahan fikiran, nasionalisme, bahasa dan agama Islam sendiri. Ketahanan diri bangsa Melayu Brunei terhadap pemikiran yang beracun dari sebahagian orientalis perlu lebih diperkuat lagi dengan menanamkan dalam jiwa masyarakat suatu pandangan hidup kebruneian dan mengamalkan konsep MIB sebagai cara hidup secara sadar dan dengan komitmen yang tinggi.

Fahaman sekularisme

Fahaman sekularisme dilahirkan oleh pemikir-pemikir Barat dan Orientalis yang ingin memisahkan antara kewajipan agama dan kewajipan kemasyarakatan, bahkan memisahkan antara individu dengan Tuhannya.

Sekularisme adalah awal penafsiran materialisme atas kehidupan manusia Kristian di mana negara dipisahkan dari gereja dan agama, dan berbagai cadang ilmu pengetahuan dipisahkan dari kayakinan akan adanya Tuhan.

Sekularisme mulai memasuki ilmu pengetahuan melalui ilmu biologi, yang diawali oleh upaya untuk menerangkan fenomena biologis. Kemudian baru berkembang ke dalam ilmu sosial dan ilmu ekonomi. Semakin lama, fikiran Barat semakin sekular dan semakin materialialistik, sehingga sekularisme dalam pemikiran Barat sukar dihilangkan.

Yang sangat berbahaya adalah asumsi umum dari sekularisasi yang menyatakan bahawa berkembangnya politik dan modenisasi akan membuat agama itu tidak lagi mempunyai pengaruh dan daya tarik kepada manusia. Secara objektif sosiologis, kata mereka, negara yang melakukan modenisasi, suka atau tidak suka akan mengalami proses sekularisasi.

Islam tidak memberikan tempat bagi sekularisasi kerana agama Islam memang tidak mengenal adanya dikhotomi antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat antara yang profane dan yang sakral, antara yang immanen dan yang transedental. Bagi Islam, tidak dapat dipisahkan antara kegiatan ubudiyah dengan aktiviti muamalah kerana keduanya dalam Islam adalah ibadat. Islam tidak mengenal doktrin Kristian yang berbunyi: "Render unto Caesar the things that are Caesar's and render unto God the things that are God's." (Berikan kepada sang Kaisar apa yang menjadi kaisar, dan berikan kepada Tuhan apa yang menjadi hak Tuhan). Oleh kerana agama Islam menyangkut semua bidang kehidupan manusia, maka usaha untuk memisahkan agama Islam dari kehidupan am dan pemerintahan adalah sia-sia dan mustahil.

Lihat muka 13

BANGSA Melayu Brunei perlu selalu awas dan waspada terhadap fahaman orientalisme ini kerana sebahagian dari penulis orientalis ini memang berhasrat untuk melancarkan pengacauan kebudayaan dan pembaratan dengan cara memupuk pertentangan golongan, menciptakan kekeliruan akidah dalam upaya mencabik-cabik kesatuan Melayu. Mereka berusaha memecah belah bangsa Melayu dengan menggunakan percanggahan fikiran nasionalisme, bahasa dan agama Islam sendiri.

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

DARI MUKA 12

Fahaman sekularisme telah mulai mempengaruhi sebahagian cendekiawan Melayu dan ini sangat berbahaya oleh kerana bersamanya dibawa keyakinan bahawa manusia hanya memerlukan rasio atau akal sahaja untuk mengatur masyarakat. Jayanya manusia adalah disebabkan oleh akal dan segala kegiatan manusia hanya perlu diatur dengan undang-undang, dan pentadbiran tanpa memerlukan dasar-dasar rohani. Sekurang-kurangnya, sekularisasi yang telah mencengkam bangsa Melayu dapat menimbulkan sekularisasi dalam 2 bidang, iaitu 1) Sekularisasi di bidang politik dan kenegaraan, dan 2) Sekularisasi di bidang ilmu pengetahuan.

Sekularisasi di bidang politik/kenegaraan

Sekularisasi di bidang politik dan kenegaraan mempunyai pandangan yang sangat merosak, kerana memisahkan agama dan negara perlu. Menurut fahaman sekular, suatu negara baru disebut moden jika wujud suatu pemisahan antara negara dan agama. Fahaman ini sangat tidak sesuai dengan pandangan hidup MIB kerana negara tidak boleh menempatkan dirinya sebagai bahagian dari kekuasaan agama, dan juga tidak sebagai bahagian dari masyarakat keagamaan. Tujuan politik negara harus hanya dengan asas duniawi.

Masuknya fahaman sekular ke dalam satu negara dapat mengaburkan struktur politik yang sudah stabil, ingin memisahkan bidang ketatanegaraan dari struktur keagamaan dan ingin mengganti legitimasi politik yang ada dengan norma-norma sekular dan ingin kekuasaan politik di bidang-bidang yang semula diatur oleh kaedah-kaedah agama.

Fahaman sekular selalu mengaitkan pembangunan negara dan modenisasi dengan sekularisasi. Tujuan fahaman sekular adalah menghapuskan legitimasi sakral dan kekuasaan politik (desakralisasi politik) dengan alasan bahawa politik adalah kotor dan korup, dan perlu dipisahkan dari agama yang suci dan sakral. Fahaman sekular selalu menuduh bahawa anjuran yang bertujuan menyusun suatu sistem dan suatu pembangunan sosial ekonomi yang didasarkan atas metodologi yang berlandaskan agama itu, sebagai pandangan yang utopis, dan amat jauh dari kenyataan, ataupun menuduh fahaman Islam yang non-sekular sebagai reaksioner.

Yang paling celaka, banyak cendekiawan Melayu Muslim yang larut dan ikut-ikutan menerima pemikiran sekularisme ini, dan kerananya telah memberikan peluang kepada fahaman sekular untuk memasuki kehidupan bangsa Melayu Brunei.

Sekularisasi ilmu pengetahuan

Fahaman sekular yang telah dibawa oleh para orientalis selalu berusaha untuk memperluas jurang pemisah antara

agama dan ilmu, antara rasio dengan etik dan iman. Fahaman sekular tidak mengakui adanya peranan rohani dalam ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan bagi fahaman sekular adalah pengetahuan yang dapat diterima rasio (akal) saja, dan tidak mengakui adanya unsur ghaib dalam ilmu. Yang dapat dipercayai adalah pengetahuan yang tunduk kepada percubaan. Sekularisasi ilmu pengetahuan telah meracuni manusia dengan keyakinan bahawa segala apa pun di dunia ini dapat dijelaskan secara rasional (akaliah). Segala kehidupan manusia di atas dunia ini semuanya dapat ditafsirkan, difahami dan dijelaskan dalam konteks hukum alam dengan menggunakan hanya indera yang lima. Rasionalisme adalah satu aliran yang meletakkan kepercayaan penuh kepada fikiran manusia dalam segala aktiviti sama ada dalam memecahkan masalah alam ataupun dalam menyelesaikan persoalan-persoalan lainnya. Seorang rasionalis ialah orang yang menjadikan rasionalnya atau akalunya sebagai sumber pengetahuan yang paling tinggi, tanpa mengindahkan etik, atau wahyu.

Perbezaan antara sains sekular dengan sains MIB terletak pada keimanan, konsep realiti dan sudut pandangan terhadap semesta. Sains dalam konteks MIB haruslah sesuai dengan konsep sains dalam Islam, di mana alam semesta adalah bentangan petanda Allah Subhanahu Wataala supaya kita memahami kebesaran dan kekuasaan-Nya dan bukan terjadi dengan sendirinya secara kebetulan seperti pandangan sains sekular. Proses ketahuan, bukanlah proses biologis semata-mata, tetapi ada kaitannya dengan kehendak Tuhan atas makhluk-Nya. Kebenaran yang hakiki adalah kebenaran yang ditunjukkan oleh Al-Quran.

Fahaman sekular memandang kebenaran dan kenyataan di dunia ini sebagai hasil dari tradisi kebudayaan, hasil filsafat dan renungan-renungan yang bertalian dengan kehidupan duniawi. Pusat pemikiran adalah pada rasio (akal) manusia saja, dan tidak mempercayai rumusan tentang wahyu, dosa, atau kepercayaan agama. Fahaman sekular ini selalu merajakan akal fikiran dalam menilai sesuatu dan dalam menyingkap rahsia alam.

Fahaman sekular yang bertentangan dengan Islam dan tamadun Melayu itu, tidak sesuai dengan nilai hidup bangsa Melayu Brunei yang berasaskan Islam. Pandangan sekularisme secara keseluruhan merupakan pandangan yang sangat duniawi dan sama sekali tidak Islam dan bertentangan dengan Islam. Dalam Islam, yang rasional bukan sahaja yang berkaitan dengan penafsiran logis dan sistematis mengenai fakta empiris, dan sistematis kepada nilai-nilai ghaib, dan berorientasi kepada nilai-nilai dan etik Islam. Fahaman Islam tidak akan dapat menghasilkan ilmu pengetahuan yang dapat memusnahkan manusia, ataupun melupakan Tauhid, kerana segala perbuatan dalam membentuk ilmu atau penyelidikan dimulai dengan niat demi pengabdian kepada Allah Subhanahu Wataala.

Penyebaran fahaman sekularisme ini semakin tajam kerana bantuan dari akhbar-akhbar dan tulisan-tulisan dari cendekiawan Muslim sendiri. Akhbar-akhbar yang berbahasa Arab dan berlandaskan bulan sabit, dengan bertopengkan menjayakan ilmu atau kecintaan terhadap Timur yang masih mundur, telah menjadi suara dan trompet sekularisme yang merosak pemikiran Islam. Sekularisme yang memisahkan agama dan kehidupan telah menggiring pemerintah dan cendekiawan untuk bersetuju mencipta undang-undang tanpa nilai-nilai Islam dan nilai-nilai Melayu.

Bangsa Melayu Brunei harus berhati-hati terhadap fahaman sekularisme ini. Fahaman sekularisme telah merubah tata kehidupan orang Eropah, seperti telah membenarkan hubungan bebas antara lelaki dan perempuan, dan membenarkan zina atas dasar suka sama suka. Cendekiawan Islam perlu diperingati terhadap ajaran sesat yang berpendapat bahawa sekularisme tidak bertentangan dengan agama Islam dan sekularisme bukan lawan agama. Menurut mereka, sekularisme adalah antonim dari 'dunia lain'. Bahkan ada yang menganjurkan supaya sekularisasi dilaksanakan demi kemajuan umat Islam seperti yang dicuba oleh Nurchalis Majid dan kawan-kawan di Indonesia. Nurchalis Majid menganggap bahawa dunia ini merupakan arena kegiatan manusia, tidak ada yang sakral dan tidak ada yang tabu untuk kemakmuran dan kesejahteraan dunia. Terpujanglah kepada kekuatan akal dan rasio manusia dalam memecahkan dan memahami dunia.

Hujah-hujah di atas adalah sangat menyesatkan. Ayat-ayat Al-Quran jelas menyebutkan bahawa pemisahan antara agama dan negara, misalnya, adalah suatu kesalahpahaman yang amat besar, dan telah mencanggah perintah Allah yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallamu.

Sekularisme adalah suatu konsep yang amat asing dan bertentangan dengan Islam. Dalam pandangan Islam yang berdasarkan Tauhid, tidak dikenal konsep dikotomi dan dualisme, istilah-istilah sekular, profane, atau temporal tidak ada dalam konsep Islam. Dalam Islam, istilah duniawi, alami atau zaman tidak mengandungi pengertian seperti dalam konsep sekular. Dalam Islam, segala aktiviti manusia harus terikat kepada syariat, dan justeru itu, ia bersifat sakral. Setiap aktiviti Muslim dalam segala lapangan kehidupan dan penghidupan mereka, sama ada material mahupun spiritual, haruslah aktiviti yang diredei Allah, dan merupakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wataala. Kegiatan ekonomi harus dijalankan dalam semangat ketakwaan dalam batas hukum syariat yang ditentukan Allah Subhanahu Wataala. Dalam Islam, kehidupan duniawi tidak terputus dari kehidupan ukhrawi, kerana kehidupan ukhrawi adalah terusan dari kehidupan duniawi. Kehidupan ukhrawi ditentukan oleh amalan manusia di dunia.

Sekularisasi dapat menjalar ke bidang pendidikan, kebudayaan dan segi-segi kehidupan yang lain yang amat membahayakan kesinambungan nilai dan cara hidup Melayu. Oleh kerana itu, pengamalan cara hidup yang sesuai dengan doktrin dan cara hidup dalam konteks MIB perlu ditingkatkan dalam upaya membendung fahaman sekularisme yang mulai mencengkam kehidupan Melayu Brunei. Lebih lanjut, program Islamisasi ilmu pengetahuan, pendidikan, kursus dan kurikulum merupakan jalan terbaik dalam memerangi sekularisasi ilmu pengetahuan.

Ancaman dan gugatan kepada gaya pemerintahan Melayu

Bangsa Melayu Brunei juga perlu meningkatkan ketahanan nasional terhadap ancaman, gugatan, dan hambatan, sama ada dari dalam negeri mahupun dari luar negeri, yang merongrong cara dan gaya pemerintahan Melayu. Seperti halnya, negara-negara yang baharu merdeka, maka Negara Brunei Darussalam yang kaya raya ini tidak terlepas dari kehadiran sebahagian kecil golongan yang belum dan tidak puas, dan ingin mengubah

sistem pemerintahan Melayu yang sudah turun-temurun itu dengan sistem Barat yang pernah dibacanya cukup efektif di negara-negara Barat sana. Ancaman dan gugatan ini, kemungkinan besar didukung oleh kekuatan politik negara antarabangsa tertentu yang masih terus ingin merosakkan stabilitasi politik, sama ada di Negara Brunei Darussalam mahupun di negara-negara serantau lainnya.

Gugatan ini dapat dilakukan secara lunak, tetapi dapat juga merupakan ancaman terhadap eksistensi Negara Brunei Darussalam sendiri, dalam bentuk pemberontakan dan ancaman bersenjata.

Adanya ancaman, gugatan dan hambatan terhadap cara pemerintahan Melayu ini disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain: 1) Adanya usaha-usaha jahat untuk merobohkan sistem pemerintahan beraja secara Islam Melayu, dan ingin menggantikannya dengan sistem demokrasi Barat ataupun sistem sosialis Timur, yang kedua-duanya tidak sesuai dengan pandangan hidup orang Melayu Brunei. 2) Kurangnya pengertian masyarakat, ataupun individu, tentang cara-cara pemerintahan Melayu yang sudah turun-temurun dan sistem monarki Melayu Islam yang adil yang telah menghasilkan suatu sistem pemerintahan yang stabil di rantau ini. 3) Terdapatnya hambatan-hambatan di dalam negeri sendiri sebagai akibat dari adanya kelompok kecil yang tidak menginginkan adanya kestabilan pemerintahan, kesambungan pembangunan dan kemakmuran masyarakat, kerana kelompok ini tidak mungkin memperoleh keuntungan yang besar, jika kestabilan politik dan pemerintahan tercipta.

Ancaman, gugatan dan hambatan di atas perlu dikawal secara pasti dengan cara lebih memperkuat ketahanan nasional dan ukwah Islamiah dengan mengamalkan secara konsekuen sistem pemerintahan Melayu Islam. Beraja yang sudah teruji kesaktiannya. Ketahanan nasional akan dapat ditingkatkan dengan menerapkan MIB ke dalam segi-segi kehidupan bangsa dan Negara Brunei Darussalam.

Secara historis, penerapan MIB telah berlangsung lama, seperti wujudnya perlembagaan mengenai kuasa pemerintah, agama nasional, bahasa Melayu, peruntukan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961 dan Pemasyhuran Mengangkat Raja tahun 1959. Apa yang menjadi kewajipan utama dewasa ini adalah menulis konsep MIB secara ilmiah dan meningkatkan komitmen setinggi mungkin Melayu Brunei untuk menerapkan MIB dalam semua aspek kehidupan berbangsa dan bernegara.

Kurangnya pemahaman akan falsafah hidup Brunei

Ketahanan nasional dalam upaya menghalang masuknya pemikiran-pemikiran perosak. Fahaman-fahaman yang tidak sesuai dan juga ancaman serta gugatan-gugatan lain yang ingin memporak-perandakan kesatuan dan perpaduan bangsa Brunei, perlu lebih ditingkatkan lagi dengan memahami falsafah hidup bangsa Melayu Brunei yang diredei Allah. Falsafah hidup bangsa Melayu Brunei yang telah turun-temurun dipunyai itu, terkandung dalam konsep Melayu Islam Beraja. Penerapan, penghayatan dan pelaksanaan konsep MIB itu telah membuat negara kita bertahan menerima ujian yang berkurun-kurun lamanya dan tetap tegak sebagai suatu bangsa yang mempunyai kebudayaan dan tradisi sendiri. Konsep MIB mempunyai banyak ruang untuk modenisasi yang tidak merosakkan tamadun Islam Melayu, sehingga dengan falsafah hidup ini, bangsa Melayu Brunei akan dapat mengejar ketinggalan-ketinggalan dalam memacu dengan kemajuan di masa-masa akan datang.

Melalui pendidikan yang mempunyai rekabentuk calak Brunei ingin dibangun masa depan generasi baharu yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, takwa kepada Allah dan fahaman, tahu, kenal dan mengambil kira unsur-unsur kebruneian yang telah turun-temurun diamlalkan oleh datuk nenek, sebagai suatu penerapan dari konsep Melayu Islam Beraja, dalam upaya membangun masyarakat masa depan yang penuh takwa, tidak pernah luntur nilai-nilai budaya Melayu dan cinta kepada raja. Beriringan dengan itu, amatlah perlu diintelektualisasikan konsep Melayu Islam Beraja, dan diintensifkan penerapan, pengamalan dan penghayatannya secara konsekuen dan penuh komitmen, seperti yang telah diperlihatkan oleh generasi-generasi terdahulu dalam sejarah kita.

MASUKNYA fahaman sekular ke dalam satu negara dapat mengaburkan struktur politik yang sudah stabil, ingin memisahkan bidang ketatanegaraan dari struktur keagamaan dan ingin mengganti legitimasi politik yang ada dengan norma-norma sekular dan ingin kekuasaan politik di bidang-bidang yang semula diatur oleh kaedah-kaedah agama.

BERBAGAI PERSIAPAN DIATUR

OLEH TIMBANG BAKAR

GAMBAR-GAMBAR OLEH PG KAMALUDDIN PHAR
DAN MASMALEH HMA

BERBAGAI persiapan telah dan sedang diatur bagi menyambut Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-44 tahun. Beberapa hari saja lagi 15 Julai di mana kemuncak perayaan itu nanti akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara.

Persiapan yang sudah mula ketara sekarang ialah rancaknya pembinaan pintu-pintu gerbang di kawasan ibu negara dan sekitarnya, khususnya di jalan-jalan raya utama dan bangunan-bangunan kerajaan. Pemasaan lampu-lampu cucul yang memang sudah menjadi tradisi setiap kali menyambut hari-hari kebesaran di negara kita juga sedang giat dilaksanakan oleh jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta, terutama sekali di pusat bandar di mana pusat membeli-belah memainkan peranan memelihara suasana kegembiraan.

Pihak-pihak yang menganjurkan berbagai peraduan

kini juga sedang sibuk menyusun rancangan masing-masing. Peraduan nyanyian, baik tradisi atau moden dan peraduan muzik-muzik tempatan seperti guling tangan dan gambus dijangka akan mendapat tempat di kalangan peminat-peminat hiburan di tanahair.

Permainan-permainan tradisi juga tidak ketinggalan akan dipersembahkan, ini termasuklah pertandingan silat dan kuntau yang memang sudah lama popular dalam sambutan-sambutan perayaan. Pendek kata kesempatan akan digunakan sepenuhnya oleh pencinta-pencinta seni dan budaya untuk menghidupkan dan meneguhkan warisan-warisan bangsa yang sebahagiannya hampir pupus oleh pengaruh kehidupan sosial.

Perarakan tanglung dan kereta berhias yang akan diadakan di keempat-empat daerah merupakan kemuncak acara-acara sebelah malam. Persembahan bunga api di sebelah malam akan memelihara lagi suasana sambutan malam warna-warni. Ini akan ditambah serikan lagi

oleh hiasan lampu-lampu yang berbagai warna dan corak yang menjadikan seolah-olah ibu negara bermandikan cahaya.

Berbagai acara sukan akan turut memeriahkan lagi suasana kegembiraan. Perlawanan-perlawanan bolasepak, tarik kalat dan sukan-sukan ria akan mengisikan padang-padang permainan sepanjang perayaan ini diadakan sama ada ia dipertandingkan atau sekadar persembahan.

Pendek kata semua lapisan masyarakat akan sama-sama bergembira menyambut hari yang bersejarah itu. Dalam berbagai acara yang akan dipertandingkan dan dipersembahkan itu nanti tidak syak lagi akan memberi kesempatan yang luas kepada rakyat dan penduduk negara ini bukan saja berhibur dan bergembira tetapi juga untuk sama-sama mengukuhkan lagi perpaduan dan mengeratkan tali silaturahmi di samping menambahkan lagi ketaatan dan kasih sayang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.




PEKERJA-PEKERJA Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan sedang sibuk memasang pintu gerbang di hadapan bangunan jabatan tersebut.



PINTU gerbang di Jalan Tutong berdekatan dengan Sekolah Menengah Arab.



PINTU gerbang berdekatan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di Jalan Kumbang Pasang.



INI adalah rangka pintu gerbang yang baru didirikan di hadapan bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Lawatan Perpustakaan Bergerak

Pusat Perhentian	Tarikh	Hari	Masa
Sekolah Rendah limau Manis	4.7.1990	Rabu	8.30 — 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkalan Batu	4.7.1990	Rabu	9.45 — 10.45 pagi
Sekolah Rendah Masin	4.7.1990	Rabu	11.00 — 12.00 t/hari
Sekolah Rendah Putat	4.7.1990	Rabu	8.45 — 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kasat	4.7.1990	Rabu	10.00 — 11.00 pagi
Sekolah Rendah kupang	4.7.1990	Rabu	2.00 — 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Mentiri	5.7.1990	Khamis	9.00 — 10.00 pagi
Sekolah Rendah Berakas Garison	5.7.1990	Khamis	10.15 — 11.15 pagi
Sekolah Rendah Bengkurong	5.7.1990	Khamis	8.30 — 9.30 pagi
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	5.7.1990	Khamis	10.15 — 11.15 pagi
Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat Pusat Bahagia Pulaie	5.7.1990	Khamis	9.30 — 10.30 pagi
Sekolah Rendah Jerudong	7.7.1990	Sabtu	8.30 — 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	7.7.1990	Sabtu	9.45 — 10.45 pagi
Sekolah Rendah Sengkunong	7.7.1990	Sabtu	11.00 — 12.00 t/hari
Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut	7.7.1990	Sabtu	2.00 — 3.00 petang
Kawasan Rumah Persatuan kampung Tanah Ja'u	8.7.1990	Ahad	9.00 — 10.00 pagi
Kampung Perpu'dahan Serasa Di hadapan Kedai Muara	8.7.1990	Ahad	10.15 — 11.15 pagi
Sekolah Rendah Junjongan	8.7.1990	Ahad	11.30 — 12.00 t/hari
Sekolah Rendah Panchor Murai	9.7.1990	Isnin	9.00 — 10.00 pagi
Sekolah Rendah Lumapas	9.7.1990	Isnin	10.15 — 11.15 pagi
Sekolah Ingeris Berakas (petang)	9.7.1990	Isnin	9.30 — 10.30 pagi
sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas	9.7.1990	Isnin	2.00 — 3.00 petang
Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas Subok	10.7.1990	Selasa	3.30 — 4.30 petang
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	10.7.1990	Selasa	8.30 — 9.30 pagi
			10.00 — 11.00 pagi

PERADUAN MUZIK ASLI GULING TANGAN DAN GAMBUS

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Jun. — Peraduan Muzik Asli Guling Tangan dan Gambus adalah salah satu daripada rancangan-rancangan yang telah disusun sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan itu dianjurkan

oleh Jawatankuasa Malam Kesenian dan Kebudayaan Antarabangsa dan dikendalikan oleh Persatuan Kampong Sungai Pandan (PERWIRA) dan penduduk kampung itu.

Ia terbuka kepada persatuan-persatuan belia, kampung-kampung, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan kebajikan di kawasan Kampong Ayer.

Borang dan keterangan lanjut boleh diperolehi dari Awang Haji Azahari bin Gemok di Bubungan Dua Belas atau di Kampong Pandan; Awang Abdul Kadir bin Awang Damit di Sekolah Menengah Awang Semaun atau Awang Haji Daali bin Haji Hidup di Bahagian Kenderaan Kementerian Pendidikan di Pusuar Ulak. Penyertaan ditutup pada 12 Julai depan.

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA

MEMBERI KESEDARAN KEPADA PEMANDU

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL
GAMBAR-GAMBAR OLEH
PENGIRAN KAMALUDDIN PHAR
DAN MASMALEH HMA.



SEORANG anggota polis sedang memeriksa salah sebuah kereta semasa mengadakan sekatan jalan raya sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya di seluruh negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Jun. — Pasukan Polis Diraja Brunei mengadakan Kempen Minggu Keselamatan Jalan Raya selama tiga hari bermula hari ini hingga 1 Julai di seluruh negara.

Semasa kempen itu dijalankan pihak polis mengadakan beberapa sekatan jalan

raya di seluruh negara untuk memeriksa setiap kenderaan yang tidak mematuhi peraturan lalulintas.

Mereka juga mengadakan tangkapan terhadap pengubahsuaian kereta dan had laju untuk membanteras pemandu-pemandu yang gemar

memandu dengan laju.

Kempen keselamatan jalan raya ini dihasratkan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang peraturan lalulintas dan juga demi menjaga keselamatan nyawa pengguna jalan raya.

Pihak polis menyeru orang ramai agar memberikan kerjasama mereka sepenuhnya bagi menjayakan kempen tersebut.

Pemandu-pemandu yang didapati bersalah pada hari itu yang tidak mematuhi peraturan had laju pada kawasan-kawasan yang telah ditetapkan juga diambil tindakan dengan membayar denda secara kompaun.

Pihak polis berkata, mereka akan meneruskan sekatan jalan raya di beberapa buah tempat selepas kempen ini berakhir.


ANGGOTA polis ini sedang menunjuk dan memberi tahu kepada si pemandu yang tayar keretanya sudah botak (bawah).

SELAMA tiga hari Kempen Keselamatan Jalan Raya diadakan pihak polis yang mengadakan sekatan di jalan-jalan raya telah mendapati 700 kesalahan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu kenderaan:-

Hari pertama 266
Hari kedua 238
Hari ketiga 196



PEMANDU yang didapati bersalah membayar denda di tempat kejadian.



PASUKAN Polis Diraja Brunei ketika mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya di Persiaran Damuan di Jalan Tutong.



TAYAR kereta ini sudah botak, polis terpaksa mengambil tindakan.



DUTA Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Haji Ferdy Salim ketika menyempurnakan penyampian Bintang Yudha Dharma Utama kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di Wisma Duta Besar Republik Indonesia di sini. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Media massa perlu beri kesedaran kepada wanita

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Jun. — Pengarah Perancangan Perkembangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan, Datin Hajjah Mislis binti Haji Awang berkata pentingnya media massa dalam memberikan kesedaran dan menyediakan maklumat yang berguna kepada orang ramai terutama kaum wanita.

"Saya percaya Kursus Dokumentari Radio Untuk Wanita" membantu menonjolkan dan mengukuhkan imej kaum wanita sebagai sebahagian dari kumpulan masyarakat yang penting dan utuh terutama sekali dalam bidang media massa," jelas Datin Hajjah Mislis semasa berucap di Majlis Penutupan Rasmi Kursus Serantau Radio Dokumentari Untuk Wanita yang berlangsung di Rumah Peringgahan Kerajaan di sini.

Selain menjadi suri rumah tangga dan ibu kepada anak-anak, kata Datin Hajjah Mislis, kaum wanita juga memainkan peranan yang besar sebagai peserta yang aktif dan produktif dari segi ekonomi dan juga selaku penyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Katanya, sebagai peserta yang aktif dan produktif dari segi ekonomi, ianya juga menghasilkan pendapatan tambahan kepada keluarganya serta meningkatkan ekonomi keluarganya.

"Sebagai penyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara, ianya memiliki nilai yang berpotensi tinggi, penglibatan dan sum-

Oleh
Aliddin Haji Mokhtal

bangannya dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara ternyata begitu tereslah," ujarlah.

Pada keseluruhannya, tambah Datin Hajjah Mislis, wanita merupakan golongan pekerja yang boleh diharapkan dan dengan peranan yang mereka mainkan menghasilkan potensi yang amat diperlukan bagi pembangunan negara.

Datin Hajjah Mislis berharap, agar kursus ini akan dapat menolong para peserta untuk memperolehi pengalaman dalam mengembangkan potensi dan kemahiran mereka dan segala yang mereka pelajari akan dapat dipraktikkan kelak.

Seramai 11 peserta telah memamatkan Kursus Serantau Dokumentari Radio Untuk Wanita yang berjalan selama tiga minggu itu disertai oleh para peserta dari negara India, Malaysia, Maldives, Pakistan, Singapura, Sri Langka dan Negara Brunei Darussalam.

Kursus tersebut merupakan kursus ketiga daripada empat kursus anjuran Institut Perkembangan Penyiaran Asia Pasifik (AIBD) yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dan negara ini buat pertama kalinya menjadi tuan rumah bagi program ini.

Dua orang tenaga pengajar mengendalikan kursus terse-

but iaitu Dayang Judith Ann Copper dari Australia dan Dayang Sharma Kumari dari Malaysia.

Kursus itu antara lain bertujuan untuk mengajar kemahiran asas dalam membuat dokumentari radio dan memberikan kesedaran tentang wanita stereotaip dan program untuk wanita.

Menurut Timbalan Pengarah Penyiaran, Awang Haji Alidin bin Haji Othman, kursus yang keempat dijangka diadakan dalam bulan Oktober tahun ini iaitu Kursus Broadcast and Management Training For Women in Middle Management.

Di akhir majlis Datin Hajjah Mislis binti Haji Awang telah menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para peserta.



PENGARAH Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan, Datin Hajjah Mislis binti Haji Awang ketika menyampaikan sijil kepada Dayang Salmah binti Abd. Rahman yang mengikuti Kursus Serantau Dokumentari Radio Untuk Wanita. — Gambar oleh Harun Rashid.

BENDERA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DENGAN ini dimaklumkan kepada orang ramai bahawa Bendera Negara Brunei Darussalam boleh didapati di Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan harga \$8.20 sen sehelai. Orang ramai yang berhajat bagi membeli bendera tersebut bolehlah berhubung di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada waktu-waktu bekerja biasa.

DIANUGERAHKAN BINTANG YUDHA DHARMA UTAMA

Oleh
Aliddin Haji Mokhtal

tikaian yang masih membuka kemungkinan untuk melibatkan negara-negara yang berada di wilayah lain," ujar Tuan Yang Terutama.

Untuk itu kata Tuan Yang Terutama lagi, bagi menghadapi kemungkinan perubahan situasi dunia yang sering tidak terduga, persiapan serta kemandirian pertahanan nasional dan pertahanan serantau sangat penting.

"ASEAN walaupun bukan merupakan organisasi ketenteraan, namun kerjasama yang tulus dan harmonis dalam bidang pertahanan nasional, khususnya angkatan bersenjata di antara masing-masing anggota akan sangat mempengaruhi dan bermanfaat bagi kehidupan dan terciptanya pertahanan nasional masing-masing mahupun pertahanan regional di wilayah kita ini," jelas Tuan Yang Terutama.

Dalam hubungan ini kerjasama dan saling pengertian antara kedua negara yang telah terjalin khususnya di bidang angkatan bersenjata akan dapat dipertingkatkan sehingga kehidupan ber-negara yang sama-sama kita inginkan dapat tercapai dan pembangunan di negara masing-masing dapat terlaksana, Tuan Yang Terutama berharap.

Penganugerahan bintang ini ialah bagi menghargai segala jasa Yang Amat Mulia dalam usaha meningkatkan dan mempereratkan hubu-

ngan kerjasama yang baik antara pemerintah Republik Indonesia dengan pemerintah Kerajaan Negara Brunei Darussalam khususnya antara Angkatan Bersenjata Republik Indonesia dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

"Bintang Yudha Dharma Utama" adalah merupakan tanda kehormatan tertinggi Angkatan Bersenjata Republik Indonesia yang dianugerahkan oleh Pemerintah Indonesia kepada warganegara Indonesia baik dari Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) mahupun dari kalangan awam serta warganegara asing atas jasa mereka dalam pembangunan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia.

Penghargaan tanda kehormatan Bintang Yudha Dharma Utama kepada Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu tersebut didasarkan atas keputusan Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto pada 16 Januari yang lalu.

Tanda kehormatan Bintang Yudha Dharma Utama juga telah dianugerahkan oleh Presiden Soeharto kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Mohd. Daud dalam bulan Februari 1988 di Jakarta.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Setiausaha Tetap Dasar dan Pentadbiran Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Alimin dan para pegawai kanan kerajaan.

Mesyuarat agung persatuan pelukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pelukis Brunei akan mengadakan mesyuarat agungnya bagi memilih ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang baru bagi musim 1990-1992 pada 6 Julai ini jam 2.30 petang bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Semua ahli-ahli persatuan diminta hadir. Orang ramai yang berminat untuk memasuki persatuan itu juga dialu-alukan hadir ke mesyuarat tersebut.

SELAMAT HARI RAYA AIDILADHA